

---

MUTIARA  
YANG  
SANGAT  
BERHARGA

---

# MUTIARA YANG SANGAT BERHARGA

SEBUAH KOLEKSI WAHYU,  
TERJEMAHAN, DAN PENCERITAAN  
JOSEPH SMITH

NABI PERTAMA, PELIHAT DAN PEWAHYU  
GEREJA YESUS KRISTUS  
ORANG SUCI ZAMAN AKHIR



## KANDUNGAN

Pengenalan . . . . .	v
Musa . . . . .	1
Abraham . . . . .	.39
Salinan 1 . . . . .	.38
Salinan 2 . . . . .	.48
Salinan 3 . . . . .	.55
Joseph Smith—Matius . . . . .	.58
Joseph Smith—Sejarah . . . . .	.63
Fasal-Fasal Kepercayaan . . . . .	.83



## PENGENALAN

**M**utiara yang Sangat Berharga adalah suatu koleksi bahan-bahan terpilih yang menyentuh banyak aspek penting berkaitan dengan kepercayaan dan ajaran Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir. Bahan-bahan ini telah diterjemahkan dan dihasilkan oleh Nabi Joseph Smith dan kebanyakannya telah diterbitkan di dalam terbitan-terbitan berkala Gereja pada zamannya.

Koleksi pertama bahan-bahan yang berjudul Mutiara yang Sangat Berharga dibuat pada 1851 oleh Elder Franklin D. Richards, yang pada waktu itu seorang anggota Majelis Dua Belas dan presiden bagi Misi British. Tujuannya adalah untuk membolehkan beberapa artikel-artikel yang penting mudah didapati yang mempunyai penyebaran yang terhad semasa zaman Joseph Smith. Sementara keanggotaan Gereja meningkat di seluruh Eropah dan Amerika, terdapat keperluan untuk menjadikan bahan-bahan ini tersedia. Mutiara yang Sangat Berharga diterima penggunaannya secara meluas dan sesudah itu menjadi sebuah kitab standard Gereja oleh Presidensi Utama dan persidangan umum di Salt Lake City pada 10 Oktober 1880.

Beberapa perubahan telah dibuat di dalam isi kandungan sebagaimana yang diperlukan oleh Gereja. Pada 1878 bahagian-bahagian dari kitab Musa yang tidak terkandung di dalam edisi pertama telah ditambahkan. Pada 1902 bahagian-bahagian tertentu dari Mutiara yang Sangat Berharga yang merupakan bahan yang berulang yang juga diterbitkan dalam Ajaran dan Perjanjian, dikeluarkan. Penyusunan bab dan ayat, dengan nota-nota kaki, telah dilakukan pada 1902. Terbitan pertama dalam halaman-halaman ruangan berganda, dengan indeks, adalah pada 1921. Tiada perubahan-perubahan lain yang dibuat sehinggalah April 1976, apabila dua buah wahyu ditambahkan. Pada 1979 dua buah wahyu ini telah dikeluarkan dari Mutiara yang Sangat Berharga dan ditempatkan di dalam Ajaran dan Perjanjian, di mana ianya merupakan bahagian 137 dan 138. Dalam edisi terkini beberapa perubahan telah dibuat untuk memastikan teks tersebut sepadan dengan dokumen-dokumen yang lebih awal.

Berikut adalah sebuah pengenalan singkat tentang isi kandungan yang terkini:

1. *Koleksi dari Kitab Musa*. Sebuah petikan dari kitab Kejadian dari terjemahan Alkitab oleh Joseph Smith, yang telah dia mulakan pada Jun 1830.
2. *Kitab Abraham*. Sebuah terjemahan bagi penulisan Abraham. Joseph Smith telah memulakan penterjemahannya dalam tahun 1835 setelah mendapatkan beberapa papirus Mesir. Terjemahan ini telah

diterbitkan secara bersiri dalam *Times and Seasons* bermula pada 1 Mac 1842, di Nauvoo, Illinois.

3. *Joseph Smith—Matius*. Sebuah petikan dari kesaksian Matius dalam terjemahan Alkitab oleh Joseph Smith (lihat Ajaran dan Perjanjian 45:60–61 mengenai perintah Ilahi untuk memulakan penterjemahan Perjanjian Baru).
4. *Joseph Smith—Sejarah*. Petikan-petikan dari kesaksian dan sejarah rasmi Joseph Smith, yang dia dan jurutulisnya telah sediakan dalam tahun 1838–1839 dan telah diterbitkan secara bersiri di dalam *Times and Seasons* di Nauvoo, Illinois, bermula pada 15 Mac 1842.
5. *Fasal-Fasal Kepercayaan Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir*. Sebuah pernyataan oleh Joseph Smith yang telah diterbitkan dalam *Times and Seasons* pada 1 Mac 1842, bersama dengan sebuah sejarah Gereja yang singkat yang terkenal sebagai Surat Wentworth.

# PILIHAN-PILIHAN DARI KITAB MUSA

*Sebuah petikan dari terjemahan Alkitab yang diwahyukan kepada  
Nabi Joseph Smith, pada Jun 1830–Februari 1831.*

## BAB 1 (Jun 1830)

*Tuhan menunjukkan Diri-Nya kepada Musa—Musa diubah rupa—Dia dihadapi oleh Setan—Musa melihat banyak dunia yang dihuni—Dunia-dunia yang tak terhitung jumlahnya telah diciptakan oleh Putera—Pekerjaan dan kemuliaan Tuhan adalah untuk mendatangkan kebaqaan dan kehidupan abadi bagi manusia.*

**F**IRMAN-FIRMAN Tuhan, yang Dia <sup>a</sup>firman kepada <sup>b</sup>Musa pada suatu waktu ketika Musa diangkat ke sebuah gunung yang amat tinggi,

2 Dan dia <sup>a</sup>melihat Tuhan <sup>b</sup>berhadapan muka, dan dia bercakap dengan-Nya, dan <sup>c</sup>kemuliaan Tuhan berada pada Musa; oleh kerana itu Musa dapat <sup>d</sup>bertahan di dalam hadirat-Nya.

3 Dan Tuhan berfirman kepada Musa, memfirmankan: Lihatlah, Akulah Tuhan Raja Yang <sup>a</sup>Maha

Kuasa, dan <sup>b</sup>Tanpa Akhir adalah nama-Ku; kerana Aku tanpa permulaan hari atau pengakhiran tahun; dan bukankah ini tanpa akhir?

4 Dan, lihatlah, engkaulah anak-Ku; kerana itu <sup>a</sup>lihatlah, dan Aku akan menunjukkan kepada engkau hasil kerja <sup>b</sup>tangan-Ku; tetapi tidak kesemuanya, kerana <sup>c</sup>pekerjaan-pekerjaan-Ku adalah tanpa <sup>d</sup>akhir, dan juga <sup>e</sup>firman-Ku, kerana ianya tidak pernah berhenti.

5 Kerana itu, tiada seorang pun dapat melihat semua pekerjaan-Ku, kecuali dia melihat seluruh kemuliaan-Ku; dan tiada seorang pun dapat melihat seluruh kemuliaan-Ku, dan sesudah itu masih hidup di atas bumi.

6 Dan Aku mempunyai sebuah pekerjaan bagimu, Musa, anak-Ku; dan engkau memiliki suatu <sup>a</sup>kemiripan dengan <sup>b</sup>Anak Tunggal-Ku; dan Anak Tunggal-Ku ialah dan akan menjadi <sup>c</sup>Juruselamat, kerana

- 1 *a* Alma 12:30;  
Musa 1:42.  
*b* pts Musa.  
2 *a* Kel. 3:6; 33:11;  
TJS Kel. 33:20, 23  
(Lampiran);  
Yoh. 1:18; 6:46;  
Eter 3:6–16;  
Musa 1:11.  
*b* Bil. 12:6–8;  
Ul. 34:10;  
A&P 17:1.  
*c* Ul. 5:24;

- Musa 1:13–14, 25.  
pts Kemuliaan.  
*d* pts Perubahan Rupa.  
3 *a* Why. 11:17; 19:6;  
1 Ne. 1:14;  
A&P 121:4.  
pts Tuhan,  
Kesatuan Ketuhanan.  
*b* Yes. 63:16;  
A&P 19:9–12;  
Musa 7:35.  
pts Tanpa Akhir.  
4 *a* Musa 7:4.

- b* Musa 7:32, 35–37.  
*c* Mzm. 40:5;  
A&P 76:114.  
*d* Mzm. 111:7–8;  
Musa 1:38.  
*e* 2 Ne. 9:16;  
A&P 1:37–39.  
pts Firman Tuhan.  
6 *a* Kej. 1:26;  
Eter 3:14–15;  
Musa 1:13–16.  
*b* pts Putera Tunggal.  
*c* pts Juruselamat.

Dia penuh dengan <sup>d</sup>rahmat dan <sup>e</sup>kebenaran; tetapi <sup>f</sup>tiada Tuhan lain selain Aku, dan segala hal hadir bersama-Ku, kerana Aku <sup>g</sup>mengetahui mereka semua.

7 Dan sekarang, lihatlah, sebuah hal ini Aku tunjukkan kepadamu, Musa, anak-Ku, kerana engkau berada di dalam dunia, dan sekarang Aku tunjukkannya kepadamu.

8 Dan terjadilah bahawa Musa memandang, dan melihat <sup>d</sup>dunia di mana dia telah diciptakan; dan Musa <sup>b</sup>melihat dunia dan hujung-hujungnya, dan semua anak manusia yang sedang berada di dalamnya, dan yang telah diciptakan; tentang yang sama dia amat <sup>c</sup>takjub dan hairan.

9 Dan kehadiran Tuhan meninggalkan Musa, bahkan kemuliaan-Nya tidak berada pada Musa; dan Musa ditinggalkan sendirian. Dan semasa dia ditinggalkan sendirian, dia rebah ke tanah.

10 Dan terjadilah bahawa ianya sudah berjam-jam lamanya sebelum Musa mendapat kembali <sup>a</sup>kuatannya seperti manusia; dan dia berkata kepada dirinya sendiri: Sekarang, disebabkan ini aku tahu bahawa manusia <sup>b</sup>bukanlah

apa-apa pun, hal yang tidak pernah aku sangkakan.

11 Tetapi sekarang mataku sendiri telah melihat <sup>a</sup>Tuhan; tetapi bukan mata <sup>b</sup>fanaku, tetapi mata rohaniku, kerana mata fanaku tidak dapat melihat; kerana aku akan <sup>c</sup>layu dan <sup>d</sup>mati di dalam hadirat-Nya; tetapi kemuliaan-Nya berada padaku; dan aku melihat <sup>e</sup>muka-Nya, kerana aku <sup>f</sup>diubah rupa di hadapan-Nya.

12 Dan terjadilah bahawa apabila Musa telah mengatakan perkataan ini, lihatlah, <sup>a</sup>Setan datang <sup>b</sup>menggodanya, mengatakan: Musa, anak manusia, sembahlah aku.

13 Dan terjadilah bahawa Musa memandang Setan dan berkata: Siapakah engkau? Kerana lihatlah, aku ialah seorang <sup>a</sup>anak Tuhan, yang memiliki kemiripan dengan Anak Tunggal-Nya; dan di manakah kemuliaanmu, sehinggakan aku harus menyembah engkau?

14 Kerana lihatlah, aku tidak dapat memandang Tuhan, kecuali kemuliaan-Nya harus datang kepadaku, dan aku <sup>a</sup>diubah rupa di hadapan-Nya. Tetapi aku dapat memandang engkau dengan manusia fana. Bukankah begitu, pastinya?

6d Yoh. 1:14, 17;

Alma 13:9.

prts Rahmat.

e Musa 5:7.

f 1 Raj. 8:60;

Yes. 45:5-18, 21-22.

g 1 Ne. 9:6;

2 Ne. 9:20;

Alma 18:32;

A&P 38:1-2.

prts Maha Mengetahui.

8a Musa 2:1.

b Musa 1:27.

c Mzm. 8:3-4.

10a Dan. 10:8, 17;

1 Ne. 17:47;

Alma 27:17;

JS-S 1:20.

b Dan. 4:35;

Hel. 12:7.

11a prts Tuhan, Kesatuan  
Ketuhanan.

b A&P 67:10-13;

Musa 6:36.

c Kel. 19:21.

d Kel. 20:19.

e Kej. 32:30;

Musa 7:4.

f Mat. 17:1-8.

prts Perubahan Rupa.

12a Musa 4:1-4.

prts Iblis.

b Musa 6:49.

prts Godaan,

Menggoda.

13a Mzm. 82:6;

Ibr. 12:9;

1 Yoh. 3:2.

14a prts Perubahan Rupa.

15 Diberkatilah nama Tuhanku, kerana Roh-Nya belum meninggalkanku sepenuhnya, jika tidak di manakah kemuliaanmu, kerana ia adalah kegelapan bagiku? Dan aku dapat menilai di antara engkau dan Tuhan; kerana Tuhan berfirman kepadaku: “Sembahlah Tuhan, kerana hanya Dialah yang harus engkau <sup>b</sup>layani.

16 Pergilah engkau dari tempat ini, Setan; janganlah memperdayakanku; kerana Tuhan berfirman kepadaku: Engkau memiliki <sup>a</sup>kemiripan dengan Anak Tunggal-Ku.

17 Dan Dia juga memberiku perintah-perintah semasa Dia memanggilku dari <sup>a</sup>semak yang terbakar, memfirmankan: <sup>b</sup>Mintalah kepada Tuhan dalam nama Anak Tunggal-Ku, dan sembahlah Aku.

18 Dan lagi Musa berkata: Aku tidak akan berhenti untuk meminta kepada Tuhan, aku mempunyai hal-hal lain untuk memohon kepada-Nya: kerana kemuliaannya telah berada padaku, kerana itu aku dapat menilai di antara Dia dan engkau. Pergilah dari sini, Setan.

19 Dan sekarang, apabila Musa telah mengatakan perkataan ini, Setan berseru dengan suatu suara yang nyaring, dan menjerit-jerit di atas tanah, dan memerintah, mengatakan: Akulah <sup>a</sup>Anak Tunggal, sembahlah aku.

20 Dan terjadilah bahawa Musa mula berasa sangat takut; dan

semasa dia mula ketakutan, dia melihat kepahitan <sup>a</sup>neraka. Walaupun demikian, <sup>b</sup>memohon kepada Tuhan, dia menerima kekuatan, dan dia memerintah, mengatakan: Pergilah daripadaku, Setan, kerana hanya kepada satu Tuhan ini yang akan aku sembah, iaitu Tuhan kemuliaan.

21 Dan sekarang “Setan mulai gementar, dan bumi bergoncang; dan Musa menerima kekuatan, dan memohon kepada Tuhan, mengatakan: Dalam nama Anak Tunggal, pergilah dari sini, Setan.

22 Dan terjadilah bahawa Setan berseru dengan suatu suara yang nyaring, dengan tangisan, dan ratapan, dan <sup>a</sup>kertakan gigi; dan dia pergi dari tempat itu, bahkan dari hadapan Musa, hingga dia tidak melihatnya.

23 Dan sekarang Musa memberikan kesaksian tentang hal ini; tetapi kerana kejahatan ianya tidak diketahui di kalangan anak-anak manusia.

24 Dan terjadilah bahawa apabila Setan telah pergi dari hadapan Musa, maka Musa mengangkat matanya ke langit, dipenuhi dengan <sup>a</sup>Roh Kudus, yang memberikan kesaksian tentang Bapa dan Putera;

25 Dan memanggil nama Tuhan, dia melihat kemuliaan-Nya lagi, kerana ia berada padanya, dan dia mendengar suatu suara, memfirmankan: Diberkatilah engkau,

15a Mat. 4:10.  
PTS Menyembah.  
b 1 Sam. 7:3;  
3 Ne. 13:24.  
16a Musa 1:6.

17a Kel. 3:2.  
b Musa 5:8.  
19a Mat. 24:4–5.  
20a PTS Neraka.  
b JS—S 1:15–16.

PTS Doa.  
21a PTS Iblis.  
22a Mat. 13:41–42;  
Mosia 16:1–3.  
24a PTS Roh Kudus.

Musa, kerana Aku, Yang Maha Kuasa, telah memilih engkau, dan engkau akan dijadikan lebih kuat daripada <sup>a</sup>perairan yang banyak; kerana mereka akan mematuhi <sup>b</sup>perintahmu seolah-olah engkau ialah <sup>c</sup>Tuhan.

26 Dan lihatlah, Aku bersama engkau, bahkan sehingga hari-harimu yang terakhir; kerana engkau akan <sup>a</sup>membebaskan umat-Ku dari <sup>b</sup>perhambaan, bahkan <sup>c</sup>Israel <sup>d</sup>pilihan-Ku.

27 Dan terjadilah, ketika suara itu masih berfirman, Musa mengarahkan matanya dan <sup>a</sup>melihat bumi, ya, bahkan semuanya; dan tiada suatu zarah pun darinya yang tidak dilihatnya, mengenalinya melalui Roh Tuhan.

28 Dan dia juga melihat para penduduknya, dan tiada satu jiwa pun yang tidak dilihatnya; dan dia mengenali mereka melalui Roh Tuhan; dan jumlah mereka besar, bahkan tak terhitung jumlahnya bagaikan pasir di atas pantai.

29 Dan dia melihat banyak tanah; dan setiap tanah dinamakan <sup>a</sup>daratan, dan terdapat para penduduk di atas permukaannya.

30 Dan terjadilah bahawa Musa memohon kepada Tuhan, menga-

takan: Beritahulah aku, aku berdoa kepada-Mu, mengapakah hal-hal ini sedemikian, dan dengan apakah Engkau menciptakan mereka?

31 Dan lihatlah, kemuliaan Tuhan berada pada Musa, supaya Musa berdiri di dalam hadirat Tuhan, dan bercakap dengan-Nya <sup>a</sup>berhadapan muka. Dan Tuhan Raja berfirman kepada Musa: Untuk <sup>b</sup>tujuan-Ku sendiri telah Aku ciptakan hal-hal ini. Inilah kebijaksanaan dan biarlah ia tersimpan di dalam-Ku.

32 Dan melalui kuasa <sup>a</sup>firman-Ku, telah Aku ciptakan mereka, iaitu Putera Tunggal-Ku, yang penuh dengan <sup>b</sup>rahmat dan <sup>c</sup>kebenaran.

33 Dan <sup>a</sup>dunia-dunia yang tak terhitung jumlahnya telah Aku <sup>b</sup>ciptakan; dan Aku juga menciptakan mereka untuk tujuan-Ku sendiri; dan melalui Putera, Aku telah menciptakan mereka, iaitu <sup>c</sup>Anak Tunggal-Ku.

34 Dan orang <sup>a</sup>pertama dari semua manusia telah Aku namakan <sup>b</sup>Adam, yang bermaksud <sup>c</sup>banyak.

35 Tetapi hanya laporan tentang bumi ini, dan para penduduknya, Aku berikan kepadamu. Kerana lihatlah, ada banyak dunia yang telah berlalu melalui kuasa firman-Ku. Dan ada banyak yang

25a Kel. 14:21–22.

b prs Imamah;  
Kuasa.

c Kel. 4:16.

26a Kel. 3:7–12.

b 1 Ne. 17:23–25.

c 1 Raj. 8:51–53.

prs Israel.

d prs Terpilih.

27a A&P 88:47;

Musa 1:8.

prs Penglihatan.

29a prs Bumi.

31a Ul. 5:4;

Musa 1:11.

b Yes. 45:17–18;

2 Ne. 2:14–15.

32a Yoh. 1:1–4, 14;

Ibr. 1:1–3;

Why. 19:13;

Yakub 4:9;

Musa 2:1, 5.

prs Yesus Kristus.

b Mzm. 19:1;

Musa 5:7–8.

prs Rahmat.

c prs Kebenaran.

33a Mzm. 8:3–4;

A&P 76:24;

Musa 7:29–30.

b prs Mencipta,

Penciptaan.

c Musa 1:6.

34a Musa 3:7.

b Abr. 1:3.

prs Adam.

c Musa 4:26; 6:9.

wujud sekarang, dan tak terhitung banyaknya bagi manusia, tetapi segalanya terhitung bagi-Ku, kerana mereka adalah milik-Ku dan Aku “mengenalinya mereka.

36 Dan terjadilah bahawa Musa berkata kepada Tuhan, mengatakan: Berbelas kasihanlah kepada hamba-Mu, Ya Tuhan, dan beritahulah aku mengenai bumi ini, dan para penduduknya, dan juga semestanya, dan barulah hamba-Mu ini akan berpuas hati.

37 Dan Tuhan Raja berfirman kepada Musa, memfirmankan: “Semesta itu, banyak, dan ia tidak dapat dihitungkan oleh manusia; tetapi ianya terhitung bagi-Ku, kerana mereka adalah milik-Ku.

38 Dan seperti sebuah bumi akan berlalu, dan semestanya demikian juga yang lain akan datang; dan tiada “akhirnya bagi pekerjaan-Ku, tidak juga bagi firman-firman-Ku.

39 Kerana lihatlah, inilah “pekerjaan-Ku dan <sup>b</sup>kemuliaan-Ku—untuk mendatangkan <sup>c</sup>kebaqaan dan <sup>d</sup>kehidupan abadi bagi manusia.

40 Dan sekarang, Musa, anak-Ku, Aku akan berfirman kepadamu mengenai bumi ini yang engkau sedang berdiri di atasnya; dan engkau harus “menulis hal-hal ini yang Aku akan firmankan.

41 Dan pada suatu hari apabila

anak-anak manusia akan menganggap firman-firman-Ku tidak bererti dan “mengambil banyak daripadanya dari kitab yang engkau akan tulis, lihatlah, Aku akan membangkitkan seorang lagi <sup>b</sup>seperti engkau; dan <sup>c</sup>ianya akan dimiliki lagi di kalangan anak-anak manusia—di kalangan mereka yang akan percaya.

42 (Firman-firman ini “difirmankan kepada Musa di gunung, yang mana namanya tidak akan diketahui di kalangan anak-anak manusia. Dan sekarang ianya diucapkan kepadamu. Janganlah menunjukkannya kepada sesiapa pun kecuali mereka yang percaya. Demikianlah. Amin.)

## BAB 2

(Jun–Oktober 1830)

*Tuhan menciptakan langit dan bumi—Segala bentuk kehidupan diciptakan—Tuhan menjadikan manusia dan memberinya kekuasaan ke atas semua yang lain.*

DAN terjadilah bahawa Tuhan berfirman kepada Musa, memfirmankan: Lihatlah, Aku “mewahyukan kepadamu mengenai <sup>b</sup>semesta ini, dan <sup>c</sup>bumi ini; tulislah firman-firman yang Aku firmankan. Akulah Yang Awal dan Yang Akhir, “Tuhan Yang Maha Kuasa;

35a Musa 1:6; 7:36.  
pts Maha Mengetahui.

37a Abr. 4:1.  
pts Syurga.

38a Musa 1:4.  
39a Rm. 8:16–17;  
2 Ne. 2:14–15.  
pts Rancangan  
Penebusan.

b pts Kemuliaan.  
c pts Baqa, Kebaqaan.  
d pts Kehidupan Abadi.

40a 2 Ne. 29:11–12.  
41a 1 Ne. 13:23–32;  
Musa 1:23.  
b 2 Ne. 3:7–19.  
c 1 Ne. 13:32, 39–40;  
A&P 9:2.

42a Musa 1:1.  
2 1a Musa 1:30, 36.

b pts Syurga.  
c Musa 1:8.  
d pts Tuhan, Kesatuan  
Ketuhanan—Tuhan  
Bapa.

melalui <sup>e</sup>Anak Tunggal-Ku Aku <sup>f</sup>menciptakan hal-hal ini; ya, pada permulaannya Aku menciptakan langit, dan bumi yang di sedang engkau berdiri di atasnya.

2 Dan <sup>a</sup>bumi tanpa bentuk, dan kosong; dan Aku menyebabkan kegelapan datang ke atas permukaan laut dalam; dan Roh-Ku bergerak melayang di atas permukaan air; kerana Akulah Tuhan.

3 Dan Aku, Tuhan, berfirman: Biarlah adanya <sup>a</sup>cahaya; dan terjadilah cahaya.

4 Dan Aku, Tuhan, melihat cahaya itu; dan cahaya itu <sup>a</sup>baik. Dan Aku, Tuhan, memisahkan cahaya itu dari kegelapan.

5 Dan Aku, Tuhan, memanggil cahaya itu Siang; dan kegelapan itu, Aku panggil Malam; dan ini Aku lakukan melalui kuasa <sup>a</sup>firman-Ku, dan ia dilakukan menurut <sup>b</sup>firman-Ku; dan petang dan pagi itu adalah <sup>c</sup>hari yang pertama.

6 Dan lagi, Aku, Tuhan, berfirman: Biarlah adanya <sup>a</sup>kubah di tengah air, dan terjadilah demikian, bahkan seperti yang Aku firmankan; dan Aku berfirman: Biarlah ia memisahkan perairan dari perairan; dan itulah yang terjadi;

7 Dan Aku, Tuhan, menjadikan kubah itu dan memisahkan <sup>a</sup>perairan, ya, perairan yang besar di bawah kubah dari perairan yang berada di atas kubah, dan

demikianlah terjadinya bahkan seperti yang Aku firmankan.

8 Dan Aku, Tuhan, memanggil kubah itu <sup>a</sup>Langit; dan petang dan pagi itu adalah hari yang kedua.

9 Dan Aku, Tuhan, berfirman: Biarlah perairan di bawah langit dikumpulkan bersama ke <sup>a</sup>suatu tempat, dan terjadilah demikian; dan Aku, Tuhan, berfirman: Biarlah adanya tanah kering; dan terjadilah demikian.

10 Dan Aku, Tuhan, memanggil tanah kering itu <sup>a</sup>Daratan; dan bagi perairan yang dikumpulkan itu, Aku panggil Lautan; dan Aku, Tuhan, melihat bahawa segala hal yang Aku telah jadikan adalah baik.

11 Dan Aku, Tuhan, berfirman: Biarlah tanah menghasilkan <sup>a</sup>rumput, tanaman menghasilkan benih, pokok buah menghasilkan buah, menurut jenisnya, dan pokok menghasilkan buah, di mana benihnya akan berada di dalam tanah di atas bumi, dan terjadilah demikian bahkan seperti yang Aku firmankan.

12 Dan bumi menghasilkan rumput, setiap tanaman menghasilkan benih menurut jenisnya, dan pokok menghasilkan buah, di mana benihnya akan berada di dalamnya, menurut jenisnya; dan Aku, Tuhan, melihat bahawa segala yang telah Aku ciptakan adalah baik;

1e prs Putera Tunggal.  
f prs Mencipta, Penciptaan.  
2a Kej. 1:2; Abr. 4:2.  
3a A&P 88:6-13. prs Cahaya,

Cahaya Kristus.  
4a Kej. 1:4; Abr. 4:4.  
5a Musa 1:32.  
b 2 Kor. 4:6.  
c Kej. 1:5.  
6a Kej. 1:6-8.  
7a Abr. 4:9-10.

8a prs Syurga.  
9a Kej. 1:9; Abr. 4:9.  
10a prs Bumi.  
11a Kej. 1:11-12; Abr. 4:11-12.

13 Dan petang dan pagi itu adalah hari yang ketiga.

14 Dan Aku, Tuhan, berfirman: Biarlah adanya cahaya di ruang langit, untuk memisahkan siang dari malam, dan biarlah mereka menjadi tanda-tanda, dan juga musim, dan juga hari, dan juga tahun;

15 Dan biarlah mereka menjadi cahaya di ruang langit untuk memberikan cahaya ke atas bumi; dan terjadilah demikian.

16 Dan Aku, Tuhan, menciptakan dua cahaya yang besar; "cahaya yang lebih besar untuk menguasai siang hari, dan cahaya yang lebih kecil untuk menguasai malam, dan cahaya yang lebih besar adalah matahari, dan cahaya yang lebih kecil adalah bulan; bintang-bintang juga diciptakan bahkan menurut firman-Ku.

17 Dan Aku, Tuhan, menempatkan mereka di ruang langit untuk memberikan cahaya ke atas bumi,

18 Dan matahari untuk menguasai siang hari, dan bulan untuk menguasai malam, dan untuk memisahkan cahaya dari kegelapan; dan Aku, Tuhan, melihat bahawa segala yang telah Aku ciptakan adalah baik;

19 Dan petang dan pagi itu adalah hari yang keempat.

20 Dan Aku, Tuhan, berfirman: Biarlah perairan itu menghasilkan dengan banyaknya makhluk bergerak yang hidup, dan burung yang boleh berterbangan di atas bumi di ruangan langit yang terbuka.

21 Dan Aku, Tuhan, menciptakan "ikan-ikan paus yang besar, dan setiap makhluk hidup yang bergerak, yang dihasilkan dari perairan dengan banyaknya, menurut jenis mereka, dan setiap burung bersayap menurut jenisnya; dan Aku, Tuhan, melihat bahawa segala yang telah Aku ciptakan adalah baik.

22 Dan Aku, Tuhan, memberkati mereka, memfirmankan: Berbuahlah, dan "beranaklah, dan penuhilah air di dalam lautan; dan biarlah burung membiak di bumi.

23 Dan petang dan pagi itu adalah hari yang kelima.

24 Dan Aku, Tuhan, berfirman: Biarlah bumi menghasilkan makhluk hidup menurut jenisnya, haiwan ternakan, dan makhluk yang merayap, binatang-binatang menurut jenis mereka, dan terjadilah demikian;

25 Dan Aku, Tuhan, menjadikan binatang-binatang di bumi menurut jenis mereka, dan haiwan ternakan menurut jenis mereka, dan setiap makhluk yang merayap di atas bumi menurut jenisnya; dan Aku, Tuhan, melihat bahawa segalanya ini adalah baik.

26 Dan Aku, Tuhan, berfirman kepada "Anak Tunggal-Ku, yang bersama-Ku dari permulaan: Biarlah kita <sup>b</sup>menjadikan manusia menurut <sup>c</sup>rupa kita, menurut kemiripan kita; dan terjadilah demikian. Dan Aku, Tuhan, berfirman: Biarlah mereka memiliki

16a Kej. 1:16.

21a Kej. 1:21;

Abr. 4:21.

22a Kej. 1:22–25;

Abr. 4:22–25.

26a PTS Yesus Kristus.

<sup>b</sup> PTS Mencipta,

Penciptaan.

<sup>c</sup> Kej. 1:26–27;

Musa 6:8–10;

Abr. 4:26–27.

<sup>a</sup>kekuasaan ke atas ikan-ikan di laut, dan ke atas burung di udara, dan ke atas haiwan ternakan, dan ke atas seluruh bumi, dan ke atas setiap makhluk merayap yang merayap di atas bumi.

27 Dan Aku, “Tuhan, menciptakan manusia menurut rupa-Ku sendiri, menurut Anak Tunggal-Ku Aku menciptakannya; lelaki dan perempuan telah Aku ciptakan mereka.

28 Dan Aku, Tuhan, memberkati mereka, dan berfirman kepada mereka: Berbuahlah, dan <sup>a</sup>beranaklah, dan penuhilah bumi, dan tundukkanlah ia, dan milikilah kekuasaan ke atas setiap makhluk hidup yang bergerak di atas bumi.

29 Dan Aku, Tuhan, berfirman kepada manusia: Lihatlah, Aku telah memberikanmu setiap tanaman menghasilkan benih, yang ada di atas permukaan seluruh bumi, dan setiap pokok yang mana di dalamnya akan menjadi buah pokok yang menghasilkan benih; bagimu itu akan dijadikan <sup>a</sup>makanan.

30 Dan bagi setiap binatang di bumi, dan bagi setiap burung di udara, dan bagi setiap makhluk yang merayap di atas bumi, di mana Aku telah memberikan kehidupan, akan diberikan setiap tanaman yang bersih untuk makanan; dan terjadilah demikian, bahkan seperti yang Aku firmankan.

31 Dan Aku, Tuhan, melihat

setiap hal yang Aku telah ciptakan, dan, lihatlah, segala yang telah Aku jadikan adalah sangat <sup>a</sup>baik; dan petang dan pagi itu adalah hari yang <sup>b</sup>keenam.

### BAB 3

(Jun–Oktober 1830)

*Tuhan telah menciptakan segalanya secara roh sebelum mereka ada secara fana di atas bumi—Dia menciptakan lelaki, manusia pertama, di atas bumi—Perempuan ialah seorang penolong yang sesuai bagi seorang lelaki.*

DEMIKIANLAH langit dan bumi <sup>a</sup>di-selesaikan, dan segala <sup>b</sup>isi di dalamnya.

2 Dan pada hari ketujuh Aku, Tuhan, mengakhiri pekerjaan-Ku, dan segala yang telah Aku ciptakan; dan Aku <sup>a</sup>beristirehat pada <sup>b</sup>hari yang ketujuh dari semua pekerjaan-Ku, dan segala yang telah Aku jadikan sudah selesai, dan Aku, Tuhan, melihat bahawa itu adalah baik;

3 Dan Aku, Tuhan, <sup>a</sup>memberkati hari ketujuh, dan menguduskannya; kerana dalam hari itu Aku telah beristirehat dari semua <sup>b</sup>pekerjaan-Ku yang Aku, Tuhan, telah ciptakan dan jadikan.

4 Dan sekarang, lihatlah, Aku berfirman kepadamu, bahawa ini adalah riwayat langit dan bumi, semasa mereka diciptakan, pada

26 *d* Kej. 1:28; Musa 5:1; Abr. 4:28.

27 *a* prs Tuhan, Kesatuan Ketuhanan.

28 *a* Musa 5:2.

29 *a* Kej. 1:29–30;

Abr. 4:29–30.

31 *a* Kej. 1:31;

A&P 59:16–20.

*b* Kel. 20:11; Abr. 4:31.

3 1 *a* prs Mencipta, Penciptaan.

*b* Kej. 2:1; Abr. 5:1.

2 *a* Kej. 2:2–3; Abr. 5:2–3.  
prs Beristirahat.

*b* prs Hari Sabat.

3 *a* Mosia 13:19.

*b* Kel. 31:14–15.

hari ketika Aku, Tuhan Raja, menciptakan langit dan bumi,

5 Dan setiap tanaman di padang "sebelum ia berada di bumi, dan setiap tumbuhan di padang sebelum ianya tumbuh. Kerana Aku, Tuhan Raja, telah <sup>b</sup>menciptakan segalanya, yang Aku firmankan, "secara roh, sebelum mereka berada secara fana di atas permukaan bumi. Kerana Aku, Tuhan Raja, belum menurunkan hujan ke atas permukaan bumi. Dan Aku, Tuhan Raja, telah <sup>d</sup>menciptakan seluruh anak manusia; dan belum ada lagi seorang manusia pun untuk mengerjakan "tanah; kerana Aku <sup>f</sup>menciptakan mereka di dalam <sup>g</sup>syurga; dan belum ada lagi makhluk di atas bumi, tidak juga di dalam air, tidak juga di udara;

6 Tetapi Aku, Tuhan Raja, berfirman, dan datanglah suatu "kabut dari bumi, dan mengairi seluruh permukaan tanah.

7 Dan Aku, Tuhan Raja, membentuk manusia dari "debu tanah, dan menghembuskan nafas ke dalam lubang hidungnya nafas kehidupan; dan <sup>b</sup>manusia menjadi suatu "jiwa yang hidup, makhluk berdaging <sup>d</sup>pertama di atas bumi, manusia pertama juga; walaupun demikian, segalanya ada sebelum diciptakan; tetapi secara roh mereka diciptakan dan dijadikan menurut firman-Ku.

8 Dan Aku, Tuhan Raja, menanam sebuah taman di sebelah timur di "Eden, dan di sana Aku menempatkan lelaki yang telah Aku bentuk.

9 Dan dari tanah telah dijadikan oleh-Ku, Tuhan Raja, untuk menumbuhkan setiap pokok, secara fana, yang menyenangkan pada pandangan manusia; dan manusia dapat melihatnya. Dan ianya juga menjadi suatu jiwa yang hidup. Kerana ianya merupakan roh pada hari Aku menciptakannya; kerana ia berada tetap di dalam sfera yang Aku, Tuhan, telah ciptakan, ya, bahkan segalanya yang Aku sediakan untuk kegunaan manusia; dan manusia melihat bahawa ianya adalah baik untuk makanan. Dan Aku, Tuhan Raja, juga menanam "pokok kehidupan di tengah-tengah taman itu, dan juga <sup>b</sup>pokok pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat.

10 Dan Aku, Tuhan Raja, menyebabkan sebuah sungai mengalir dari Eden untuk mengairi taman itu; dan dari sana ianya terbahagi, dan menjadi empat "hulu.

11 Dan Aku, Tuhan Raja, menyebut nama yang pertama Pison, dan ia mengelilingi seluruh tanah Havila, di mana Aku, Tuhan Raja, menciptakan banyak emas;

12 Dan emas di tanah itu baik, dan ada batu delima dan batu akik.

5a Kej. 2:4-5;

Abr. 5:4-5.

b Musa 6:51.

c A&P 29:31-34;

Abr. 3:23.

pts Penciptaan Roh.

d pts Roh.

e Kej. 2:5.

f pts Lelaki, Para

Lelaki—Manusia ialah

anak roh kepada Bapa

Syurgawi.

g pts Syurga.

6a Kej. 2:6.

7a Kej. 2:7;

Musa 4:25; 6:59;

Abr. 5:7.

b pts Adam.

c pts Jiwa.

d Musa 1:34.

8a pts Eden.

9a pts Pokok Kehidupan.

b Kej. 2:9.

10a Kej. 2:10.

13 Dan nama sungai kedua disebut Gihon; yang mengelilingi seluruh negeri Etiopia.

14 Dan nama sungai ketiga adalah Hidekel; yang menuju ke arah timur Assyria. Dan sungai keempat adalah Efrat.

15 Dan Aku, Tuhan Raja, mengambil manusia, dan menempatkannya di dalam Taman Eden, untuk mengolahnya, dan untuk menjaganya.

16 Dan Aku, Tuhan Raja, memerintahkan lelaki itu, memfirmankan: Dari setiap pokok di taman ini boleh engkau makan dengan bebas,

17 Tetapi dari pokok pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat, engkau tidak harus memakannya, walaupun demikian, engkau boleh <sup>a</sup>memilih bagi dirimu sendiri, kerana ianya diberikan kepadamu; tetapi, ingatlah bahawa Aku melarangnya, kerana pada <sup>b</sup>hari engkau memakannya engkau pasti akan <sup>c</sup>mati.

18 Dan Aku, Tuhan Raja, berfirman kepada <sup>a</sup>Anak Tunggal-Ku, bahawa tidaklah baik bahawa lelaki itu harus keseorangan; kerana itu, Aku akan menciptakan seorang <sup>b</sup>penolong yang sesuai baginya.

19 Dan dari tanah Aku, Tuhan Raja, membentuk setiap binatang di padang, dan setiap burung di udara; dan memerintahkan agar mereka harus datang kepada Adam, untuk memastikan apa

yang dia akan namakan mereka; dan mereka juga merupakan jiwa-jiwa yang hidup; kerana Aku, Tuhan, menghembuskan nafas kepada mereka nafas kehidupan, dan memerintahkan bahawa apa pun yang Adam namakan kepada setiap makhluk hidup, itulah yang akan menjadi namanya.

20 Dan Adam memberikan nama kepada semua haiwan ternakan, dan kepada burung di udara, dan kepada setiap binatang di padang; tetapi untuk Adam, tiada seorang penolong yang sesuai baginya.

21 Dan Aku, Tuhan Raja, menyebabkan tidur yang nyenyak kepada Adam; dan dia tidur, dan Aku mengambil salah satu dari tulang-tulang rusuknya dan menutup kembali dagingnya;

22 Dan tulang rusuk yang Aku, Tuhan Raja, telah ambil dari lelaki itu, telah Aku jadikan seorang <sup>a</sup>perempuan, dan membawanya kepada lelaki itu.

23 Dan Adam berkata: Aku tahu sekarang dia ialah tulang dari tulang-tulangku, dan <sup>a</sup>daging dari dagingku; dia akan dinamakan Perempuan, kerana dia diambil daripada lelaki.

24 Oleh kerana itu seorang lelaki harus meninggalkan bapanya dan ibunya, dan harus <sup>a</sup>berpaut teguh kepada isterinya; dan mereka akan menjadi <sup>b</sup>satu daging.

25 Dan mereka berdua telanjang,

17a Musa 7:32.  
pts Hak pilihan.

b Abr. 5:13.

c Kej. 2:17.

pts Fana, Kefanaan;  
Kematian Jasmani.

18a pts Putera Tunggal.  
b Kej. 2:18; Abr. 5:14.

22a pts Hawa;

Wanita, Para Wanita.

23a Kej. 2:23;  
Abr. 5:17.

24a Kej. 2:24;  
A&P 42:22; 49:15–16;  
Abr. 5:17–18.

b pts Berkahwin,  
Perkahwinan.

lelaki itu dan isterinya, dan tidak malu.

BAB 4  
(Jun–Oktober 1830)

*Bagaimana Setan menjadi iblis—  
Dia menggoda Hawa—Adam dan  
Hawa jatuh, dan kematian mema-  
suki dunia.*

DAN Aku, Tuhan Raja, berfirman kepada Musa, memfirmankan: "Setan itu, yang telah engkau perintahkan dalam nama Anak Tunggal-Ku, adalah yang sama yang ada dari <sup>b</sup>permulaan, dan dia datang ke hadapan-Ku, mengatakan—Lihatlah, di sinilah aku, utuslah aku, aku akan menjadi Anak-Mu, dan aku akan menebus seluruh umat manusia, sehingga satu jiwa pun tidak akan hilang, dan pastilah <sup>c</sup>aku akan melakukannya; kerana itu berilah aku kehormatanmu.

2 Tetapi, lihatlah, "Putera-Ku Yang Dikasihi, iaitu Yang Dikasihi-Ku dan <sup>b</sup>Terpilih dari permulaan, mengatakan kepada-Ku—<sup>c</sup>Bapa, "kehendak-Mu dilakukan, dan <sup>c</sup>kemuliaan adalah milik-Mu selamanya.

3 Kerana itu, disebabkan Setan "memberontak melawan-Ku, dan berusaha untuk menghancurkan <sup>b</sup>hak pilihan manusia, yang Aku,

Tuhan Raja, telah berikan kepadanya, dan juga, Aku harus memberikan kuasa-Ku kepadanya; melalui kuasa Anak Tunggal-Ku, Aku menyebabkan dia <sup>c</sup>disingkirkan;

4 Dan dia menjadi Setan, ya, bahkan iblis, bapa segala "kedustaan, untuk menipu dan untuk membutakan manusia, dan untuk menuntun mereka tertawan pada kehendaknya, bahkan sebanyak mana yang tidak mahu mendengarkan suara-Ku.

5 Dan sekarang ular adalah lebih "cerdik daripada mana-mana binatang di padang yang Aku, Tuhan Raja, telah ciptakan.

6 Dan Setan menaruh ke dalam hati ular, (kerana dia telah membawa ramai kepadanya,) dan dia juga berusaha untuk memperdayakan "Hawa, kerana dia tidak mengetahui fikiran Tuhan, kerana itu dia berusaha untuk menghancurkan dunia.

7 Dan dia berkata kepada perempuan itu: Ya, adakah Tuhan telah memfirmankan—Kamu tidak harus makan dari setiap pokok di "taman? (Dan dia berkata melalui mulut ular.)

8 Dan perempuan itu berkata kepada ular itu: Kami boleh makan buah dari pokok-pokok di taman ini;

9 Tetapi buah dari pokok yang

4 1a prs Iblis.  
b A&P 29:36-37.  
c Yes. 14:12-15.

2a prs Yesus Kristus.  
b Musa 7:39;  
Abr. 3:27.  
prs Pra-pentahbisan.  
c prs Tuhan, Kesatuan  
Ketuhanan—Tuhan

Bapa.  
d Luk. 22:42.  
e prs Kemuliaan.  
3a prs Majlis di Syurga.  
b prs Hak pilihan.  
c A&P 76:25-27.  
4a 2 Ne. 2:18;  
A&P 10:25.  
prs Dusta;

Tipu, Menipu,  
Penipuan.  
5a Kej. 3:1;  
Mosa 16:3;  
Alma 12:4.  
6a prs Hawa.  
7a prs Eden.

engkau lihat di tengah-tengah taman, Tuhan telah memfirmankan—Kamu tidak harus memakannya, jangan juga kamu menyentuhnya, agar jangan kamu mati.

10 Dan ular berkata kepada perempuan itu: Kamu pastinya tidak akan mati;

11 Kerana Tuhan mengetahui bahawa pada hari kamu memakannya, <sup>a</sup>matamu kemudiannya akan terbuka, dan kamu akan menjadi seperti Tuhan, <sup>b</sup>mengetahui yang baik dan yang jahat.

12 Dan apabila perempuan itu melihat bahawa pokok itu baik untuk makanan, dan menjadi begitu menyenangkan matanya, dan bahawa ianya sebatang pokok yang <sup>a</sup>dinginkan untuk menjadikannya bijaksana, lalu dia mengambil buahnya, dan <sup>b</sup>memakannya, dan juga memberikan kepada suaminya, dan dia pun memakannya.

13 Dan mata mereka berdua terbuka, dan mereka mengetahui bahawa mereka <sup>a</sup>telanjang. Dan mereka menjahit daun-daun ara bersama dan membuat cawat untuk diri mereka sendiri.

14 Dan mereka mendengar suara Tuhan Raja, semasa mereka sedang <sup>a</sup>berjalan di dalam taman, pada hari yang sejuk; dan Adam dan isterinya pergi menyembunyikan diri mereka dari hadirat Tuhan Raja di antara pokok-pokok di taman.

15 Dan Aku, Tuhan Raja, memanggil kepada Adam, dan ber-

firman kepadanya: Ke mana <sup>a</sup>perginya engkau?

16 Dan dia berkata: Aku mendengar suara-Mu di dalam taman, dan aku takut, kerana aku melihat bahawa aku telanjang, dan aku menyembunyikan diriku.

17 Dan Aku, Tuhan Raja, berfirman kepada Adam: Siapa yang memberitahu engkau telanjang? Adakah engkau telah memakan dari pokok yang telah Aku perintahkan kepada engkau bahawa engkau tidak harus memakannya, jika tidak engkau pasti akan <sup>a</sup>mati?

18 Dan lelaki itu berkata: Perempuan yang Engkau berikan kepadaku, dan perintahkan agar dia harus tinggal bersamaku, dia telah memberikan kepadaku buah dari pokok itu dan aku telah memakannya.

19 Dan Aku, Tuhan Raja, berfirman kepada perempuan itu: Apakah hal yang telah engkau lakukan ini? Dan perempuan itu berkata: Ular itu <sup>a</sup>memperdayakanku, dan aku pun memakannya.

20 Dan Aku, Tuhan Raja, berfirman kepada ular itu: Kerana engkau telah melakukan hal ini engkau akan <sup>a</sup>dikutuk lebih dari segala haiwan ternakan, dan lebih dari setiap binatang di padang; engkau akan menjalar dengan perutmu, dan engkau akan memakan debu seumur hidupmu;

21 Dan Aku akan menjadikan permusuhan di antara engkau dan perempuan itu, di antara

11a Kej. 3:3–6; Musa 5:10.

b Alma 12:31.

12a Kej. 3:6.

b prs Kejatuhan Adam

dan Hawa.

13a Kej. 2:25.

14a Kej. 3:8.

15a Kej. 3:9.

17a Musa 3:17.

19a Kej. 3:13;

Mosia 16:3.

20a Kej. 3:13–15.

keturunanmu dan keturunannya; dan dia akan meremukkan kepalamu, dan engkau akan mematuk tumitnya.

22 Kepada perempuan itu, Aku, Tuhan Raja, berfirman: Aku akan melipatgandakan kedukaanmu dan kehamilannya. Dengan “kedukaan engkau akan melahirkan anak-anak, dan keinginanmu adalah terhadap suamimu, dan dia akan berkuasa kepadamu.

23 Dan kepada Adam, Aku, Tuhan Raja, berfirman: Kerana engkau telah mendengar kepada suara isterimu, dan telah memakan buah dari pokok yang telah Aku perintahkan kepadamu, memfirmankan—Engkau tidak harus memakannya, terkutuklah tanah ini untuk kepentinganmu; dengan kedukaan engkau akan makan daripadanya seumur hidupmu.

24 Semak berduri, dan juga tumbuh-tumbuhan beranak akan ia hasilkan bagimu, dan engkau akan memakan sayuran dari padang itu.

25 Dengan “peluh mukamu engkau akan memakan roti, sehinggalah engkau akan kembali ke tanah—kerana engkau pasti akan mati—kerana daripadanya engkau diambil: kerana engkau dahulunya <sup>b</sup>debu, dan kepada debulah engkau akan kembali.

26 Dan Adam menamakan isterinya Hawa, kerana dia ialah ibu kepada semua yang hidup; maka demikianlah Aku, Tuhan Raja, menamakan yang pertama dari semua perempuan, yang adalah “banyak.

27 Kepada Adam, dan juga kepada isterinya, Aku, Tuhan Raja, membuat pakaian kulit binatang, dan “memakaikannya kepada mereka.

28 Dan Aku, Tuhan Raja, berfirman kepada Anak Tunggal-Ku: Lihatlah, “lelaki itu sudah menjadi salah seorang daripada Kita yang <sup>b</sup>mengetahui kebaikan dan kejahatan; dan sekarang agar jangan dia menghulurkan tangannya dan <sup>c</sup>mengambil buah dari <sup>d</sup>pokok kehidupan itu, dan memakannya dan hidup selamanya,

29 Oleh itu Aku, Tuhan Raja, akan menghantarnya keluar dari Taman “Eden, untuk mengerjakan tanah iaitu di mana dia diambil;

30 Kerana sebagaimana Aku, Tuhan Raja, hidup, demikian juga “firman-firman-Ku tidak boleh dibatalkan, kerana apabila ianya dimaklumkan daripada mulut-Ku ianya harus digenapi.

31 Maka Aku menghalau lelaki itu, dan Aku menempatkan di timur Taman Eden, “kerub-kerub dan sebilah pedang yang menyala, yang berpaling ke setiap

22a Kej. 3:16.

25a Kej. 3:17–19.

pts Kejatuhan Adam dan Hawa.

<sup>b</sup> Kej. 2:7;

Musa 6:59;

Abr. 5:7.

26a Musa 1:34; 6:9.

27a pts Kesopanan.

28a Kej. 3:22.

pts Lelaki, Para Lelaki—Potensi manusia untuk menjadi seperti Bapa Syurgawi.

<sup>b</sup> pts Pengetahuan.

<sup>c</sup> Alma 42:4–5.

<sup>d</sup> Kej. 2:9;

1 Ne. 11:25;

Musa 3:9.

pts Pokok Kehidupan.

29a pts Eden.

30a 1 Raj. 8:56;

A&P 1:38.

31a Alma 42:3.

pts Kerub-kerub.

arah untuk menjaga jalan ke pokok kehidupan.

32 (Dan ini adalah firman-firman yang Aku firmankan kepada hamba-Ku Musa, dan ianya adalah benar bahkan seperti yang Aku kehendaki; dan Aku telah memfirmankannya kepadamu. Pastikanlah engkau tidak memperlihatkannya kepada sesiapa pun, sehingga Aku perintahkan kepadamu, melainkan kepada mereka yang percaya. Amin.)

## BAB 5

(Jun–Oktober 1830)

*Adam dan Hawa melahirkan anak—Adam mempersembahkan korban dan melayani Tuhan—Kain dan Habel dilahirkan—Kain memberontak, menngasihi Setan lebih daripada Tuhan, dan menjadi Terkutuk—Pembunuhan dan kejahatan berleluasa—Injil dihutbahkan dari permulaan.*

DAN terjadilah bahawa setelah Aku, Tuhan Raja, menghalau mereka, maka Adam mula untuk mengerjakan tanah, dan <sup>a</sup>berkuasa ke atas segala binatang di padang, dan memakan roti hasil dari peluh keringnya, sebagaimana Aku Tuhan telah perintahkan kepadanya. Dan juga Hawa, isterinya, bekerja bersamanya.

2 Dan Adam menyetubuhi isterinya, dan dia <sup>a</sup>melahirkan

anak-anak lelaki dan <sup>b</sup>perempuan untuknya, dan mereka mula <sup>c</sup>beranak cucu dan memenuhi bumi.

3 Dan sejak dari waktu itu, anak-anak lelaki dan <sup>a</sup>perempuan Adam mula berpisah secara berdua-dua di tanah itu, dan mengerjakan tanah, dan memelihara kawan ternakan, dan mereka juga melahirkan anak-anak lelaki dan perempuan.

4 Dan Adam dan Hawa, isterinya, memanggil nama Tuhan, dan mereka mendengar suara Tuhan dari jalan yang menuju ke Taman <sup>a</sup>Eden, berfirman kepada mereka, dan mereka tidak melihat-Nya; kerana mereka telah dipisahkan daripada <sup>b</sup>hadirat-Nya.

5 Dan Dia memberikan kepada mereka perintah-perintah, agar mereka seharusnya <sup>a</sup>menyembah Tuhan Raja mereka, dan seharusnya mempersembahkan <sup>b</sup>anak sulung haiwan ternakan mereka, sebagai suatu persembahan kepada Tuhan. Dan Adam <sup>c</sup>patuh kepada perintah-perintah Tuhan.

6 Dan setelah sehari-hari seorang <sup>a</sup>malaikat Tuhan muncul kepada Adam, mengatakan: Mengapakah engkau mempersembahkan <sup>b</sup>korban-korban kepada Tuhan? Dan Adam berkata kepadanya: Aku tidak tahu, melainkan Tuhan telah memerintahkanku.

7 Dan kemudian malaikat itu berbicara, mengatakan: Perkara

5 1a Musa 2:26.  
2a Kej. 5:4.  
b A&P 138:39.  
c Kej. 1:28;  
Musa 2:28.  
3a Musa 5:28.

4a PTS Eden.  
b Alma 42:9.  
5a PTS Menyembah.  
b Kel. 13:12-13;  
Bil. 18:17;  
Mosia 2:3.

PTS Anak sulung.  
c PTS Patuh,  
Kepatuhan,  
Mematuhi.  
6a PTS Malaikat-malaikat.  
b PTS Korban.

ini merupakan suatu <sup>a</sup>kemiripan akan <sup>b</sup>pengorbanan Anak Tunggal Bapa, yang penuh dengan <sup>c</sup>rahmat dan kebenaran.

8 Kerana itu, engkau haruslah melakukan semua yang engkau lakukan dalam <sup>a</sup>nama Putera, dan engkau harus <sup>b</sup>bertaubat dan <sup>c</sup>minta kepada Tuhan dalam nama Putera sepanjang masa.

9 Dan pada hari itu <sup>a</sup>Roh Kudus turun kepada Adam, yang memberikan kesaksian tentang Bapa dan Putera, memfirmankan: Aku lah <sup>b</sup>Anak Tunggal Bapa sejak dari permulaan, sekarang dan selamanya, bahawa kerana engkau telah <sup>c</sup>jatuh engkau boleh <sup>d</sup>ditebus, dan seluruh umat manusia, bahkan sebanyak mana yang mahu.

10 Dan pada hari itu Adam memuji Tuhan dan <sup>a</sup>dipenuhi, dan mula <sup>b</sup>bernubuat tentang seluruh keluarga di bumi, mengatakan: Terpujilah nama Tuhan, kerana pelanggaranku matakु terbuka, dan dalam kehidupan ini aku akan mengalami <sup>c</sup>kebahagiaan, dan aku akan melihat Tuhan lagi dalam keadaan <sup>d</sup>berdaging.

11 Dan <sup>a</sup>Hawa, isterinya, mende-

ngar segala hal ini dan gembira, mengatakan: Seandainya bukan kerana pelanggaran kita, kita tidak akan pernah mempunyai <sup>b</sup>keturunan, dan tidak akan pernah mengetahui kebaikan dan kejahatan, dan kebahagiaan penebusan kita, dan kehidupan abadi yang Tuhan berikan kepada semua yang patuh.

12 Dan Adam dan Hawa memuji nama Tuhan, dan mereka <sup>a</sup>memberitahukan segala hal kepada para anak-anak mereka.

13 Dan <sup>a</sup>Setan datang ke kalangan mereka, mengatakan: Aku juga seorang anak Tuhan; dan dia memerintahkan mereka, mengatakan: Janganlah mempercayainya; dan mereka pun tidak <sup>b</sup>mempercayainya, dan mereka <sup>c</sup>mengasihi Setan lebih daripada Tuhan. Dan manusia mulai sejak dari waktu itu menjadi <sup>d</sup>badaniah, berhawa nafsu, dan bagaikan iblis.

14 Dan Tuhan Raja menyeru kepada manusia melalui <sup>a</sup>Roh Kudus di mana-mana pun dan memerintahkan mereka agar mereka harus bertaubat;

15 Dan sebanyak mana yang <sup>a</sup>percaya kepada Putera, dan bertaubat

7a pts Yesus Kristus—  
Jenis atau simbol  
untuk Kristus.

b Alma 34:10–15.  
pts Darah.

c Musa 1:6, 32.  
pts Rahmat.

8a 2 Ne. 31:21.

b Musa 6:57.  
pts Bertaubat,  
Pertaubatan.

c pts Doa.

9a pts Roh Kudus.

b pts Putera Tunggal;  
Yesus Kristus.

c pts Kejatuhan Adam  
dan Hawa;  
Kematian Rohani.

d Mosia 27:24–26;  
A&P 93:38;  
FK 1:3.

pts Rancangan  
Penebusan;  
Tebus, Ditebus,  
Penebusan.

10a pts Dilahirkan  
Semula, Dilahirkan  
oleh Tuhan.

b A&P 107:41–56.  
pts Nubuat,

Bernubuat.

c pts Kegembiraan.  
d Ayb. 19:26;  
2 Ne. 9:4.

11a pts Hawa.

b 2 Ne. 2:22–23.

12a Ul. 4:9.

13a pts Iblis.

b pts Ketidakpercayaan.  
c Musa 6:15.

d pts Badaniah;  
Manusia Alamiah.

14a Yoh. 14:16–18, 26.

15a pts Kepercayaan,  
Percaya.

dari dosa-dosa mereka, akan <sup>b</sup> diselamatkan; dan sebanyak mana yang tidak percaya dan tidak bertaubat, akan <sup>c</sup> dilaknat; dan firman-firman itu dikeluarkan daripada mulut Tuhan dalam suatu perintah yang tegas; kerana itu ianya harus digenapi.

16 Dan Adam dan Hawa, isterinya, tidak berhenti-henti memohon kepada Tuhan. Dan Adam menyentubuhi Hawa isterinya, dan dia hamil dan melahirkan <sup>a</sup> Kain, dan berkata: Aku telah memperoleh seorang lelaki daripada Tuhan; kerana itu dia tidak boleh menolak firman-firman-Nya. Tetapi lihatlah, Kain tidak mendengar, mengatakan: Siapakah Tuhan itu sehingga aku harus mengenali-Nya?

17 Dan dia hamil lagi dan melahirkan adik lelakinya <sup>a</sup> Habel. Dan Habel <sup>b</sup> mendengar suara Tuhan. Dan Habel ialah seorang penjaga domba, tetapi Kain ialah seorang pengusaha tanah.

18 Dan Kain <sup>a</sup> mengasihi Setan lebih daripada Tuhan. Dan Setan memerintahkannya, mengatakan: <sup>b</sup> Buatlah suatu persembahan kepada Tuhan.

19 Beberapa waktu kemudian terjadilah bahawa Kain membawa buah-buahan dari tanah sebagai suatu persembahan bagi Tuhan.

20 Dan Habel, dia juga membawa anak sulung dari haiwan ternakannya, dan lemaknya. Dan Tuhan

menerima Habel, dan <sup>a</sup> persembahannya;

21 Tetapi kepada Kain, dan kepada <sup>a</sup> persembahannya, Dia tidak menerimanya. Sekarang Setan telah mengetahui hal ini, dan itu menyenangkannya. Dan Kain naik marah, dan wajahnya masam.

22 Dan Tuhan berfirman kepada Kain: Mengapa engkau marah? Mengapa wajahmu masam?

23 Jika engkau melakukannya dengan baik, engkau akan <sup>a</sup> diterima. Dan jika engkau tidak melakukannya dengan baik, dosa berada di ambang pintu, dan Setan berhasrat untuk memiliki engkau; dan kecuali engkau akan mendengar kepada perintah-perintah-Ku, Aku akan membiarkan engkau dikuasai, dan akan terjadilah kepadamu menurut hasratnya. Dan engkau akan memerintahnya;

24 Kerana sejak dari waktu ini engkau akan menjadi bapa bagi kedustaan-kedustaannya; engkau akan disebut <sup>a</sup> Terkutuk; kerana engkau juga ada sebelum dunia ini.

25 Dan akan dikatakan pada waktu yang akan datang—Bahawa <sup>a</sup> kekejian-kekejian ini diperolehi daripada Kain; kerana dia menolak nasihat yang lebih agung yang diperolehi daripada Tuhan; dan inilah sebuah kutukan yang akan Aku berikan kepadamu, kecuali engkau bertaubat.

26 Dan Kain naik marah, dan

15b prs Keselamatan.

c A&P 42:60.  
prs Laknat.

16a Kej. 4:1–2.  
prs Kain.

17a prs Habel.

b Ibr. 11:4.

18a A&P 10:20–21.

b A&P 132:8–11.

20a prs Korban;  
Persembahan.

21a Kej. 4:3–7.

23a Kej. 4:7;

A&P 52:15; 97:8.

24a prs Para Putera  
Keterkutukan.

25a Hel. 6:26–28.

tidak mendengarkan lagi suara Tuhan, tidak juga Habel, adiknya, yang berjalan dalam kekudusan di hadapan Tuhan.

27 Dan Adam dan isterinya berdukacita di hadapan Tuhan, disebabkan Kain dan para saudaranya.

28 Dan terjadilah bahawa Kain mengambil salah seorang daripada anak perempuan saudara lelakinya menjadi isteri, dan mereka "mengasihi Setan lebih daripada Tuhan.

29 Dan Setan berkata kepada Kain: Bersumpahlah kepadaku demi lehermu, dan jika engkau memberitahukannya engkau akan mati; dan suruhlah para saudaramu bersumpah demi kepala mereka, dan demi Tuhan yang hidup, bahawa mereka tidak memberitahukannya; kerana jika mereka memberitahukannya, mereka pasti akan mati; supaya bapamu tidak mengetahuinya; dan hari ini aku akan menyerahkan adikmu Habel ke dalam tanganmu.

30 Dan Setan bersumpah kepada Kain bahawa dia akan melakukan menurut perintah-perintahnya. Dan segala hal ini dilakukan secara rahsia.

31 Dan Kain berkata: Sebenarnya akulah Mahan, ketua rahsia besar ini, bahawa aku boleh "membunuh dan memperoleh keuntungan. Kerana itu Kain disebut Tuan <sup>b</sup>Mahan, dan dia bermegah dalam kejahatannya.

32 Dan Kain pergi ke ladang, dan Kain bercakap dengan Habel, adiknya. Dan terjadilah bahawa semasa mereka berada di ladang, Kain bangkit melawan Habel, adiknya, dan membunuhnya.

33 Dan Kain "bermegah dengan hal yang telah dia lakukan, mengatakan: Aku bebas; sudah pastinya haiwan ternakan adikku ini jatuh ke dalam tanganku.

34 Dan Tuhan berkata kepada Kain: Di manakah Habel, adikmu? Dan dia berkata: Aku tidak tahu. Adakah aku ini "penjaga adikku?

35 Dan Tuhan berfirman: Apakah yang telah engkau lakukan? Darah adikmu berseru kepada-Ku dari tanah.

36 Dan sekarang engkau akan di kutuk dari bumi yang telah membuka mulutnya untuk menerima darah adikmu daripada tanganmu.

37 Apabila engkau mengerjakan tanah mulai sekarang ia tidak akan memberikan hasilnya kepadamu. Engkau akan menjadi "seorang pelarian dan seorang pengembara di bumi.

38 Dan Kain berkata kepada Tuhan: Setan "menggodaku kerana haiwan ternakan adikku. Dan aku juga naik marah; kerana Engkau menerima persembahannya dan bukan persembahanku; hukumanku ini lebih besar daripada yang dapat aku tanggungi.

39 Lihatlah Engkau telah menghalauku hari ini dari hadapan

28a Musa 5:13.

31a PTS Bunuh.

b IAITU "Akal,"  
"pembinas," dan  
"yang besar" mungkin

adalah erti-erti asal  
dalam "Mahan."

33a PTS Keangkuhan;  
Keduniaan.

34a Kej. 4:9.

37a Kej. 4:11-12.

38a PTS Godaan,  
Menggoda;  
Mendambakan.

Tuhan, dan daripada wajah-Mu aku disembunyikan; dan aku akan menjadi seorang pelarian dan seorang pengembara di bumi; dan akan terjadilah, bahawa dia yang menemuiku akan membunuhku, kerana kederhakaan-kederhakaanku, kerana hal-hal ini tidak disembunyikan daripada Tuhan.

40 Dan Aku Tuhan berfirman kepadanya: Sesiapa pun yang membunuh engkau, pembalasan yang akan dilakukan kepadanya adalah tujuh kali ganda. Dan Aku Tuhan meletakkan suatu "tanda kepada Kain, agar jangan sesiapa pun yang menemuinya akan membunuhnya.

41 Dan Kain dipisahkan dari "hadirat Tuhan, dan bersama isterinya dan ramai daripada saudaranya tinggal di negeri Nod, di timur Eden.

42 Dan Kain menyetubuhi isterinya, dan dia menjadi hamil dan melahirkan Henokh, dan dia juga melahirkan banyak anak lelaki dan perempuan. Dan dia membina sebuah kota, dan dia menamakan "kota itu menurut nama anak lakinya, Henokh.

43 Dan Irad dilahirkan kepada Henokh, dan anak-anak lelaki dan perempuan yang lain. Dan Irad melahirkan Mahuyael, dan

anak-anak lelaki dan perempuan yang lain. Dan Mahuyael melahirkan Metusael, dan anak-anak lelaki dan perempuan yang lain. Dan Metusael melahirkan Lamekh.

44 Dan Lamekh mengambil bagi dirinya sendiri dua orang isteri; nama yang satu ialah Ada, dan nama yang seorang lagi, Zila.

45 Dan Ada melahirkan Yabal; dia ialah moyang bagi mereka yang tinggal di dalam khemah, dan mereka ialah para penternak; dan nama adik lakinya ialah Yubal, yang merupakan moyang bagi mereka yang memegang hap dan organ.

46 Dan Zila, dia juga melahirkan Tubal Kain, seorang pelatih bagi setiap tukang loyang dan besi. Dan saudara perempuan Tubal Kain bernama Naama.

47 Dan Lamekh berkata kepada isteri-isterinya, Ada dan Zila: Dengarlah suaraku, kamu isteri-isteri Lamekh, dengarlah kepada ucapanku; kerana aku telah membunuh seorang lelaki yang melukakanku, dan seorang pemuda yang menyakitkanku.

48 Jikalau Kain akan dibalas tujuh kali ganda, maka Lamekh haruslah "tujuh puluh tujuh kali ganda;

49 Kerana Lamekh telah masuk ke dalam suatu "perjanjian dengan

40a Kej. 4:15.

41a Musa 6:49.

42a IAITU Ada seorang lelaki bernama Henokh dalam garis keturunan Kain, dan sebuah kota menurut nama ini di kalangan umatnya. Jangan

kelirukan hal-hal ini dengan Henokh dari garis keturunan Set dan kotanya, Sion, juga dipanggil "Kota Henokh."

48a IAITU Lamekh bermegah-megah bahawa Setan akan

membantunya dengan lebih banyak daripada dia telah membantu Kain. Sebab-sebab untuk anggapannya diberikan dalam ayat 49 dan 50.

Kej. 4:24.

49a PTS Sumpah.

Setan, seperti Kain, di mana dia menjadi Tuan Mahan, ketua bagi rahsia besar yang diberikan kepada Kain oleh Setan; dan Irad, anak Henokh, setelah mengetahui rahsia mereka, mula memberitahunya kepada anak-anak Adam;

50 Kerana itu Lamekh, kerana marah, membunuhnya, bukan seperti Kain, terhadap adiknya Habel, demi memperoleh keuntungan, tetapi dia membunuhnya demi sumpah.

51 Kerana, dari zaman Kain, adanya sebuah "komplot rahsia, dan pekerjaan-pekerjaan mereka adalah gelap, dan mereka mengenali setiap orang saudaranya.

52 Kerana itu Tuhan mengutuk Lamekh, dan keluarganya, dan mereka semua yang telah membuat perjanjian dengan Setan; kerana mereka tidak mentaati perintah-perintah Tuhan, dan ianya tidak menyenangkan Tuhan, dan Dia tidak melayani mereka, dan pekerjaan-pekerjaan mereka adalah kekejian, dan mulai tersebar ke kalangan semua "anak manusia. Dan ia berada di kalangan anak manusia.

53 Dan di kalangan anak perempuan manusia hal-hal ini tidak diucapkan, kerana Lamekh telah memberitahukan rahsia itu kepada isteri-isterinya, dan mereka memberontak terhadapnya, dan memaklumkan hal-hal ini secara meluas, dan tanpa simpati;

54 Kerana itu Lamekh telah

dikeji, dan diusir, dan tidak datang ke kalangan anak manusia, jikalau tidak dia akan mati.

55 Dan demikianlah pekerjaan-pekerjaan "kegelapan mula berleluasa di kalangan semua anak manusia.

56 Dan Tuhan mengutuk bumi dengan suatu kutukan yang parah, dan marah terhadap yang jahat, terhadap semua anak manusia yang telah Dia ciptakan;

57 Kerana mereka tidak mahu mendengar kepada suara-Nya, ataupun percaya kepada "Putera Tunggal-Nya, bahkan Dia yang Dia maklumkan akan datang pada pertengahan zaman, yang dipersiapkan sejak sebelum pengasasan dunia.

58 Dan demikianlah "Injil mulai dihutbahkan, sejak permulaan, dimaklumkan oleh para <sup>b</sup>malaikat kudus yang diutus dari hadirat Tuhan, dan melalui suara-Nya sendiri, dan melalui <sup>c</sup>kurnia Roh Kudus.

59 Dan demikianlah segala hal telah ditetapkan kepada Adam, melalui suatu tatacara kudus, dan Injil dihutbahkan, dan suatu perintah telah diutuskan, bahawa ia akan berada di dalam dunia, sehingga akhir; dan begitulah demi-kiannya. Amin.

## BAB 6

(November–Disember 1830)

*Keturunan Adam menyimpan sebuah kitab kenangan—Anak cucunya*

51a PTS Komplot-komplot Rahsia.

52a Musa 8:14–15.

55a PTS Jahat, Kejahatan;

Kegelapan Rohani.

57a PTS Yesus Kristus.

58a PTS Injil.

b Alma 12:28–30;

Moro. 7:25, 29–31.

PTS Malaikat-malaikat.

c PTS Kurnia Roh

Kudus.

yang soleh mengkhutbahkan per-  
taubatan—Tuhan menampakkan  
Diri-Nya kepada Henokh—Henokh  
mengkhutbahkan Injil—Rencana  
keselamatan diwahyukan kepada  
Adam—Dia menerima pembaptisan  
dan imamat.

DAN "Adam mendengar kepada  
suara Tuhan, dan meminta kepada  
para anak-anak lelakinya untuk  
bertaubat.

2 Dan Adam menyetubuhi is-  
terinya lagi, dan dia melahirkan  
seorang anak lelaki, dan dia me-  
manggil namanya "Set. Dan Adam  
memuliakan nama Tuhan; kerana  
dia berkata: Tuhan telah menentu-  
kan bagiku keturunan yang lain,  
sebagai pengganti Habel, yang te-  
lah dibunuh oleh Kain.

3 Dan Tuhan menampakkan Diri-  
Nya kepada Set, dan dia tidak  
memberontak, tetapi mempersem-  
bahkan suatu "korban yang dapat  
diterima, seperti abangnya Habel.  
Dan kepadanya juga dilahirkan  
seorang anak lelaki, dan dia me-  
manggil namanya Enos.

4 Dan kemudian mulalah orang-  
orang ini "memanggil nama Tuhan,  
dan Tuhan memberkati mereka;

5 Dan sebuah "kitab kenangan  
disimpan, yang mana di dalam-  
nya dicatatkan, dalam bahasa  
Adam, kerana ia diberikan kepada

sebanyak mana yang meminta ke-  
pada Tuhan untuk menulisnya me-  
lalui roh <sup>b</sup>ilham;

6 Dan melalui mereka anak-anak  
mereka telah diajar untuk mem-  
baca dan menulis, memiliki sebuah  
bahasa yang murni dan tidak ter-  
noda.

7 Sekarang "Imamat yang sama  
ini, yang ada pada permulaan, juga  
akan ada pada akhir dunia ini.

8 Sekarang nubuat inilah yang  
Adam ucapkan, sebagaimana dia  
digerakkan oleh "Roh Kudus, dan  
sebuah <sup>b</sup>salasilah telah disimpan  
tentang <sup>c</sup>anak-anak Tuhan. Dan  
ini adalah <sup>d</sup>buku kenangan bagi  
generasi-generasi Adam, mengata-  
kan: Pada hari Tuhan menciptakan  
manusia, Dia menjadikan manusia  
menurut kemiripannya;

9 Dalam "rupa tubuh-Nya sen-  
diri, lelaki dan perempuan, Dia  
telah menciptakan <sup>b</sup>mereka, dan  
memberkati mereka, dan memang-  
gil <sup>c</sup>nama mereka Adam, pada hari  
itu apabila mereka diciptakan dan  
menjadi <sup>d</sup>jiwa-jiwa yang hidup di  
atas tanah <sup>e</sup>bangku kaki Tuhan.

10 Dan "Adam hidup seratus tiga  
puluh tahun, dan melahirkan se-  
orang anak lelaki yang miripnya  
sendiri, menurut <sup>b</sup>rupanya sendiri,  
dan memanggil namanya Set.

11 Dan hayat hidup Adam, se-  
lepas dia melahirkan Set, adalah

6 1a prs Adam.

2a Kej. 4:25.

prs Set.

3a prs Korban.

4a Kej. 4:26.

prs Doa.

5a Abr. 1:28, 31.

prs Kitab Kenangan.

b prs Ilham,

Mengilhami.

7a prs Imamat.

8a 2 Ptr. 1:21.

b prs Salasilah.

c prs Para Putera dan

Puteri Tuhan.

d Kej. 5:1.

9a Kej. 1:26-28;

Musa 2:26-29;

Abr. 4:26-31.

b prs Lelaki, Para Lelaki.

c Musa 1:34; 4:26.

d prs Jiwa.

e Abr. 2:7.

10a A&P 107:41-56.

b Kej. 5:3;

A&P 107:42-43; 138:40.

lapan ratus tahun, dan dia melahirkan banyak anak lelaki dan perempuan;

12 Dan seluruh hayat Adam hidup adalah sembilan ratus tiga puluh tahun, dan dia meninggal.

13 Set hidup seratus lima tahun, dan melahirkan Enos, dan bernubuat seluruh hayat hidupnya, dan mengajarkan jalan Tuhan kepada anaknya Enos; kerana itu Enos bernubuat juga.

14 Dan Set hidup, setelah dia melahirkan Enos, lapan ratus tujuh tahun, dan melahirkan banyak anak lelaki dan perempuan.

15 Dan anak-anak manusia sangat banyak di atas permukaan tanah itu. Dan pada zaman itu Setan memiliki "penguasaan yang besar di kalangan manusia, dan menghasut hati mereka; dan sejak dari itu datanglah peperangan dan pertumpahan darah; dan tangan seorang lelaki melawan saudara lelakinya sendiri, dalam menyebabkan kematian, disebabkan pekerjaan-pekerjaan <sup>b</sup>rahsia, mencari kekuasaan.

16 Seluruh hayat hidup Set adalah sembilan ratus dua belas tahun, dan dia meninggal.

17 Dan Enos hidup sembilan puluh tahun, dan melahirkan "Kenan. Dan Enos dan umat Tuhan yang selebihnya keluar dari tanah itu, yang dipanggil Sulon, dan tinggal di sebuah negeri perjanjian, yang dia panggil menurut anaknya sendiri, yang dia namakan Kenan.

18 Dan Enos hidup, setelah dia melahirkan Kenan, lapan ratus lima belas tahun, dan telah melahirkan banyak anak lelaki dan perempuan. Dan seluruh hayat hidup Enos adalah sembilan ratus lima tahun, dan dia meninggal.

19 Dan Kenan hidup tujuh puluh tahun, dan melahirkan Mahalaleel; dan Kenan hidup setelah dia melahirkan Mahalaleel lapan ratus empat puluh tahun, dan melahirkan anak-anak lelaki dan perempuan. Dan seluruh hayat hidup Kenan adalah sembilan ratus sepuluh tahun, dan dia meninggal.

20 Dan Mahalaleel hidup enam puluh lima tahun, dan melahirkan Yared; dan Mahalaleel hidup, setelah dia melahirkan Yared, lapan ratus tiga puluh tahun, dan melahirkan para anak lelaki dan perempuan. Dan seluruh riwayat Mahalaleel adalah lapan ratus sembilan puluh lima tahun, dan dia meninggal.

21 Dan Yared hidup seratus enam puluh dua tahun, dan melahirkan "Henokh; dan Yared hidup, setelah melahirkan Henokh, lapan ratus tahun, dan melahirkan anak-anak lelaki dan perempuan. Dan Yared mengajar Henokh dalam segala jalan Tuhan.

22 Dan inilah salasilah keturunan anak-anak Adam, yang merupakan "anak Tuhan, yang mana Tuhan, sendiri, bercakap-cakap dengannya.

23 Dan mereka ialah "para peng-

15a Musa 5:13.  
b prs Komplot-komplot  
Rahsia.  
17a Kej. 5:10-14;

A&P 107:45, 53.  
21a Kej. 5:18-24;  
Musa 7:69; 8:1-2.  
prs Henokh.

22a Luk. 3:38.  
23a prs Nabi.

khutbah kebenaran, dan berbicara dan <sup>b</sup>bernubuat, dan menyeru kepada semua orang, di mana-mana pun, untuk <sup>c</sup>bertaubat; dan <sup>d</sup>iman diajarkan kepada anak-anak manusia.

24 Dan terjadilah bahawa seluruh hayat hidup Yared adalah sembilan ratus enam puluh dua tahun, dan dia meninggal.

25 Dan Henokh hidup enam puluh lima tahun, dan melahirkan <sup>a</sup>Metusalah.

26 Dan terjadilah bahawa Henokh melakukan perjalanan di tanah itu, ke kalangan orang-orang itu; dan semasa dia dalam perjalanan, Roh Tuhan turun dari syurga, dan berada bersamanya.

27 Dan dia mendengar suatu suara dari syurga, memfirmankan: Henokh, anak-Ku, bernubuatlah kepada orang-orang ini, dan katakanlah kepada mereka—Bertaubatlah, kerana demikianlah firman Tuhan: Aku <sup>a</sup>marah dengan orang-orang ini, dan kemurkaan-Ku yang dahsyat ternyata terhadap mereka; kerana hati mereka telah menjadi keras, dan <sup>b</sup>telinga mereka lambat mendengar, dan mata mereka <sup>c</sup>tidak dapat melihat jauh.

28 Dan untuk generasi-generasi yang banyak ini, sejak dari hari Aku menciptakan mereka itu, mereka telah <sup>a</sup>tersesat, dan telah menyangkal-Ku, dan telah mencari bimbingan mereka sendiri dari

kegelapan; dan dalam kekejian-kekejian mereka sendiri telah mereka merancangkan pembunuhan, dan tidak mentaati perintah-perintah, yang telah Aku berikan kepada nenek moyang mereka, Adam.

29 Kerana itu, mereka telah bersumpah palsu bagi diri mereka sendiri, dan, disebabkan <sup>a</sup>sumpah mereka, mereka telah membawa kematian ke atas diri mereka sendiri; dan sebuah <sup>b</sup>neraka telah Aku sediakan untuk mereka, jika mereka tidak bertaubat;

30 Dan inilah sebuah perintah, yang telah Aku utuskan sejak permulaan dunia, daripada mulut-Ku sendiri, sejak dari pelandasannya, dan melalui mulut para hamba-Ku, nenek moyangmu, telah Aku perintahkan, bahkan seperti yang akan diutuskan di dalam dunia, ke hujung-hujungnya.

31 Dan apabila Henokh mendengar firman-firman ini, dia menundukkan dirinya ke tanah, di hadapan Tuhan, dan berbicara di hadapan Tuhan, mengatakan: Mengapakah aku diperkenankan dalam pandangan-Mu, dan aku hanyalah seorang lelaki, dan semua orang membenciku; kerana aku <sup>a</sup>lembab berkata-kata; kerana itu aku ialah hamba-Mu?

32 Dan Tuhan berfirman kepada Henokh: Pergilah dan lakukanlah sebagaimana yang telah Aku

23b pts Nubuat,  
Bernubuat.  
c pts Bertaubat,  
Pertaubatan.  
d prs Iman.  
25a pts Metusalah.

27a A&P 63:32.  
b Mat. 13:15;  
2 Ne. 9:31;  
Mosia 26:28;  
A&P 1:2, 11, 14.  
c Alma 10:25; 14:6.

28a pts Pemberontakan.  
29a pts Sumpah.  
b pts Neraka.  
31a Kel. 4:10–16;  
Yer. 1:6–9.

perintahkan engkau, dan tiada seorang pun akan menusuk engkau. Bukalah "mulutmu, dan ia akan dipenuhi, dan Aku akan memberi engkau suara, kerana semua makhluk berada dalam tangan-Ku, dan Aku akan melakukan seperti yang kelihatan baik bagi-Ku.

33 Katakanlah kepada orang-orang ini: "Pilihlah kamu hari ini, untuk melayani Tuhan Raja yang menciptakanmu.

34 Lihatlah Roh-Ku berada padamu, kerana itu semua perka-taanmu akan Aku persolehkan; dan "gunung-ganang akan lenyap dari hadapanmu, dan <sup>b</sup>sungai akan beralih dari alirannya; dan engkau akan tinggal di dalam Aku, dan Aku di dalam kamu; oleh kerana itu <sup>c</sup>berjalanlah bersama-Ku.

35 Dan Tuhan berfirman kepada Henokh, dan berfirman kepadanya: Sapukanlah matamu dengan tanah liat, dan cucilah ia, dan engkau akan melihat. Dan dia melakukan demikian.

36 Dan dia melihat "roh-roh yang telah Tuhan ciptakan; dan dia juga melihat hal-hal yang tidak kelihatan oleh mata <sup>b</sup>kasar; dan sejak dari itu tersebarlah khabar di tanah itu: Seorang <sup>c</sup>pelihat telah Tuhan bangkitkan bagi umat-Nya.

37 Dan terjadilah bahawa Henokh pergi ke tanah itu, ke kalangan orang-orang itu, berdiri di atas bukit dan tempat-tempat tinggi, dan berseru dengan suara yang nyaring, bersaksi terhadap

pekerjaan-pekerjaan mereka; dan semua orang "tersinggung olehnya.

38 Dan mereka datang untuk mendengarnya, di atas tempat-tempat tinggi, mengatakan kepada para penjaga khemah: Tinggallah kamu di sini dan menjaga khemah, sementara kami pergi ke sana untuk melihat pelihat, kerana dia ber-nubuat, dan ada sesuatu hal yang aneh di tanah ini, seorang lelaki asing telah datang di kalangan kita.

39 Dan terjadilah semasa mereka mendengarnya, tiada seorang pun yang menyentuhnya; kerana ketakutan datang kepada mereka yang mendengarnya; kerana dia berjalan bersama Tuhan.

40 Dan datanglah seorang lelaki kepadanya, namanya ialah Mahiya, dan berkata kepadanya: Beritahu-lah kami dengan jelas siapakah engkau, dan dari mana engkau datang?

41 Dan dia berkata kepada mereka: Aku datang dari negeri Kenan, negeri nenek moyangku, sebuah negeri kebenaran sehingga ke hari ini. Dan bapaku telah mengajarku dalam segala jalan Tuhan.

42 Dan terjadilah, semasa aku melakukan perjalanan dari negeri Kenan, dekat laut timur, aku melihat sebuah penglihatan; dan lihatlah, aku telah melihat syurga, dan Tuhan berfirman denganku, dan memberiku perintah; kerana itu, bagi tujuan ini, untuk mentaati perintah, aku mengatakan firman-firman ini.

32a A&P 24:5-6; 60:2.

33a prs Hak pilihan.

34a Mat. 17:20.

b Musa 7:13.

c Kej. 5:24;

Musa 7:69.

prs Berjalan, Berjalan dengan Tuhan.

36a prs Penciptaan Roh.

b Musa 1:11.

c prs Pelihat.

37a 1 Ne. 16:1-3.

43 Dan Henokh meneruskan ucapannya, mengatakan: Tuhan yang berfirman denganku, ialah Tuhan Syurga yang sama, dan Dia ialah Tuhanku, dan Tuhanmu, dan kamu ialah para saudaraku, dan mengapakah kamu “menasihati dirimu sendiri, dan menyangkal Tuhan Syurga?

44 Dia telah menciptakan langit; “bumi adalah <sup>b</sup>bangku kaki-Nya; dan landasannya adalah milik-Nya. Lihatlah, Dia telah menempatkan, sejumlah besar manusia yang dibawa-Nya ke atas permukaannya.

45 Dan kematian telah datang kepada nenek moyang kita; walaupun demikian kita mengenali mereka, dan kita tidak dapat menafikan, dan bahkan kita mengenali yang pertama daripada semuanya, bahkan Adam.

46 Kerana sebuah kitab “kenangan telah kita tuliskan di antara kita, menurut cara yang diberikan oleh jari Tuhan; dan ianya diberikan dalam bahasa kita sendiri.

47 Dan semasa Henokh menyuarakan firman-firman Tuhan, orang-orang itu gementar, dan tidak dapat bertahan di hadapannya.

48 Dan dia berkata kepada mereka: Kerana Adam “jatuh, kita

ada; dan melalui kejatuhannya datanglah <sup>b</sup>kematian; dan kita dijadikan para pengambil bahagian kesengsaraan dan kecelakaan.

49 Lihatlah Setan telah datang di kalangan anak manusia, dan “menggoda mereka untuk menyembahnya; dan manusia telah menjadi <sup>b</sup>badaniah, <sup>c</sup>berhawa nafsu, dan bagaikan iblis, dan <sup>d</sup>pisahkan dari hadirat Tuhan.

50 Tetapi Tuhan telah memberitahukan kepada nenek moyang kita bahawa semua orang haruslah bertaubat.

51 Dan Dia memanggil kepada moyang kita Adam dengan suara-Nya, memfirmankan: Akulah Tuhan; Aku menciptakan dunia, dan “manusia <sup>b</sup>sebelum mereka ada dalam keadaan daging.

52 Dan Dia juga memfirmankan kepadanya: Jika engkau akan berpaling kepada-Ku, dan mendengar suara-Ku, dan percaya, dan bertaubat dari segala pelanggaranmu, dan “dibaptiskan, bahkan dalam air, dalam nama Putera Tunggal-Ku, yang penuh <sup>b</sup>kasih kurnia dan kebenaran, iaitu <sup>c</sup>Yesus Kristus, satu-satunya <sup>d</sup>nama yang akan diberikan di bawah langit, yang dengannya <sup>e</sup>keselamatan akan datang kepada anak-anak

43a Ams. 1:24–33;

A&P 56:14–15.

44a Ul. 10:14.

b Abr. 2:7.

46a PTS Kitab Kenangan.

48a 2 Ne. 2:25.

PTS Kejatuhan Adam dan Hawa.

b PTS Kematian

Jasmani.

49a Musa 1:12.

PTS Godaan, Menggoda.

b Mosia 16:3–4;

Musa 5:13.

PTS Badaniah.

c PTS Berhawa Nafsu, Hawa Nafsu.

d PTS Kematian

Rohani.

51a PTS Lelaki, Para

Lelaki—Manusia ialah

anak roh kepada Bapa Syurgawi.

b PTS Penciptaan Roh.

52a 3 Ne. 11:23–26.

PTS Pembaptisan, Membaptis.

b PTS Rahmat.

c PTS Yesus Kristus.

d Kis. 4:12;

2 Ne. 31:21.

e PTS Keselamatan.

manusia, kamu akan menerima kurnia Roh Kudus, meminta semua hal dalam nama-Nya, dan apa pun yang kamu minta, akan diberikan kepada kamu.

53 Dan moyang kita Adam berbicara kepada Tuhan, dan mengatakan: Mengapakah manusia harus bertaubat dan dibaptiskan dalam air? Dan Tuhan berfirman kepada Adam: Lihatlah Aku telah <sup>a</sup>mengampuni engkau bagi pelanggaranmu di Taman Eden.

54 Dari sini tersebarlah khabar di kalangan orang-orang itu, bahawa <sup>a</sup>Putera Tuhan telah <sup>b</sup>menebus bagi kesalahan yang asal, di mana dosa-dosa ibu bapa tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas kepala <sup>c</sup>anak-anak, kerana mereka suci sejak dari pengasasan dunia.

55 Dan Tuhan berfirman kepada Adam, memfirmankan: Sejauh anak-anakmu dilahirkan dalam dosa, demikian pula ketika mereka mula membesar, <sup>a</sup>dosa lahir dalam hati mereka, dan mereka merasakan <sup>b</sup>kepahitan, agar mereka tahu untuk menghargai kebaikan.

56 Dan ianya diberikan kepada mereka untuk mengetahui kebaikan dari kejahatan; kerana itu mereka ialah <sup>a</sup>wakil bagi diri mereka sendiri, dan Aku telah memberi

kepadamu suatu hukum dan perintah yang lain.

57 Kerana itu ajarkanlah ia kepada anak-anakmu, bahawa semua orang, di mana-mana pun, harus <sup>a</sup>bertaubat, atau mereka tidak sekali-kali akan dapat mewarisi kerajaan Tuhan, kerana tiada <sup>b</sup>hal yang tidak bersih dapat tinggal di sana, atau <sup>c</sup>berada di hadirat-Nya; kerana, dalam bahasa Adam, <sup>d</sup>Manusia Kekudusan adalah nama-Nya, dan nama Anak Tunggal-Nya ialah <sup>e</sup>Putera Manusia, bahkan Yesus Kristus, seorang <sup>f</sup>Hakim yang soleh, yang akan datang pada pertengahan zaman.

58 Oleh kerana itu Aku memberi kepadamu sebuah perintah, untuk mengajarkan hal-hal ini dengan bebas kepada <sup>a</sup>anak-anakmu, mengatakan:

59 Bahawa disebabkan pelanggaran datangnya kejatuhan, yang mana kejatuhan itu membawakan kematian, dan sejauh kamu dilahirkan ke dalam dunia melalui air, dan darah, dan <sup>a</sup>roh, yang Aku telah ciptakan, dan demikianlah <sup>b</sup>debu menjadi suatu jiwa yang hidup, bahkan demikian juga kamu harus <sup>c</sup>dilahirkan lagi ke dalam kerajaan syurga, melalui <sup>d</sup>air, dan Roh, dan dibersihkan

53a pts Mengampuni.

54a pts Yesus Kristus.

b pts Menebus, Korban Tebusan.

c Mosia 3:16.

55a pts Dosa.

b A&P 29:39.

pts Kesusahan.

56a 2 Ne. 2:26-27;

Hel. 14:29-30.

pts Hak pilihan.

57a 1 Kor. 6:9-10.

pts Bertaubat,

Pertaubatan.

b 1 Ne. 10:21.

pts Bersih dan Tidak Bersih.

c Mzm. 24:3-4;

1 Ne. 15:33-36;

Morm. 7:7;

A&P 76:50-62.

d Musa 7:35.

pts Manusia

Kekudusan.

e pts Putera Manusia.

f pts Keadilan;

Yesus Kristus—Hakim.

58a pts Anak, Anak-anak.

59a 1 Yoh. 5:8.

b Kej. 2:7; Musa 4:25;

Abr. 5:7.

c pts Dilahirkan

Semula, Dilahirkan

oleh Tuhan.

d pts Pembaptisan,

Membaptis.

melalui darah, bahkan darah Anak Tunggal-Ku; agar kamu boleh dikuduskan dari segala dosa, dan <sup>e</sup>menikmati <sup>f</sup>firman-firman kehidupan abadi di dalam dunia ini, dan kehidupan abadi di dalam dunia yang akan datang, bahkan <sup>g</sup>kemuliaan baqa;

60 Kerana melalui <sup>a</sup>air kamu mentaati perintah; melalui Roh kamu <sup>b</sup>dipersolehkan, dan melalui <sup>c</sup>darah kamu <sup>d</sup>dikuduskan;

61 Oleh kerana itu, ia diberikan untuk berada di dalam kamu; catatan syurga itu; <sup>a</sup>Penolong; hal-hal yang damai tentang kemuliaan baqa; kebenaran akan segala hal; yang menghidupkan segalanya, yang menjadikan segalanya bernyawa; yang mengetahui segalanya, dan memiliki segala kuasa menurut kebijaksanaan, belas kasihan, kebenaran, keadilan, dan penghakiman.

62 Dan sekarang, lihatlah, Aku berfirman kepadamu: Inilah <sup>a</sup>rancangan keselamatan bagi semua orang, melalui darah <sup>b</sup>Anak Tunggal-Ku, yang akan datang pada pertengahan zaman.

63 Dan lihatlah, segala hal mempunyai kemiripan mereka, dan segala hal diciptakan dan dijadikan untuk <sup>a</sup>memberikan kesaksian

tentang Aku, baik hal-hal yang duniawi, mahupun hal-hal yang rohani; hal-hal yang ada di langit di atas, dan hal-hal yang ada di atas tanah, dan hal-hal yang ada di dalam tanah, dan hal-hal yang ada di bawah tanah, baik di atas mahupun di bawah: semua hal memberikan kesaksian tentang Aku.

64 Dan terjadilah, apabila Tuhan telah berbicara dengan Adam, moyang kita, Adam berseru kepada Tuhan, dan dia diangkat pergi oleh <sup>a</sup>Roh Tuhan, dan dibawa ke dalam air, dan diletakkan di bawah <sup>b</sup>air, dan dikeluarkan dari air.

65 Dan demikianlah dia dibaptiskan, dan Roh Tuhan turun ke atasnya, dan demikianlah dia <sup>a</sup>dilahirkan melalui Roh, dan <sup>b</sup>batiniah manusianya dihidupkan.

66 Dan dia mendengar suatu suara dari syurga, memfirmankan: Engkau <sup>a</sup>dibaptiskan dengan api, dan dengan Roh Kudus. Inilah <sup>b</sup>catatan Bapa, dan Putera, sejak dari sekarang dan selamanya;

67 Dan engkau ada menurut <sup>a</sup>tarekat-Nya yang merupakan tanpa permulaan hari atau pengakhiran tahun, dari kekekalan ke seluruh kekekalan.

68 Lihatlah, engkau ialah <sup>a</sup>satu di dalam Aku, seorang anak Tuhan;

59 *e* 2 Ne. 4:15-16;

Alma 32:28.

*f* Yoh. 6:68.

*g* *pts* Kemuliaan Selestial.

60 *a* Moro. 8:25.

*b* *pts* Dimaklumkan Soleh, Dipersolehkan.

*c* *pts* Darah.

*d* *pts* Pengudusan.

61 *a* *pts* Roh Kudus.

62 *a* *pts* Rancangan Penebusan.

*b* *pts* Putera Tunggal.

63 *a* Alma 30:44; A&P 88:45-47.

64 *a* *pts* Roh Kudus.

*b* *pts* Pembaptisan, Membaptis.

65 *a* *pts* Dilahirkan Semula, Dilahirkan oleh Tuhan.

*b* Mosia 27:25;

Alma 5:12-15.

66 *a* A&P 19:31.

*pts* Kurnia Roh Kudus.

*b* 2 Ne. 31:17-18; 3 Ne. 28:11.

67 *a* *pts* Imam Melkisedek.

68 *a* 1 Yoh. 3:1-3; A&P 35:2.

dan demikianlah semoga semua menjadi <sup>b</sup>anak-anak-Ku. Amin.

BAB 7  
(Disember 1830)

*Henokh mengajar, memimpin orang-orang itu, dan memindahkan gunung-ganang—Kota Sion ditubuhkan—Henokh melihat kedatangan Putera Manusia, korban penebusan-Nya, dan kebangkitan para Orang Suci—Dia melihat Pemulihan, Pengumpulan, Kedatangan Kedua, dan kembalinya Sion.*

DAN terjadilah bahawa Henokh meneruskan ucapannya, mengatakan: Lihatlah, nenek moyang kita Adam mengajarkan hal-hal ini, dan banyak yang telah percaya dan menjadi "anak-anak Tuhan, dan banyak yang tidak percaya, dan telah binasa dalam dosa-dosa mereka, dan menanti-nantikan dengan rasa <sup>b</sup>takut, dalam seksaan, keberangan berapi-api kemurkaan Tuhan untuk dicurahkan ke atas mereka.

2 Dan sejak dari waktu itu Henokh mula bernubuat, mengatakan kepada orang-orang itu, bahawa: Ketika aku sedang melakukan perjalanan, dan berdiri di atas tempat Mahuya, dan berseru kepada Tuhan, datanglah suatu suara dari syurga, memfirmankan—Beloklah kamu, dan pergilah kamu ke atas gunung Simeon.

3 Dan terjadilah bahawa aku

membelok dan naik ke atas gunung; dan semasa aku berdiri di atas gunung, aku melihat langit terbuka, dan aku diselimuti dengan "kemuliaan;

4 Dan aku melihat Tuhan; dan Dia berdiri di hadapan mukaku, dan Dia berbincang denganku, bahkan seperti seorang lelaki bercakap di antara satu sama lain, "berhadapan muka; dan Dia berfirman kepadaku: <sup>b</sup>Lihatlah, dan Aku akan menunjukkan kepada engkau dunia yang berkurun generasinya.

5 Dan terjadilah bahawa aku melihat di lembah Sum, dan lihatlah, sejumlah besar orang yang tinggal di dalam khemah yang merupakan bangsa Sum.

6 Dan lagi Tuhan berfirman kepadaku: Lihatlah; dan aku melihat ke arah utara, dan aku melihat bangsa Kanaan, yang tinggal di dalam khemah.

7 Dan Tuhan berfirman kepadaku: Bernubuatlah; dan aku bernubuat, mengatakan: Lihatlah bangsa Kanaan, yang banyak, akan pergi dalam susunan pertempuran menentang bangsa Sum, dan akan membunuh mereka sehingga mereka dihancurkan sepenuhnya; dan bangsa Kanaan akan membahagikan diri mereka di tanah itu, dan tanah itu akan gersang dan tidak berbuah, dan tiada bangsa lain yang akan tinggal di sana selain bangsa Kanaan;

8 Kerana lihatlah, Tuhan akan

68b Yoh. 1:12;  
A&P 34:3.  
PTS Para Putera dan  
Puteri Tuhan.

7 1a PTS Para Putera dan  
Puteri Tuhan.  
b Alma 40:11-14.  
3a PTS Perubahan Rupa.

4a Kej. 32:30;  
Ul. 5:4;  
Musa 1:2, 11, 31.  
b Musa 1:4.

mengutuk tanah itu dengan kepantasan yang kuat, dan kegersangannya akan berterusan selamanya; dan ada suatu "kekelaman datang ke atas seluruh anak Kanaan, sehingga mereka dikeji di kalangan semua orang.

9 Dan terjadilah bahawa Tuhan berfirman kepadaku: Pandanglah; dan aku memandangi, dan aku melihat negeri Saron, dan negeri Henokh, dan negeri Omer, dan negeri Heni, dan negeri Sem, dan negeri Haner, dan negeri Hananiha, dan seluruh penduduknya;

10 Dan Tuhan berfirman kepadaku: Pergilah kepada orang-orang ini, dan berkatalah kepada mereka—"Bertaubatlah, agar jangan Aku keluar dan menghentam mereka dengan suatu kutukan, dan mereka mati.

11 Dan Dia memberi kepadaku sebuah perintah bahawa aku harus "membaptis di dalam nama Bapa, dan Putera, yang penuh dengan <sup>b</sup>kasih kurnia dan kebenaran, dan "Roh Kudus, yang memberi kesaksian tentang Bapa dan Putera.

12 Dan terjadilah bahawa Henokh meneruskan untuk meminta kepada semua bangsa itu, kecuali kepada bangsa Kanaan, untuk bertaubat;

13 Dan demikian besar "iman Henokh sehingga dia memimpin umat Tuhan, dan para musuh

mereka datang bertempur menentang mereka; dan dia mengucapkan firman Tuhan, dan tanah bergegar, dan <sup>b</sup>gunung-ganang lenyap, bahkan menurut perintahnya; dan air-air "sungai dibelokkan alirannya; dan ngauman singa-singa terdengar dari padang belantara; dan segala bangsa berasa sangat takut, demikianlah "kehebatan perkataan Henokh, dan demikian besar kuasa bahasanya yang telah Tuhan berikan kepadanya.

14 Terdapat juga sebuah tanah yang muncul dari kedalaman laut, dan begitu besar ketakutan para musuh terhadap umat Tuhan, sehingga mereka melarikan diri dan berdiri jauh-jauh dan pergi ke atas tanah yang muncul dari kedalaman laut itu.

15 Dan "para gergasi di tanah itu, juga, berdiri jauh-jauh; dan berlakulah suatu kutukan ke atas orang-orang yang melawan Tuhan;

16 Dan sejak dari waktu itu adanya peperangan dan pertumpahan darah di kalangan mereka; tetapi Tuhan datang dan berada bersama umat-Nya, dan mereka berada dalam kesolehan.

17 "Rasa takut terhadap Tuhan ada pada segala bangsa, begitu besar kemuliaan Tuhan, yang ada pada umat-Nya. Dan Tuhan <sup>b</sup>memberkati tanah itu, dan mereka diberkati di atas gunung-ganang,

<p>8a 2 Ne. 26:33. 10a Musa 6:57. PTS Bertaubat, Pertaubatan. 11a PTS Pembaptisan, Membaptis.</p>	<p>b PTS Rahmat. c PTS Roh Kudus. 13a PTS Iman. b Mat. 17:20. c Musa 6:34. d PTS Imamat;</p>	<p>Kuasa. 15a Kej. 6:4; Musa 8:18. 17a Kel. 23:27. b 1 Taw. 28:7-8; 1 Ne. 17:35.</p>
---	--	--

dan di atas tempat-tempat yang tinggi, dan makmur.

18 Dan Tuhan menyebut umat-Nya "Sion, kerana mereka <sup>b</sup>satu hati dan satu fikiran, dan berdiam dalam kesolehan; dan tidak ada yang miskin di kalangan mereka.

19 Dan Henokh meneruskan pengkhutbahannya dalam kesolehan kepada umat Tuhan. Dan terjadilah dalam hidupnya, dia membina sebuah kota yang disebut Kota Kekudusan, bahkan Sion.

20 Dan terjadilah bahawa Henokh berbicara dengan Tuhan; dan dia berkata kepada Tuhan: Pastinya "Sion akan berada dalam keselamatan selamanya. Tetapi Tuhan berfirman kepada Henokh: Sion telah Aku berkati, tetapi orang-orangnya yang selebihnya telah Aku kutuk.

21 Dan terjadilah bahawa Tuhan memperlihatkan kepada Henokh seluruh penduduk bumi; dan dia melihat, dan menengok, Sion, dalam peredaran waktu, "diangkat ke dalam syurga. Dan Tuhan berfirman kepada Henokh: Lihatlah itulah kediaman-Ku selamanya.

22 Dan Henokh juga melihat orang-orang yang selebihnya yang merupakan anak-anak Adam; dan mereka ialah campuran dari seluruh keturunan Adam kecuali keturunan Kain, kerana keturunan Kain ialah "hitam, dan tidak

mempunyai tempat di kalangan mereka.

23 Dan setelah Sion diambil ke dalam "syurga, Henokh <sup>b</sup>melihat, dan menengok, "semua bangsa bumi ada di hadapannya;

24 Dan datanglah generasi demi generasi; dan Henokh di tempat yang tinggi dan "diangkat, bahkan ke dalam dada Bapa, dan Putera Manusia; dan lihatlah, kuasa Setan berada di atas seluruh permukaan bumi.

25 Dan dia melihat para malaikat turun dari syurga; dan dia mendengar suatu suara yang nyaring: Celakalah, celakalah bagi para penduduk bumi.

26 Dan dia melihat Setan; dan dia memiliki sebuah "rantai yang besar di tangannya, dan ia menutupi seluruh permukaan bumi dengan <sup>b</sup>kegelapan; dan dia melihat dan ketawa, dan "para malaikatnya bersukacita.

27 Dan Henokh melihat "para malaikat turun dari syurga, memberikan <sup>b</sup>kesaksian tentang Bapa dan Putera; dan Roh Kudus turun ke atas banyak orang, dan mereka diangkat oleh kuasa syurga ke Sion.

28 Dan terjadilah bahawa Tuhan syurga melihat orang-orang yang selebihnya itu, dan Dia menangis; dan Henokh memberikan kesaksian tentangnya, mengatakan:

18a pts Sion.

b Kis. 4:32;

Flp. 2:1–4.

pts Kesatuan.

20a Musa 7:62–63.

pts Yerusalem Baru.

21a Musa 7:69.

22a 2 Ne. 26:33.

23a pts Syurga.

b pts Penglihatan.

c A&P 88:47;

Musa 1:27–29.

24a 2 Kor. 12:1–4.

26a Alma 12:10–11.

b Yes. 60:1–2.

c Yud. 1:6;

A&P 29:36–37.

27a pts Malaikat-malaikat.

b pts Kesaksian.

Bagaimana mungkin syurga menangis, dan mencururkan air matanya bagaikan hujan di atas gunung-ganang?

29 Dan Henokh berkata kepada Tuhan: Bagaimana mungkin Engkau "menangis, melihatkan Engkau ialah kudus, dan dari segala keabadian ke segala keabadian?

30 Dan seandainya mungkin bahawa manusia dapat menghitung zarah-zarah di bumi, ya, jutaan "bumi seperti ini, itu bukanlah suatu permulaan bagi jumlah <sup>b</sup>ciptaan-ciptaan-Mu; dan tirai-tirai-Mu masih terentang; dan namun Engkau ada di sana, dan dada-Mu ada di sana; dan juga Engkau adil; Engkau penuh belas kasihan dan baik hati selamanya;

31 Dan Engkau telah mengambil Sion ke dada-Mu sendiri, dari segala ciptaan-Mu, dari segala keabadian ke segala keabadian; dan tiada apa pun selain "kedamaian, <sup>b</sup>keadilan, dan "kebenaran adalah tempat takhta-Mu berada; dan belas kasihan akan pergi di hadapan muka-Mu dan tidak mempunyai akhir; bagaimana mungkin Engkau menangis?

32 Tuhan berfirman kepada Henokh: Lihatlah para saudaramu ini; mereka ialah hasil kerja "tangan-Ku sendiri, dan Aku memberikan kepada mereka <sup>b</sup>pengetahuan mereka, pada hari Aku

menciptakan mereka; dan di dalam Taman Eden, Aku memberikan kepada manusia "hak pilihannya;

33 Dan kepada para saudaramu telah Aku firmankan, dan juga berikan perintah, agar mereka harus saling "mengasihi, dan agar mereka seharusnya memilih-Ku, Bapa mereka; tetapi lihatlah, mereka tanpa kasih sayang, dan mereka membenci darah mereka sendiri;

34 Dan "api keberangan-Ku ternyala terhadap mereka; dan dalam ketidaksenangan-Ku yang panas akan Aku hantarkan <sup>b</sup>air bah kepada mereka, kerana kemarahan-Ku yang dahsyat ternyala terhadap mereka.

35 Lihatlah, Akulah Tuhan; "Manusia Kekudusan ialah nama-Ku; Manusia Nasihat ialah nama-Ku; dan Tanpa Akhir dan Abadi ialah <sup>b</sup>nama-Ku, juga.

36 Kerana itu, Aku dapat merentangkan tangan-Ku dan memegang semua ciptaan yang Aku telah ciptakan; dan "mata-Ku juga dapat melihat mereka, dan di antara semua hasil kerja tangan-Ku tidak ada yang sedemikian besar <sup>b</sup>kejahatannya seperti di kalangan para saudaramu.

37 Tetapi lihatlah, dosa-dosa mereka akan berada di atas kepala nenek moyang mereka; Setan akan menjadi bapa mereka, dan

29a Yes. 63:7-10.

30a A&P 76:24;

Musa 1:33.

b prs Mencipta,  
Penciptaan.

31a prs Kedamaian.

b prs Keadilan.

c prs Kebenaran.

32a Musa 1:4.

b prs Pengetahuan.

c prs Hak pilihan.

33a prs Kasih.

34a Yes. 30:27; Nah. 1:6;

A&P 35:14.

b Kej. 7:4, 10;

Musa 8:17, 24.

prts Banjir pada Zaman Nuh.

35a Musa 6:57.

b Musa 1:3.

36a A&P 38:2; 88:41;

Musa 1:35-37.

b Kej. 6:5-6;

Musa 8:22, 28-30.

kesengsaraan akan menjadi takdir mereka; dan seluruh syurga akan menangis bagi mereka, bahkan seluruh hasil kerja tangan-Ku; kerana itu tidakkah syurga seharusnya menangis, melihatkan orang-orang ini akan menderita?

38 Tetapi lihatlah, orang-orang ini yang sedang kamu lihat akan mati dalam air bah; dan lihatlah, Aku akan mengurung mereka; sebuah "penjara telah Aku sediakan bagi mereka.

39 Dan "mereka yang telah dipilih-Ku telah merayu di hadapan muka-Ku. Kerana itu, Dia menderita bagi dosa-dosa mereka; sejauh mereka akan bertaubat pada hari apabila <sup>b</sup>Yang Terpilih-Ku akan kembali kepada-Ku, dan sehinggalah hari itu mereka akan berada dalam 'seksaan;

40 Kerana itu, disebabkan ini syurga akan menangis, ya, dan seluruh hasil kerja tangan-Ku.

41 Dan terjadilah bahawa Tuhan berfirman kepada Henokh, dan memberitahu Henokh segala perbuatan anak-anak manusia; kerana itu Henokh mengetahuinya, dan melihat kejahatan mereka, dan kesengsaraan mereka, dan menangis dan merentangkan lengannya, dan "hatinya mengembang bagaikan keabadian; dan sanubarinya terasa pilu; dan seluruh keabadian bergoncang.

42 Dan Henokh juga melihat

"Nuh, dan <sup>b</sup>keluarganya; bahawa keturunan semua anak lelaki Nuh akan diselamatkan dengan suatu keselamatan duniawi;

43 Kerana itu Henokh melihat bahawa Nuh membina sebuah "bahtera; dan bahawa Tuhan tersenyum ke atasnya, dan memegangnya dalam tangan-Nya sendiri; tetapi kepada mereka yang jahat air bah datang dan menelan mereka.

44 Dan apabila Henokh melihat ini, dia merasakan kepahitan jiwa, dan menangis bagi para saudaranya, dan berkata kepada syurga: Aku "enggan ditenangkan; tetapi Tuhan berfirman kepada Henokh: Angkatlah hatimu, dan bergembiralah; dan lihatlah.

45 Dan terjadilah bahawa Henokh melihat; dan daripada Nuh, dia melihat semua keluarga di bumi; dan dia berseru kepada Tuhan, mengatakan: Bilakah hari Tuhan akan datang? Bilakah darah Yang Soleh akan ditumpahkan, agar mereka semua yang berduka boleh "dikuduskan dan memperoleh kehidupan abadi?

46 Dan Tuhan berfirman: Ianya akan terjadi pada "pertengahan zaman, pada hari kejahatan dan pembalasan.

47 Dan lihatlah, Henokh melihat hari kedatangan Putera Manusia, bahkan dalam keadaan daging; dan jiwanya bersukacita, mengatakan: Yang Soleh diangkat,

38a 1 Ptr. 3:18-20.

PTS Neraka.

39a IAITU Juruselamat.

b Musa 4:2;

Abr. 3:27.

PTS Yesus Kristus.

c PTS Laknat.

41a Mosia 28:3.

PTS Rasa kasihan.

42a PTS Nuh, Bapa Bangsa dalam Alkitab.

b Musa 8:12.

43a Kej. 6:14-16;

Eter 6:7.

44a Mzm. 77:2;

Eter 15:3.

45a PTS Pengudusan.

46a Musa 5:57.

dan <sup>a</sup>Anak Domba dibunuh dari pengasasan dunia; dan melalui iman aku berada di dalam dada Bapa, dan lihatlah, <sup>b</sup>Sion bersamaku.

48 Dan terjadilah bahawa Henokh melihat <sup>a</sup>bumi; dan dia mendengar suatu suara dari sanubarinya, memfirmankan: Celakalah, celakalah aku, ibu bagi manusia; aku disakiti, aku letih, kerana kejahatan anak-anakku. Bilakah aku akan <sup>b</sup>beristirahat, dan dibersihkan dari <sup>c</sup>kekotoran yang keluar daripadaku? Bilakah Penciptaku akan menguduskanku, agar aku boleh beristirahat, dan kebenaran berada di atas permukaanku untuk seketika?

49 Dan apabila Henokh mendengar bumi berdukacita, dia menanngis, dan berseru kepada Tuhan, mengatakan: Ya Tuhan, tidakkah Engkau akan menunjukkan rasa simpati kepada bumi? Tidakkah Engkau akan memberkati anak-anak Nuh?

50 Dan terjadilah bahawa Henokh meneruskan seruannya kepada Tuhan, mengatakan: Aku meminta Engkau, ya Tuhan, dalam nama Anak Tunggal-Mu, bahkan Yesus Kristus, agar Engkau akan mempunyai belas kasihan kepada Nuh dan keturunannya, agar bumi tidak akan pernah lagi ditenggelami oleh air bah.

51 Dan Tuhan tidak dapat menahan; dan Dia berjanji dengan Henokh, dan bersumpah kepadanya dengan suatu sumpah, bahawa Dia akan menahan <sup>a</sup>air bah; bahawa Dia akan meminta anak-anak Nuh;

52 Dan dia mengutuskan sebuah perintah yang tidak dapat diubah, bahawa keturunannya <sup>a</sup>yang selebihnya akan selalu berada di kalangan segala bangsa, selagi bumi ada;

53 Dan Tuhan berfirman: Diberkatilah dia yang mana melalui keturunannya Mesias akan datang; kerana Dia berfirman—Akulah <sup>a</sup>Mesias, <sup>b</sup>Raja Sion, <sup>c</sup>Batu Syurga, yang luasnya bagaikan keabadian; sesiapa pun yang masuk ke dalam pintu gerbang itu dan <sup>d</sup>menaikinya melalui-Ku tidak akan pernah jatuh; kerana itu, diberkatilah mereka yang telah Aku firmankan tentang mereka, kerana mereka akan muncul dengan <sup>e</sup>lagu-lagu kebahagiaan yang kekal.

54 Dan terjadilah bahawa Henokh berseru kepada Tuhan, mengatakan: Apabila Putera Manusia datang dalam keadaan daging, adakah bumi akan beristirahat? Aku berdoa kepada-Mu, tunjukkanlah hal-hal ini.

55 Dan Tuhan berfirman kepada Henokh: Pandanglah, dan dia memandang dan melihat <sup>a</sup>Putera

47a *pts* Anak Domba Tuhan.

b Musa 7:21.

48a *pts* Bumi—

Pembersihan bumi.

b Musa 7:54, 58, 64.

c *pts* Kekotoran,

Kotoran.

51a *Mzm.* 104:6–9.

52a Musa 8:2.

53a *pts* Mesias.

b *Mat.* 2:2;

2 *Ne.* 10:14;

Alma 5:50;

A&P 128:22.

c *Mzm.* 71:3; 78:35;

Hel. 5:12.

*pts* Batu.

d 2 *Ne.* 31:19–20.

e *pts* Musik.

55a *pts* Putera Manusia.

Manusia diangkat di atas <sup>b</sup>salib, menurut cara manusia;

56 Dan dia mendengar suatu suara yang nyaring; dan langit diselubungi; dan segala ciptaan Tuhan berkabung; dan bumi <sup>a</sup>merintih; dan batu-batu terbelah; dan para orang suci <sup>b</sup>bangkit, dan <sup>c</sup>dimahkotai di sebelah <sup>d</sup>tangan kanan Putera Manusia, dengan mahkota-mahkota kemuliaan;

57 Dan sebanyak mana <sup>a</sup>roh-roh di dalam <sup>b</sup>penjara bangkit, dan berdiri di sebelah tangan kanan Tuhan; dan selebihnya diletakkan rantai-rantai kegelapan sehingga penghakiman hari yang besar.

58 Dan lagi Henokh menangis dan berseru kepad Tuhan, mengatakan: Bilakah bumi akan beristirahat?

59 Dan Henokh melihat Putera Manusia naik kepada Bapa; dan dia meminta kepada Tuhan, mengatakan: Tidakkah Engkau akan datang lagi ke atas bumi? Disebabkan Engkau ialah Tuhan, dan aku mengenali Engkau, dan Engkau telah bersumpah kepadaku, dan memerintahkanku agar aku seharusnya meminta dalam nama Anak Tunggal-Mu; Engkau telah menciptakanku, dan memberikan kepadaku suatu hak ke atas takhta-Mu, dan bukan daripada diriku sendiri, tetapi melalui

rahmat-Mu sendiri; kerana itu, aku bertanya kepada-Mu jikalau Engkau tidak akan datang lagi ke atas bumi.

60 Dan Tuhan berfirman kepada Henokh: Sebagaimana Aku hidup, demikian juga Aku akan datang pada <sup>a</sup>zaman akhir, pada hari-hari kejahatan dan pembalasan, untuk menggenapi sumpah yang Aku telah buat kepadamu berkenaan anak-anak Nuh;

61 Dan harinya akan datang bahawa bumi akan <sup>a</sup>beristirahat, tetapi sebelum hari itu langit akan <sup>b</sup>digelapkan, dan suatu <sup>c</sup>tirai kegelapan akan menyelubungi bumi; dan langit akan bergoncang, dan juga bumi; dan kesengsaraan-kesengsaraan yang hebat akan berada di kalangan anak-anak manusia, tetapi umat-Ku akan Aku <sup>d</sup>lindungi;

62 Dan <sup>a</sup>kesolehan akan Aku turunkan dari syurga; dan <sup>b</sup>kebenaran akan Aku keluarkan dari <sup>c</sup>bumi, untuk memberikan <sup>d</sup>kesaksian tentang Anak Tunggal-Ku; <sup>e</sup>kebangkitan-Nya dari orang-orang mati; ya, dan juga kebangkitan semua orang; dan kesolehan dan kebenaran akan Aku sebabkan untuk meliputi bumi bagaikan dengan air bah, untuk <sup>f</sup>mengumpulkan umat pilihan-Ku dari empat penjuru bumi, menuju suatu

55 b 3 Ne. 27:14.

pts Penyaliban.

56 a Mat. 27:45, 50–51.

b pts Kebangkitan.

c pts Mahkota;

Permuliaan.

d Mat. 25:34.

57 a pts Roh.

b A&P 76:71–74; 88:99.

60 a pts Hari-hari Terakhir, Zaman Akhir.

61 a pts Bumi—Tahap terakhir bumi.

b A&P 38:11–12; 112:23.

c pts Tirai.

d 1 Ne. 22:15–22;

2 Ne. 30:10.

62 a Mzm. 85:11.

pts Pemulihan Injil.

b pts Kitab Mormon.

c Yes. 29:4.

d pts Kesaksian.

e pts Kebangkitan.

f pts Israel—

Pengumpulan Israel.

tempat yang Aku akan sediakan, sebuah Kota Kudus, agar umat-Ku boleh menyediakan diri mereka, dan menanti-nantikan waktu kedatangan-Ku; kerana akan ada khemah ibadat suci-Ku, dan ia akan dipanggil Sion, sebuah <sup>a</sup>Yerusalem Baru.

63 Dan Tuhan berfirman kepada Henokh: Pada waktu itu engkau dan seluruh <sup>a</sup>“kotamu menemui mereka di sana, dan kita akan menerima mereka ke dalam dada kita, dan mereka akan melihat kita; dan kita akan memeluk mereka, dan mereka akan memeluk kita, dan kita akan mencium satu sama lain;

64 Dan akan ada tempat kediaman-Ku, dan ia akan dipanggil Sion, yang akan muncul dari segala ciptaan yang Aku telah ciptakan; dan untuk tempoh waktu <sup>a</sup>“seribu tahun bumi akan <sup>b</sup>beristirahat.

65 Dan terjadilah bahawa Henokh melihat hari <sup>a</sup>“kedatangan Putera Manusia, pada zaman akhir, untuk berada di atas bumi dalam kebenaran untuk tempoh waktu seribu tahun;

66 Tetapi sebelum hari itu dia melihat kesengsaraan-kesengsaraan yang hebat di kalangan yang jahat; dan dia juga melihat laut, yang terhenti, dan hati <sup>a</sup>“kecut, menanti dengan ketakutan terhadap <sup>b</sup>“penghakiman-penghakiman

Tuhan Yang Maha Kuasa, yang akan datang kepada yang jahat.

67 Dan Tuhan menunjukkan kepada Henokh segala hal, bahkan sehingga ke hujung dunia; dan dia melihat hari bagi yang soleh, masa penebusan mereka, dan menerima kegenapan <sup>a</sup>“kebahagiaan;

68 Dan seluruh hari-hari <sup>a</sup>“Sion, dalam kehidupan Henokh, adalah tiga ratus enam puluh lima tahun.

69 Dan Henokh dan seluruh umatnya <sup>a</sup>“berjalan bersama Tuhan, dan dia berada di tengah-tengah Sion; dan terjadilah bahawa Sion tidak ada, kerana Tuhan telah menerimanya ke dalam dada-Nya sendiri; dan sejak dari itu tersebarlah khabar angin, SION LENYAP.

## BAB 8

(Februari 1831)

*Metusalah bernubuat—Nuh dan anak-anaknya mengkhutbahkan Injil—Kejahatan besar berkuasa—Seruan untuk pertaubatan tidak diendahkan—Tuhan menetapkan kehancuran semua manusia melalui Air Bah.*

DAN seumur hidup Henokh adalah empat ratus tiga puluh tahun.

2 Dan terjadilah bahawa <sup>a</sup>“Metusalah, anak lelaki Henokh, tidak diambil, agar perjanjian-perjanjian Tuhan boleh digenapi, yang telah Dia buat dengan Henokh; kerana

62 g pts Yerusalem Baru.

63 a Why. 21:9–11;

A&P 45:11–12;

Musa 7:19–21.

64 a pts Zaman Seribu

Tahun.

b Musa 7:48.

65 a Yud. 1:14.

pts Kedatangan Kedua

Yesus Kristus.

66 a Yes. 13:6–7.

b pts Penghakiman

Terakhir.

67 a pts Kegembiraan.

68 a Kej. 5:23;

Musa 8:1.

69 a Kej. 5:24;

Musa 6:34.

pts Berjalan, Berjalan

dengan Tuhan.

8 2 a pts Metusalah.

Dia benar-benar berjanji dengan Henokh bahawa Nuh akan menjadi buah auratnya.

3 Dan terjadilah bahawa Metusalah bernubuat bahawa dari auratnya akan datang semua kerajaan di bumi (melalui Nuh), dan dia mengambil kemuliaan bagi dirinya sendiri.

4 Dan datanglah suatu bencana kebuluran yang besar ke tanah itu, dan Tuhan mengutuk tanah itu dengan suatu kutukan yang parah, dan banyak penduduknya mati.

5 Dan terjadilah bahawa Metusalah telah hidup seratus lapan puluh tujuh tahun, dan melahirkan Lamekh;

6 Dan Metusalah hidup, selepas dia melahirkan Lamekh, tujuh ratus lapan puluh dua tahun, dan melahirkan anak-anak lelaki dan perempuan;

7 Dan seumur hidup Metusalah adalah sembilan ratus enam puluh sembilan tahun, dan dia meninggal.

8 Dan Lamekh hidup seratus lapan puluh dua tahun, dan melahirkan seorang anak lelaki.

9 Dan dia memanggil namanya "Nuh, mengatakan: Anak ini akan membantu kita dalam pekerjaan dan usaha keras kita kerana Tuhan telah <sup>b</sup>mengutuk tanah ini.

10 Dan Lamekh hidup, selepas dia melahirkan Nuh, lima ratus

sembilan puluh lima tahun, dan melahirkan anak-anak lelaki dan perempuan;

11 Dan seumur hidup Lamekh adalah tujuh ratus tujuh puluh tujuh tahun, dan dia meninggal.

12 Dan Nuh berumur empat ratus lima puluh tahun, dan "melahirkan Yafet; dan empat puluh dua tahun selepas itu ibu Yafet melahirkan <sup>b</sup>Sem, dan semasa dia berumur lima ratus tahun dia melahirkan <sup>c</sup>Ham.

13 Dan "Nuh dan anak-anak lelakinya <sup>b</sup>mendengar kepada Tuhan, dan mendengar, dan mereka dipanggil "anak-anak Tuhan.

14 Dan apabila orang-orang ini mula bertambah di atas permukaan bumi, dan mereka melahirkan anak perempuan, "para anak manusia melihat bahawa anak-anak perempuan itu cantik, dan mereka mengambil mereka sebagai isteri, bahkan menurut pilihan mereka.

15 Dan Tuhan berfirman kepada Nuh: Anak-anak perempuan daripada anak-anak lelakimu telah "menjual diri mereka sendiri; kerana lihatlah kemarahan-Ku ternyata terhadap para anak manusia, kerana mereka tidak mahu mendengar suara-Ku.

16 Dan terjadilah bahawa Nuh bernubuat, dan mengajarkan hal-hal tentang Tuhan, bahkan seperti sejak dari permulaan.

9a PTS Nuh, Bapa Bangsa dalam Alkitab.

b Musa 4:23.

12a Kej. 5:32.

pts Yafet.

b pts Sem.

c PTS Ham.

13a A&P 138:41.

pts Gabriel.

b PTS Patuh, Ketaatan,

Mematuhi.

c PTS Para Putera dan

Puteri Tuhan.

14a Musa 5:52.

15a PTS Berkahwin,

Perkahwinan—

Perkahwinan di antara

agama yang berlainan.

17 Dan Tuhan berfirman kepada Nuh: Roh-Ku tidak akan selalu berusaha <sup>a</sup>mempengaruhi manusia, kerana dia akan mengetahui bahawa semua <sup>b</sup>yang fana akan mati; namun hayatnya akan menecah seratus dua puluh tahun; dan jika manusia tidak bertaubat, Aku akan mengirinkan <sup>c</sup>air bah ke atas mereka.

18 Dan pada zaman itu terdapat <sup>a</sup>gergasi di atas bumi, dan mereka mencari Nuh untuk mengambil nyawanya; tetapi Tuhan bersama Nuh, dan <sup>b</sup>kuasa Tuhan berada padanya.

19 Dan Tuhan <sup>a</sup>mentahbiskan <sup>b</sup>Nuh menurut <sup>c</sup>tarekat-Nya, dan memerintahkannya agar dia harus pergi dan <sup>d</sup>memaklumkan Injil-Nya kepada anak-anak manusia, bahkan seperti yang diberikan kepada Henokh.

20 Dan terjadilah bahawa Nuh meminta kepada anak-anak manusia agar mereka seharusnya <sup>a</sup>bertaubat; tetapi mereka tidak mendengarkan perkataannya;

21 Dan juga, selepas mereka mendengarnya, mereka datang ke hadapannya, mengatakan: Lihatlah, kami adalah anak-anak Tuhan; bukankah kami telah mengambil

anak-anak perempuan manusia untuk diri kami? Dan bukankah kami <sup>a</sup>makan dan minum, dan berkahwin dan dikahwini? Dan para isteri kami melahirkan anak-anak kami, dan mereka ialah para lelaki perkasa, seperti para lelaki dahulu, para lelaki dengan kemasyhuran besar. Dan mereka tidak mendingar kepada perkataan Nuh.

22 Dan Tuhan melihat bahawa <sup>a</sup>kejahatan manusia telah menjadi besar di bumi; dan setiap orang terangkat dalam khayalan <sup>b</sup>fikiran hatinya, yang hanya merupakan kejahatan yang berterusan.

23 Dan terjadilah bahawa Nuh meneruskan <sup>a</sup>pengkhutbahannya kepada orang-orang itu, mengatakan: Dengarlah, dan endahkanlah perkataanku;

24 <sup>a</sup>Percayalah dan bertaubatlah dari dosa-dosamu dan <sup>b</sup>dibaptiskanlah dalam nama Yesus Kristus, Putera Tuhan, bahkan seperti para moyang kita, dan kamu akan menerima Roh Kudus, agar segala hal boleh <sup>c</sup>dinyatakan kepadamu; dan jika kamu tidak melakukan ini, air bah akan datang kepadamu; walaupun demikian mereka tidak mendengar.

25 Dan Nuh berasa sesal, dan

17 *a* Kej. 6:3;  
2 Ne. 26:11;  
Eter 2:15;  
A&P 1:33.  
*b* 2 Ne. 9:4.  
pts Daging.  
*c* Kej. 7:4, 10;  
Musa 7:34.  
18 *a* Kej. 6:4;  
Bil. 13:33;  
Yos. 17:15.  
*b* pts Kuasa.  
19 *a* A&P 107:52.

pts Tahbis,  
Pentahbisan.  
*b* Abr. 1:19.  
*c* pts Imam  
Melkisedek.  
*d* pts Pekerjaan  
Penginjan.  
20 *a* pts Bertaubat,  
Pertaubatan.  
21 *a* Mat. 24:38-39;  
JS—M 1:41.  
22 *a* Kej. 6:5;  
Musa 7:36-37.

*b* Mosia 4:30;  
Alma 12:14.  
pts Pemikiran.  
23 *a* pts Mengkhutbahkan.  
24 *a* pts Kepercayaan,  
Percaya.  
*b* pts Pembaptisan,  
Membaptis—  
Kelayakan untuk  
pembaptisan.  
*c* 2 Ne. 32:2-5.

hatinya sedih bahawa Tuhan telah menciptakan manusia di atas bumi, dan hatinya menjadi pilu.

26 Dan Tuhan berfirman: Aku akan “menghancurkan manusia yang Aku telah ciptakan, dari permukaan bumi, baik manusia mahupun binatang, dan makhluk yang merayap, dan burung di udara; kerana itu Nuh berasa sesal bahawa Aku telah menciptakan mereka, dan bahawa Aku telah menjadikan mereka; dan dia telah memohon kepada-Ku; kerana mereka telah mengancam nyawanya.

27 Dan demikianlah Nuh menemui “rahmat di mata Tuhan; kerana Nuh ialah seorang yang adil,

dan <sup>b</sup>sempurna dalam generasinya; dan dia <sup>c</sup>berjalan bersama Tuhan, seperti juga tiga orang anak lelakinya, Sem, Ham, dan Yafet.

28 Bumi “merosak di hadapan Tuhan, dan ianya dipenuhi dengan keganasan.

29 Dan Tuhan memandang bumi, dan, lihatlah, ianya merosak, kerana semua makhluk telah menjalani hidup yang rosak di atas bumi.

30 Dan Tuhan berfirman kepada Nuh: Waktu pemusnahan semua makhluk telah tiba di hadapan-Ku, kerana bumi dipenuhi dengan keganasan, dan lihatlah Aku akan “menghancurkan semua makhluk dari seluruh bumi.

26a *pts* Bumi—  
Pembersihan bumi.  
27a *pts* Rahmat.

*b* Kej. 6:9.  
*c* *pts* Berjalan, Berjalan  
dengan Tuhan.

28a Kej. 6:11–13.  
30a A&P 56:3.

# SEBUAH SALINAN DARI KITAB ABRAHAM

No. 1



## PENJELASAN

Gmbr. 1. Malaikat Tuhan.

Gmbr. 2. Abraham terikat di atas sebuah mimbar.

Gmbr. 3. Imam pemuja berhala Elkena berusaha untuk mempersembahkan Abraham sebagai korban.

Gmbr. 4. Mimbar untuk pengorbanan oleh para imam pemuja berhala, berdiri di hadapan para dewa Elkena, Libna, Mahmakra, Koras, dan Firaun.

Gmbr. 5. Dewa berhala Elkena.

Gmbr. 6. Dewa berhala Libna.

Gmbr. 7. Dewa berhala Mahmakra.

Gmbr. 8. Dewa berhala Koras.

Gmbr. 9. Dewa berhala Firaun.

Gmbr. 10. Abraham di Mesir.

Gmbr. 11. Direka untuk melambangkan tiang-tiang syurga, seperti yang difahami oleh bangsa Mesir.

Gmbr. 12. Raukiyang, yang melambangkan bentangan, atau ruangan di atas kepala kita; tetapi dalam perkara ini, berkaitan dengan subjek ini, bangsa Mesir bermaksud untuk melambangkannya sebagai Saumahu, yang tinggi, atau langit, sesuai dengan kata bahasa Ibrani, Saumayim.

# KITAB ABRAHAM

DITERJEMAHKAN DARI PAPIRUS, OLEH JOSEPH SMITH

*Suatu terjemahan beberapa Catatan kuno yang telah jatuh ke dalam tangan kami dari kubur-kubur bawah negeri Mesir. Tulisan-tulisan Abraham semasa dia berada di Mesir, disebut Kitab Abraham, ditulis oleh tangannya sendiri, di atas papyrus.*

## BAB 1

*Abraham mencari berkat-berkat tarekat kebabangsaan—Dia dianiaya oleh para imam palsu di Kasdim—Yehova menyelamatkannya—Asalusul dan pemerintahan Mesir ditinjau.*

**D**i negeri bangsa <sup>a</sup>Kasdim, di tempat tinggal nenek moyangku, aku, <sup>b</sup>Abraham, melihat bahawa adalah perlu bagiku untuk mendapatkan tempat lain sebagai <sup>c</sup>tempat tinggal;

2 Dan, melihatkan ada <sup>a</sup>kebahagiaan lebih besar dan kedamaian dan <sup>b</sup>istirahat bagiku, aku mencari berkat-berkat nenek moyangku, dan hak yang kepadanya aku akan ditahbiskan untuk mengurus yang sama itu; kerana aku sendiri seorang pengikut <sup>c</sup>kebenaran, menghasratkan juga untuk menjadi pemilik <sup>d</sup>pengetahuan yang besar, dan untuk menjadi seorang bapa kepada banyak bangsa, seorang putera kedamaian, dan menghasratkan untuk menerima

petunjuk-petunjuk, dan untuk mentaati perintah-perintah Tuhan, aku menjadi seorang waris yang sah, seorang <sup>e</sup>Imam Tinggi, memegang <sup>f</sup>hak kepunyaan nenek moyang.

3 Ianya <sup>a</sup>dianugerahkan kepadaku daripada nenek moyang; ia diturunkan daripada nenek moyang, dari permulaan masa, ya, bahkan dari permulaan, atau sebelum pelandasan bumi, sehingga sekarang, bahkan hak <sup>b</sup>anak sulung, atau lelaki pertama, iaitu <sup>c</sup>Adam, atau bapa pertama, melalui nenek moyang sehinggalah kepadaku.

4 Aku mencari <sup>a</sup>pelantikkanku kepada Imamat menurut pelantikkan nenek moyang oleh Tuhan tentang keturunan.

5 <sup>a</sup>Nenek moyangku telah berpaling dari kesolehan mereka, dan dari perintah-perintah kudus yang Tuhan Raja mereka telah berikan kepada mereka, kepada <sup>b</sup>penyembahan dewa-dewa orang kafir, menolak sepenuhnya untuk mendingar suaraku;

1 1a pts Ur.

b pts Abraham.

c Kis. 7:2-4.

2a pts Kegembiraan.

b pts Beristirahat.

c pts Soleh, Kesolehan.

d A&P 42:61.

pts Pengetahuan.

e pts Imam Tinggi.

f pts Imamat

Melkisedek.

3a A&P 84:14.

b A&P 68:17.

pts Anak sulung.

c Musa 1:34.

pts Adam.

4a pts Hak Anak Sulung.

5a Kej. 12:1.

b pts Pemujaan berhala.

6 Kerana hati mereka telah cenderung kepada kejahatan, dan dipalingkan sepenuhnya kepada “Dewa Elkena, dan Dewa Libna, dan Dewa Mahmakra, dan Dewa Koras, dan Dewa Firaun, raja Mesir;

7 Oleh kerana itu mereka memalingkan hati mereka kepada pengorbanan orang kafir dengan mempersembahkan anak-anak mereka kepada patung berhala bisu ini, dan tidak mendengar suaraku, tetapi berusaha untuk mengambil nyawaku melalui imam Elkena. Imam Elkena juga adalah imam Firaun.

8 Sekarang, pada waktu ini adalah kebiasaan bagi imam Firaun, raja Mesir, untuk mempersembahkan lelaki, perempuan dan kanak-kanak di atas altar yang dibina di negeri Kasdim, sebagai persembahan kepada dewa-dewa asing ini.

9 Dan terjadilah bahawa imam itu membuat suatu persembahan kepada Dewa Firaun, dan juga kepada Dewa Sagril, bahkan menurut cara bangsa Mesir. Dewa Sagril adalah matahari.

10 Bahkan persembahan kesyukuran iaitu seorang kanak-kanak dipersembahkan oleh imam Firaun di atas altar yang berada di sebelah bukit yang dipanggil Bukit Potifar, di hulu dataran Olisem.

11 Sekarang, imam ini telah mempersembahkan tiga orang perawan di atas altar ini sekali gus, mereka ialah para puteri Onita,

seorang yang berketurunan dari keluarga diraja dari aurat <sup>a</sup>Ham. Para perawan ini dipersembahkan kerana kehemahan mereka; mereka tidak mahu <sup>b</sup>menundukkan diri untuk menyembah dewa-dewa kayu atau batu, oleh kerana itu mereka dibunuh di atas altar ini, dan dilakukan menurut cara bangsa Mesir.

12 Dan terjadilah bahawa para imam itu menggunakan kekerasan terhadapku, agar mereka boleh membunuhku juga, sebagaimana yang mereka lakukan terhadap para perawan tersebut di atas altar ini; dan supaya kamu boleh mengetahui tentang altar ini, aku akan merujukmu pada lukisan pada permulaan catatan ini.

13 Ianya dibuat menurut bentuk sebuah papan tempat tidur, seperti yang dimiliki bangsa Kasdim, dan ia berada di hadapan para dewa Elkena, Libna, Mahmakra, Koras, dan juga suatu dewa yang kelihatan seperti Firaun, raja Mesir.

14 Supaya kamu boleh memahami tentang dewa-dewa ini, aku telah memberimu gambaran tentang mereka dalam gambar-gambar di permulaan, yang mana gambar-gambar itu disebut oleh bangsa Kasdim Ralinos, yang bermaksud tulisan kuno Mesir.

15 Dan ketika mereka mengangkat tangan mereka ke atasku, agar mereka boleh mempersembahkanku dan mengambil nyawaku, lihatlah, aku mengangkat suaraku kepada Tuhan Rajaku, dan Tuhan

6a IAITU tuhan-tuhan palsu, seperti

ditunjukkan dalam Abr., salinan 1.

11a Pts Ham.  
b Dan. 3:13–18.

"mendengar, dan Dia memenuhiku dengan penglihatan tentang Yang Maha Kuasa, dan malaikat di hadirat-Nya berdiri di sisiku, dan dengan segera <sup>b</sup>melepaskan ikatan-ikatanku;

16 Dan suara-Nya kepadaku: Abraham, Abraham, lihatlah, nama-Ku adalah "Yehova, dan Aku telah mendengar engkau, dan telah turun untuk menyelamatkan engkau, dan mengambil engkau dari rumah bapamu, dan dari semua sanak saudaramu, ke sebuah <sup>b</sup>tanah asing yang tidak engkau ketahui tentangnya;

17 Dan ini disebabkan mereka telah memalingkan hati mereka daripada-Ku, untuk menyembah Dewa Elkena, dan Dewa Libna, dan Dewa Mahmakra, dan Dewa Koras, dan Dewa Firaun, raja Mesir; oleh kerana itu Aku telah turun untuk mengunjungi mereka, dan untuk menghancurkan dia yang mengangkat tangannya terhadapmu, Abraham, anak-Ku, untuk mengambil nyawamu.

18 Lihatlah, Aku akan menuntun engkau dengan tangan-Ku, dan Aku akan mengambil engkau, untuk meletakkan nama-Ku kepadamu, bahkan "Imamat bapamu, dan kuasa-Ku akan berada di atasmu.

19 Sebagaimana yang terjadi dengan Nuh demikianlah akan terjadi denganmu; tetapi melalui pelayananmu "nama-Ku akan

dikenali di bumi selamanya, kerana Akulah Tuhanmu.

20 Lihatlah, Bukit Potifar berada di negeri "Ur, di Kasdim. Dan Tuhan merobohkan altar Elkena, dan dewa-dewa negeri itu, dan menghancurkan mereka sepenuhnya, dan menghentam imamnya sehingga dia mati; dan terdapat perkabungan yang besar di Kasdim, dan juga di dalam istana Firaun; yang mana Firaun itu bermaksud raja dari darah keluarga diraja.

21 Sekarang raja Mesir ini ialah seorang keturunan dari aurat "Ham, dan merupakan seorang yang berketurunan darah <sup>b</sup>bangsa Kanaan melalui kelahiran.

22 Dari keturunan ini datanglah semua bangsa Mesir, dan demikianlah darah bangsa Kanaan dipelihara di negeri itu.

23 Negeri "Mesir pertama sekali ditemui oleh seorang perempuan, iaitu anak perempuan Ham, dan anak perempuan Egiptus, yang mana di dalam bahasa Kasdim bermaksud Mesir, yang bermaksud yang terlarang;

24 Ketika perempuan ini menemui negeri itu ia berada di bawah air, yang selepas itu menempatkan anak-anak lelakinya di situ; dan demikianlah, daripada Ham, datanglah bangsa yang mengekalkan kutukan di negeri itu.

25 Sekarang kerajaan pertama Mesir ditubuhkan oleh Firaun, anak lelaki sulung Egiptus, anak

15a Mosia 9:17-18.

b Abr. 2:13.

16a prs Yehovah.

b prs Negeri yang Dijanjakan.

18a prs Imamat.

19a Kej. 12:1-3.

20a Kej. 11:28; Abr. 2:4.

21a Kej. 10:6;

Mzm. 78:51;

Musa 8:12.

b Musa 7:6-8.

prs Kanaan, bangsa Kanaan.

23a prs Mesir.

perempuan Ham, dan ianya menurut cara pemerintahan Ham, yang merupakan kebabangsaan.

26 Firaun, seorang yang soleh, menubuhkan kerajaannya dan menghakimi rakyatnya dengan bijak-sana dan adil sepanjang hayatnya, berusaha dengan sungguh-sungguh untuk mengikuti cara yang ditegakkan oleh nenek moyangnya dari generasi pertama, pada zaman pemerintahan kebabangsaan pertama, bahkan pada pemerintahan Adam, dan juga Nuh, moyangnya, yang memberkatinya dengan “berkat-berkat bumi, dan dengan berkat kebijaksanaan, tetapi mengutuknya berkaitan dengan Imamat.

27 Sekarang, Firaun adalah dari garis keturunan yang mana dia tidak dapat memiliki hak “Keimamatan, meskipun para Firaun dengan senang hati menuntut hak itu daripada Nuh, melalui Ham, oleh kerana itu bapaku dibawa kepada pemujaan berhala mereka;

28 Tetapi aku akan berikhtiar, selepas ini, untuk menggambarkan kronologi yang berundur kembali daripada diriku sendiri hingga ke permulaan penciptaan, kerana “catatan-catatan itu telah datang ke dalam tanganku, yang aku pegang sekarang ini.

29 Sekarang, setelah imam Elkena dihentam sehingga dia mati, datanglah suatu penggenapan akan hal-hal itu yang difirmankan kepadaku mengenai negeri

Kasdim, bahawa akan ada suatu bencana kebuluran di negeri itu.

30 Dengan itu suatu bencana kebuluran melanda di seluruh negeri Kasdim, dan bapaku teruk terseksa kerana bencana kebuluran itu, dan dia bertaubat akan kejahatan yang dia telah rancangkan terhadapku, untuk mengambil “nyawaku.

31 Tetapi catatan-catatan nenek moyang, bahkan para bapa bangsa, mengenai hak Keimamatan, Tuhan Rajaku memeliharanya dalam tanganku sendiri; oleh kerana itu pengetahuan tentang permulaan penciptaan, dan juga “planet, dan bintang-bintang, sebagaimana ianya diberitahukan kepada nenek moyang, telah aku simpan bahkan sehingga ke hari ini, dan aku akan berikhtiar untuk menulis beberapa hal ini di atas catatan ini, demi manfaat anak cucuku yang akan datang selepas aku.

## BAB 2

*Abraham meninggalkan Ur pergi ke Kanaan—Yehova menampakkan diri kepadanya di Haran—Semua berkat Injil dijanjikan kepada keturunannya dan melalui keturunannya kepada semua—Dia pergi ke Kanaan dan terus ke Mesir.*

SEKARANG Tuhan Raja menyebabkan bencana kebuluran menjadi teruk di negeri Ur, sedemikian rupa sehingga “Haran, saudara lelakiku, mati; tetapi <sup>b</sup>Terah, bapaku, masih

26a pts Berkat, Diberkati,  
Memberkati.  
27a PR 2.  
pts Imamat.

28a Musa 6:5.  
pts Kitab Kenangan.  
30a Abr. 1:7.  
31a Abr. 3:1–18.

2 1a Kej. 11:28.  
b Kej. 11:24–26;  
1 Taw. 1:26.

hidup di negeri Ur, milik bangsa Kasdim.

2 Dan terjadilah bahawa aku, Abraham, mengambil <sup>a</sup>Sarai menjadi isteri, dan <sup>b</sup>Nahor, saudara lelakiku, mengambil Milka menjadi isteri, iaitu anak perempuan Haran.

3 Sekarang Tuhan telah <sup>a</sup>berfirman kepadaku: Abraham, keluarlah engkau dari negerimu, dan dari kaummu, dan dari rumah bapamu, ke sebuah tanah yang akan Aku perlihatkan kepada engkau.

4 Oleh kerana itu aku meninggalkan negeri <sup>a</sup>Ur, milik bangsa Kasdim, untuk pergi ke negeri Kanaan; dan aku membawa Lot, anak lelaki saudara lelakiku, dan isterinya, dan Sarai isteriku; dan juga <sup>b</sup>bapaku mengikutiku, ke negeri yang kami namakan Haran.

5 Dan bencana kebuluran berhenti; dan bapaku tinggal di Haran dan menetap di sana, kerana ada banyak haiwan ternakan di Haran; dan bapaku berpaling lagi kepada <sup>a</sup>pemujaan berhalanya, oleh kerana itu dia meneruskannya di Haran.

6 Tetapi aku, Abraham, dan <sup>a</sup>Lot, anak lelaki saudara lelakiku, berdoa kepada Tuhan, dan Tuhan <sup>b</sup>menampakkan diri kepadaku, dan berfirman kepadaku: Bangkitlah,

dan bawalah Lot bersamamu; kerana Aku bertujuan untuk mengambil engkau pergi dari Haran, dan untuk menjadikan engkau seorang utusan untuk menyandang <sup>a</sup>nama-Ku di sebuah <sup>a</sup>tanah asing yang akan Aku berikan kepada keturunanmu selepasmu untuk pemilikan kekal, apabila mereka mendengar suara-Ku.

7 Kerana Akulah Tuhan Rajamu; Aku berada di dalam syurga; bumi adalah <sup>a</sup>bangku kaki-Ku; Aku merentangkan tangan-Ku di atas laut, dan ia mematuhi suara-Ku; Aku menyebabkan angin dan api menjadi <sup>b</sup>kereta kuda-Ku; Aku berfirman kepada gunung-ganang—Pergilah dari sini—dan lihatlah, ianya dibawa pergi oleh puting beliung, dalam sekelip mata, secara tiba-tiba.

8 Nama-Ku ialah <sup>a</sup>Yehova, dan Aku <sup>b</sup>mengetahui akhir dari permulaan; oleh kerana itu tangan-Ku akan berada di atasmu.

9 Dan Aku akan menjadikan engkau sebuah bangsa yang besar, dan Aku akan <sup>a</sup>memberkati engkau melebihi batas ukuran, dan menjadikan namamu besar di kalangan semua bangsa, dan engkau akan menjadi suatu berkat bagi keturunanmu selepas engkau, bahawa dalam tangan mereka, mereka akan

2a Kej. 11:29.

pts Sara.

b Kej. 11:27; 22:20-24.

3a Kej. 12:1;

Kis. 7:1-3.

4a Neh. 9:7.

b Kej. 11:31-32.

5a Yos. 24:2.

6a pts Lot.

b Kej. 17:1.

pts Yesus Kristus—  
Kewujudan Pra-fana  
Kristus.

c Kej. 12:2-3;

Abr. 1:19.

d Kej. 13:14-15; 17:8;

Kel. 33:1.

pts Negeri yang

Dijanjikan.

7a 1 Ne. 17:39;

A&P 38:17.

b Yes. 66:15-16.

8a pts Yehovah.

b pts Maha Mengetahui.

9a 1 Ne. 17:40;

2 Ne. 29:14;

3 Ne. 20:27;

Morm. 5:20.

pts Abraham—Benih  
keturunan Abraham.

memberikan pelayanan dan <sup>b</sup>Imamat ini kepada segala bangsa;

10 Dan Aku akan memberkati mereka melalui namamu; kerana sebanyak mana yang menerima "Injil ini akan dipanggil menurut namamu, dan akan dianggap <sup>b</sup>keturunanmu, dan akan bangkit dan memuji engkau, sebagai <sup>b</sup>bapa mereka;

11 Dan Aku akan "memberkati mereka yang memuji engkau, dan mengutuk mereka yang mengutuk engkau; dan dalam engkau (iaitu, dalam Imamatmu), dan dalam <sup>b</sup>keturunanmu (iaitu, Imamatmu), kerana Aku memberi kepadamu sebuah janji bahawa <sup>c</sup>hak ini akan berterusan di dalam engkau, dan dalam keturunanmu selepas engkau (iaitu yang dikatakan, keturunan asli, atau keturunan kandung) semua keluarga di bumi akan diberkati, bahkan dengan berkat-berkat Injil, yang merupakan berkat-berkat keselamatan, bahkan kehidupan yang abadi.

12 Sekarang, setelah Tuhan menarik diri dari berfirman kepadaku, dan menarik wajah-Nya daripadaku, aku berkata di dalam hatiku: Hamba-Mu telah "mencari Engkau dengan bersungguhsungguh; sekarang aku telah menemui Engkau;

13 Engkau telah mengutus

malaikat-Mu untuk "membebaskanmu daripada para dewa Elkena, dan akanlah baik bagiku kalau mendengar kepada suara-Mu, oleh kerana itu biarlah hamba-Mu bangkit dan pergi dalam kedamaian.

14 Jadi aku, Abraham, pergi seperti yang Tuhan telah firmankan kepadaku, dan Lot bersamaku; dan aku, Abraham, berumur "enam puluh dua tahun semasa aku pergi dari Haran.

15 Dan aku membawa "Sarai, yang telah aku jadikan isteri semasa aku berada di <sup>b</sup>Ur, di Kasdim, dan Lot, anak lelaki saudara lelakiku, dan semua harta benda yang kami telah kumpulkan, dan jiwa-jiwa yang telah kami "menangi di Haran, dan berada dalam perjalanan ke negeri "Kanaan, dan tinggal di dalam khemah semasa dalam perjalanan kami;

16 Oleh kerana itu, keabadian adalah pelindung kami dan "batu dan keselamatan kami, semasa kami mengadakan perjalanan dari Haran dengan melalui Yerson, untuk datang ke negeri Kanaan.

17 Sekarang aku, Abraham, membina sebuah "altar di negeri Yerson, dan membuat sebuah persembahan kepada Tuhan, dan berdoa agar <sup>b</sup>bencana kebuluran dapat dipalingkan daripada

9b A&P 84:17-19;  
Musa 6:7.  
pts Imamat  
Melkisedek.

10a Gal. 3:7-9.  
b Kej. 13:16; Gal. 3:29;  
2 Ne. 30:2.  
c pts Bapa Bangsa,  
Kebapabangsaan.

11a pts Perjanjian  
Abraham.  
b Yes. 61:9.  
c pts Hak Anak Sulung;  
Imamat;  
Israel.  
12a A&P 88:63.  
13a Abr. 1:15-17.  
14a Kej. 12:4-5.

15a pts Sara.  
b pts Ur.  
c pts Penukaran hati,  
Bertukar hati.  
d pts Kanaan, bangsa  
Kanaan.  
16a pts Batu.  
17a pts Altar.  
b Abr. 1:29.

keluarga bapaku, agar mereka tidak binasa.

18 Dan kemudian kami melepasi Yerson melalui tanah ke tempat yang disebut Sikhem; ia terletak di dataran More, dan kami telah datang ke sempadan negeri "bangsa Kanaan, dan aku mempersembahkan <sup>b</sup>korban di dataran More, dan meminta kepada Tuhan dengan ikhlas, kerana kami telah datang ke negeri bangsa pemuja berhala ini.

19 Dan Tuhan menampakkan diri kepadaku sebagai jawapan terhadap doa-doaku, dan berfirman kepadaku: Kepada keturunanmu akan Aku berikan "tanah ini.

20 Dan aku, Abraham, bangkit dari tempat altar yang telah aku bina bagi Tuhan, dan berpindah dari sana ke sebuah gunung di timur "Betel, dan memasang khemahku di sana, Betel di barat, dan <sup>b</sup>Ai di timur; dan di sana aku membina sebuah lagi altar bagi Tuhan, dan "memohon lagi kepada nama Tuhan.

21 Dan aku, Abraham, mengadakan perjalanan, masih meneruskan ke arah selatan; dan bencana kebuluran berterusan di tanah itu; dan aku, Abraham, memutuskan untuk turun ke Mesir, untuk singgah di sana, kerana bencana kebuluran menjadi sangat teruk.

22 Dan terjadilah ketika aku hampir masuk ke Mesir, Tuhan berfirman kepadaku: Lihatlah, "Sarai,

isterimu, ialah seorang perempuan yang sangat cantik untuk dilihat;

23 Oleh kerana itu akan terjadilah, apabila bangsa Mesir melihatnya, mereka akan berkata—Dia ialah isterinya; dan mereka akan membunuhmu, tetapi mereka akan membiarkannya hidup; oleh kerana itu pastikanlah bahawa kamu melakukan hal yang berikut ini:

24 Biarlah dia mengatakan kepada bangsa Mesir, dia ialah saudara perempuanmu, dan nyawamu akan hidup.

25 Dan terjadilah bahawa aku, Abraham, memberitahu Sarai, isteriku, semua yang Tuhan telah firmankan kepadaku—Oleh kerana itu katakanlah kepada mereka, aku memohon kepadamu, engkau ialah saudara perempuanku, agar ianya untuk kebaikanku demi kepentinganmu, dan nyawaku akan hidup kerana engkau.

### BAB 3

*Abraham belajar tentang matahari, bulan, dan bintang-bintang melalui Urim dan Tumim—Tuhan mewahyukan kepadanya sifat abadi bagi roh—Dia belajar tentang kehidupan pra-dunia, pra-pentahbisan, Penciptaan, pemilihan seorang Penebus, dan keadaan kedua manusia.*

DAN aku, Abraham, memiliki "Urim dan Tumim, yang Tuhan Rajaku telah berikan kepadaku, di Ur milik bangsa Kasdim;

18a Kej. 12:6.

<sup>b</sup> PTS Korban.

19a Kej. 13:12–15; 17:8;

Kel. 3:1–10;

Bil. 34:2.

PTS Negeri yang

Dijanjakan.

20a PTS Betel.

<sup>b</sup> Kej. 13:3–4.

<sup>c</sup> Kej. 12:8.

22a Kej. 12:11–13.

3 1a Kel. 28:30;

Mosia 8:13; 28:13–16;

JS—S 1:35.

PTS Urim dan Tumim.

2 Dan aku melihat “bintang-bintang, bahawa ianya sangat hebat, dan salah satu daripadanya berada paling dekat dengan takhta Tuhan; dan ada banyak bintang hebat yang berdekatan dengannya;

3 Dan Tuhan berfirman kepadaku: Inilah bintang-bintang yang mengatur; dan nama yang agung itu adalah “Kolob, kerana ia dekat dengan-Ku, kerana Akulah Tuhan Rajamu: Aku telah menempatkan yang ini untuk mengatur semua yang mempunyai aturan yang sama seperti yang engkau berdiri di atasnya.

4 Dan Tuhan berfirman kepadaku, melalui Urim dan Tumim, bahawa Kolob adalah menurut cara Tuhan, menurut waktu dan masa dalam peredarannya; bahawa satu peredaran adalah satu “hari bagi Tuhan, menurut cara pengiraan-Nya, itu adalah seribu<sup>b</sup> tahun menurut waktu yang ditentukan bagi yang engkau berdiri di atasnya. Inilah pengiraan waktu Tuhan, menurut pengiraan Kolob.

5 Dan Tuhan berfirman kepadaku: Planet yang cahayanya lebih kecil, lebih kecil daripada yang menguasai siang hari, bahkan juga malam hari, adalah lebih tinggi atau adalah lebih agung daripada yang engkau berdiri di atasnya pada titik pengiraan, kerana ia bergerak dalam urutan lebih lambat; ianya dalam urutan kerana ia berdiri di atas bumi yang engkau berdiri di atasnya,

oleh kerana itu pengiraan waktunya tidak begitu banyak sehubungan dengan jumlah hari, bulan, dan tahunnya.

6 Dan Tuhan berfirman kepadaku: Sekarang, Abraham, “dua fakta ini wujud, lihatlah matamu melihatnya; diberikan kepadamu untuk mengetahui waktu pengiraan, dan waktu yang ditetapkan, ya, waktu yang ditetapkan bagi bumi yang engkau berdiri di atasnya, dan waktu yang ditetapkan bagi cahaya yang lebih besar yang ditetapkan untuk menguasai siang hari, dan waktu yang ditetapkan bagi cahaya yang lebih kecil yang ditetapkan untuk menguasai malam hari.

7 Sekarang waktu yang ditetapkan untuk cahaya yang lebih kecil adalah waktu yang lebih panjang menurut pengiraannya daripada pengiraan waktu bumi yang engkau berdiri di atasnya.

8 Dan di mana dua fakta ini wujud, akan ada fakta lain yang lebih tinggi, iaitu, akan ada planet lain yang pengiraan waktunya akan lebih panjang;

9 Dan demikianlah pengiraan waktu sebuah planet akan ada di peringkat yang lebih tinggi dari yang lain, sehingga engkau datang dekat kepada Kolob, yang mana Kolob adalah menurut pengiraan waktu Tuhan; yang mana Kolob ditetapkan berdekatan dengan takhta Tuhan, untuk mengatur semua planet yang mempunyai

2a Abr. 1:31.

3a Lihat Abr., salinan 2, gambar. 1-5.

pts Kolob.

4a Abr. 5:13.

b Mzm. 90:4;

2 Ptr. 3:8.

6a Abr. 3:16-19.

“aturan yang sama seperti yang engkau berdiri di atasnya.

10 Dan diberikan kepadamu untuk mengetahui waktu yang ditetapkan bagi semua bintang yang ditentukan untuk menerangi, sehingga engkau datang dekat kepada takhta Tuhan.

11 Demikianlah aku, Abraham, “bercakap dengan Tuhan, berhadapan muka, seperti seseorang bercakap dengan yang lain; dan Dia memberitahuku tentang pekerjaan-pekerjaan yang telah dijadikan oleh tangan-Nya;

12 Dan Dia berfirman kepadaku: Anak-Ku, anak-Ku (dan tangan-Nya terentang), lihatlah Aku akan menunjukkanmu semua ini. Dan Dia meletakkan tangan-Nya di atas mataku, dan aku melihat hal-hal yang telah dijadikan oleh tangan-Nya, yang banyak; dan ianya bertambah di hadapan mataku, dan aku tidak dapat melihat penghujungnya.

13 Dan Dia berfirman kepadaku: Inilah Sineha, iaitu matahari. Dan Dia berfirman kepadaku: Kokob, iaitu bintang. Dan Dia berfirman kepadaku: Olea, iaitu bulan. Dan Dia berfirman kepadaku: Kokaubim, yang bermaksud bintang-bintang, atau segala cahaya yang besar, yang berada di cakerawala langit.

14 Dan ianya adalah waktu malam semasa Tuhan memfirmankan firman ini kepadaku: Aku akan menjadikan engkau “bertambah,

dan <sup>b</sup>keturunanmu selepas engkau, seperti semua ini; dan jika engkau dapat mengira ‘jumlah pasir, demikianlah juga jumlah keturunanmu.

15 Dan Tuhan berfirman kepadaku: Abraham, Aku menunjukkan hal-hal ini kepadamu sebelum kamu pergi ke Mesir, agar kamu boleh memaklumkan segala firman ini.

16 Jika dua hal wujud, dan ada satu yang lebih tinggi dari yang lain, akan terdapat hal-hal yang lebih tinggi daripadanya; oleh kerana itu “Kolob adalah yang teragung dari semua Kokaubim yang engkau telah lihat, kerana itu yang paling dekat kepada-Ku.

17 Sekarang, jika ada dua hal, yang satu lebih tinggi dari yang lain, dan bulan lebih tinggi dari bumi, maka boleh adanya sebuah planet atau sebuah bintang yang wujud di peringkat yang lebih tinggi daripadanya; dan jika Tuhan Raja memutuskan dalam hati-Nya untuk melakukan sesuatu, maka Dia akan “melakukannya.

18 Sebagaimana Dia telah menciptakan bintang yang lebih agung; seperti itu juga, jika ada dua roh, dan salah satunya akan menjadi lebih cerdas daripada yang satu lagi, namun kedua-dua roh ini, walaupun salah satunya lebih cerdas daripada yang satu lagi, tidak mempunyai permulaan; mereka sudah wujud sebelum ini, mereka tidak akan mempunyai akhir, mereka

9a A&P 88:37-44.  
11a Kej. 17:1;  
Bil. 12:5-8.

14a Abr. 2:9.  
b Kej. 13:16;  
A&P 132:30.

c Kej. 22:17; Hos. 1:10.  
16a Abr. 3:3.  
17a Ayb. 9:4-12.



## PENJELASAN

Gmbr. 1. Kolob, menandakan ciptaan pertama, paling dekat dengan selestial, atau tempat tinggal Tuhan. Yang pertama dalam pemerintahan, yang terakhir berkaitan dengan pengukuran waktu. Pengukurannya menurut waktu selestial, yang mana waktu selestial itu melambangkan sehari dengan sehasta. Satu hari di Kolob bersamaan dengan seribu tahun menurut pengukuran di bumi ini, yang disebut oleh bangsa Mesir Yah-oh-eh.

Gmbr. 2. Berdiri di sebelah Kolob, dipanggil oleh bangsa Mesir Oliblis, iaitu ciptaan unggul berikutnya yang mengatur berdekatan selestial atau tempat di mana Tuhan tinggal; memegang kunci kuasa juga, berkaitan dengan planet-planet yang lain; sebagaimana yang diwahyukan daripada Tuhan kepada Abraham, semasa dia mempersembahkan korban di atas sebuah mimbar, yang telah dibinanya bagi Tuhan.

Gmbr. 3. Dibuat untuk melambangkan Tuhan, sedang duduk di atas takhtanya, yang berkuasa dan berwewenang; dengan sebuah mahkota cahaya abadi di atas kepalanya; melambangkan juga Kata-kata Kunci utama Imamat Kudus, sebagaimana diwahyukan kepada Adam di dalam Taman Eden, seperti juga kepada Set, Nuh, Melkisedek, Abraham, dan semua yang diwahyukan Imamat kepadanya.

Gmbr. 4. Sesuai dengan perkataan bahasa Ibrani Raukiyang, menandakan bentangan, atau ruangan langit; juga merupakan suatu digit nombor, dalam bahasa Mesir menandakan seribu; sesuai dengan pengukuran waktu Oliblis, yang sama dengan Kolob dalam peredaran dan pengukuran waktunya.

Gmbr. 5. Disebut dalam bahasa Mesir Enis-go-on-dos; ini adalah salah satu daripada planet-planet yang mengatur juga, dan dikatakan oleh bangsa Mesir sebagai Matahari, dan meminjam cahayanya dari Kolob melalui perantaraan Kae-e-vanras, yang merupakan Kunci utama, atau, dengan perkataan lain, kuasa yang mengatur, yang mengatur lima belas planet tetap yang lain, seperti juga Flois atau Bulan, Bumi dan Matahari dalam peredaran tahunan mereka. Planet ini menerima kuasanya melalui perantaraan Kli-flos-is-es, atau Ha-ko-kau-bim, bintang-bintang yang dilambangkan oleh nombor 22 dan 23, menerima cahaya dari peredaran-peredaran Kolob.

Gmbr. 6. Melambangkan bumi ini pada keempat-empat penjurunya.

Gmbr. 7. Melambangkan Tuhan duduk di atas takhta-Nya, mewahyukan melalui langit kata-kata Kunci utama Imamat; seperti, juga, tanda Roh Kudus kepada Abraham, dalam bentuk seekor merpati.

Gmbr. 8. Mengandung tulisan-tulisan yang tidak dapat diwahyukan kepada dunia; tetapi perlu ada di dalam Bait Suci Kudus Tuhan.

Gmbr. 9. Tidak harus diwahyukan pada waktu sekarang.

Gmbr. 10. Juga.

Gmbr. 11. Juga. Jika dunia dapat menemui nombor-nombor ini, biarlah sedemikianya terjadi. Amin.

Gambar 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, dan 21 akan diberikan pada waktu Tuhan sendiri yang tepat.

Terjemahan di atas diberikan sejauh kami memiliki hak untuk memberikannya pada waktu sekarang.

akan wujud selepas ini, kerana mereka adalah “nolaum, atau abadi.

19 Dan Tuhan berfirman kepadaku: Dua fakta ini wujud, bahawa ada dua roh, salah satunya lebih cerdas daripada yang satu lagi; akan ada satu lagi yang lebih cerdas daripada mereka; Akulah Tuhan Rajamu, Aku “lebih cerdas daripada mereka semua.

20 Tuhan Rajamu telah mengutus malaikat-Nya untuk “menyelamatkan engkau dari tangan imam Elkena.

21 Aku berada di tengah-tengah mereka semua; Oleh kerana itu, sekarang Aku telah turun kepadamu untuk memaklumkan kepadamu “pekerjaan-pekerjaan yang telah diciptakan oleh tangan-Ku, dimana <sup>b</sup>kebijaksanaan-Ku mengungguli mereka semua, kerana Aku berkuasa di langit di atas, dan di bumi di bawah, dalam segala kebijaksanaan dan kearifan, ke atas semua kecerdasan yang telah dilihat oleh matamu sejak dari permulaan; Aku turun pada permulaan di tengah-tengah semua kecerdasan yang telah engkau lihat.

22 Sekarang Tuhan telah memperlihatkan kepadamu, Abraham, “kecerdasan-kecerdasan yang sudah diatur <sup>b</sup>sebelum dunia ada;

dan di antara semua ini terdapat ramai yang ‘mulia dan agung;

23 Dan Tuhan melihat jiwa-jiwa ini bahawa mereka adalah baik, dan Dia berdiri di tengah-tengah mereka, dan Dia berfirman: Semua ini akan Aku jadikan para pemerintah-Ku; kerana Dia berdiri di antara mereka yang merupakan roh, dan Dia melihat bahawa mereka adalah baik; dan Dia berfirman kepadaku: Abraham, engkau adalah salah seorang daripada mereka; engkau telah “dipilih sebelum engkau dilahirkan.

24 Dan terdapat “seorang yang berdiri di kalangan mereka yang seperti Tuhan, dan Dia berfirman kepada mereka yang bersama-Nya: Kita akan turun, kerana terdapatnya ruang di sana, dan kita akan membawa bahan-bahan ini, dan <sup>b</sup>kita akan membuat sebuah ‘bumi agar mereka ini boleh tinggal di atasnya;

25 Dan dengan ini kita akan “menguji mereka, untuk melihat adakah mereka akan <sup>b</sup>melakukan segala hal apa pun yang Tuhan Raja mereka akan perintahkan kepada mereka;

26 Dan mereka yang menepati “syarat keadaan pertama mereka akan ditambahkan kepadanya;

18a *Nolaum* adalah satu transliterasi sebuah kata bahasa Yahudi yang bererti abadi.

19a Yes. 55:8–9.  
pts Maha Mengetahui.

20a Abr. 1:15.

21a A&P 88:45–47;  
Musa 1:27–29.

<sup>b</sup> pts Kebijaksanaan.

22a pts Kecerdasan.

<sup>b</sup> pts Kehidupan  
Pra-fana;  
Majlis di Syurga.

<sup>c</sup> A&P 138:55.

23a Yes. 49:1–5;

Yer. 1:5.

pts Pilih, Dipilih,

Memilih;

Pra-pentahbisan.

24a pts Anak sulung.

<sup>b</sup> pts Mencipta,

Penciptaan.

<sup>c</sup> pts Bumi—Dicipta bagi manusia.

25a A&P 98:12–14; 124:55.

pts Hak pilihan;

Rancangan Penebusan.

<sup>b</sup> pts Patuh, Kepatuhan,

Mematuhi.

26a Yud. 1:6.

dan mereka yang tidak menepati syarat keadaan pertama mereka tidak akan memperoleh kemuliaan di dalam kerajaan yang sama bersama mereka yang menepati syarat keadaan pertama mereka; dan mereka yang menepati <sup>b</sup>syarat keadaan kedua mereka akan memperoleh <sup>c</sup>kemuliaan yang ditambahkan ke atas kepala mereka untuk selama-lamanya.

27 Dan <sup>a</sup>Tuhan berfirman: Siapakah yang harus Aku utus? Dan seseorang menjawab seperti <sup>b</sup>Putera Manusia: Di sinilah Aku, utuslah Aku. Dan yang <sup>c</sup>seorang lagi menjawab dan berkata: Di sinilah aku, utuslah aku. Dan Tuhan berfirman: Aku akan mengutus yang pertama.

28 Dan yang <sup>a</sup>kedua marah, dan tidak menepati syarat keadaan pertamanya; dan, pada hari itu, <sup>b</sup>ramai yang mengikutinya.

#### BAB 4

*Para Tuhan merancang penciptaan bumi dan seluruh kehidupan di atasnya—Rancangan-rancangan mereka untuk penciptaan selama enam hari dinyatakan.*

DAN kemudian Tuhan berfirman: Marilah kita turun. Dan Mereka turun pada <sup>a</sup>permulaan, dan Mereka, iaitu para Tuhan, <sup>b</sup>mengatur dan membentuk langit dan bumi.

2 Dan bumi, selepas ia dibentuk, adalah kosong dan tidak berpenduduk, kerana Mereka belum membentuk apa pun selain bumi; dan kegelapan berkuasa di atas permukaan laut, dan Roh para Tuhan <sup>a</sup>sedang berlegar di atas permukaan perairan itu.

3 Dan Mereka (para Tuhan) berfirman: Biarlah adanya cahaya; dan terjadilah cahaya.

4 Dan Mereka (para Tuhan) memahami cahaya itu, kerana ianya terang; dan Mereka memisahkan cahaya itu, atau menjadikannya terpisah, dari kegelapan.

5 Dan para Tuhan memanggil cahaya itu Siang, dan kegelapan itu mereka panggil Malam. Dan terjadilah bahawa dari petang sehingga pagi mereka memanggilnya malam; dan dari pagi sehingga petang mereka memanggilnya siang; dan inilah yang pertama, atau permulaan, apa yang Mereka panggil siang dan malam.

6 Dan para Tuhan itu juga berfirman: Biarlah adanya suatu <sup>a</sup>bentangan di tengah-tengah perairan itu, dan ia akan memisahkan perairan dari perairan.

7 Dan para Tuhan menitahkan kepada bentangan itu, sehingga ia memisahkan perairan yang berada di bawah bentangan daripada perairan yang berada di atas bentangan; dan begitulah

26 *b* prs Fana, Kefanaan.  
*c* Tit. 1:2.

prc Kemuliaan.

27 *a* prs Tuhan, Kesatuan Ketuhanan—Tuhan Bapa.

*b* prs Putera Manusia;

Yesus Kristus.

*c* Musa 4:1-2.

28 *a* prs Iblis.

*b* prs Para Putera Keterkutukan.

4 1 *a* Kej. 1:1;

Musa 2:1.

*b* prs Mencipta, Penciptaan.

2 *a* Kej. 1:2;

Musa 2:2.

6 *a* Kej. 1:4-6;

Musa 2:4.

yang terjadi, bahkan seperti yang mereka titahkan.

8 Dan para Tuhan menyebut bentangan itu, <sup>a</sup>Langit. Dan terjadilah bahwa itu terjadi dari petang sehingga pagi yang mereka panggil malam; dan terjadilah bahwa itu terjadi dari pagi sehingga petang yang mereka panggil siang; dan inilah <sup>b</sup>kali kedua mereka memanggilnya malam dan siang.

9 Dan para Tuhan menitah, memfirmankan: Biarlah <sup>a</sup>perairan di bawah langit dikumpulkan bersama pada <sup>b</sup>suatu tempat, dan biarlah tanah kering muncul; dan terjadilah demikian sebagaimana yang mereka titahkan;

10 Dan para Tuhan memanggil tanah kering itu, Daratan; dan perairan yang telah dikumpulkan bersama itu dipanggil oleh mereka, Perairan <sup>a</sup>Luas; dan para Tuhan melihat bahwa semuanya itu dipatuhi.

11 Dan para Tuhan berfirman: Marilah Kita menyediakan bumi untuk menghasilkan <sup>a</sup>rumput; tumbuhan menghasilkan benih; pokok buah menghasilkan buah, menurut jenisnya, yang mana di dalam benihnya sendiri menghasilkan keserupaannya sendiri di atas bumi; dan terjadilah demikian, bahkan sebagaimana yang mereka titahkan.

12 Dan para Tuhan mengatur bumi untuk menghasilkan rumput dari benihnya sendiri, dan tumbuhan untuk menghasilkan tumbuhan dari benihnya sendiri,

menghasilkan benih menurut jenisnya; dan bumi untuk menghasilkan pokok dari benihnya sendiri, menghasilkan buah, yang mana benihnya hanya dapat menghasilkan yang sama di dalamnya sendiri, menurut jenisnya; dan para Tuhan melihat bahwa semuanya itu dipatuhi.

13 Dan terjadilah bahwa Mereka membilang hari itu; dari petang sehingga pagi mereka memanggilnya malam; dan terjadilah, dari pagi sehingga petang mereka memanggilnya siang; dan itu merupakan kali ketiga.

14 Dan para Tuhan mengatur <sup>a</sup>cahaya-cahaya di bentangan langit, dan menyebabkannya memisahkan siang dari malam; dan mengaturnya untuk menjadi petanda-petanda dan musim, dan hari dan tahun;

15 Dan mengaturnya untuk menjadi cahaya-cahaya di bentangan langit untuk menyinari bumi; dan terjadilah demikian.

16 Dan para Tuhan mengatur dua cahaya yang besar, cahaya yang <sup>a</sup>lebih besar menguasai siang, dan cahaya yang lebih kecil menguasai malam; bersama cahaya yang lebih kecil mereka menempatkan bintang-bintang juga;

17 Dan para Tuhan menempatkannya di bentangan langit, untuk menyinari bumi, dan untuk berkuasa pada waktu siang dan malam, dan untuk memisahkan cahaya daripada kegelapan.

18 Dan para Tuhan mengawasi

8a prs Syurga.

b Kej. 1:8.

9a Am. 9:6; Musa 2:7.

b Kej. 1:9.

10a Kej. 1:10; Abr. 4:22.

11a Kej. 1:11–12;

Musa 2:11–12.

14a A&P 88:7–11.

16a Kej. 1:16.

hal-hal yang mereka telah titahkan itu sehinggalah mereka mematuhinya.

19 Dan terjadilah bahawa itu terjadi dari petang sehingga pagi ia itu malam; dan terjadilah bahawa itu terjadi dari pagi sehingga petang iaitu siang; dan itulah kali keempat.

20 Dan para Tuhan berfirman: Marilah kita menyediakan perairan untuk menghasilkan makhluk-makhluk bergerak yang bernyawa dengan banyak; dan burung, agar mereka boleh terbang di atas bumi di bentangan langit yang terbuka.

21 Dan para Tuhan menyediakan perairan itu agar mereka boleh menghasilkan <sup>a</sup>ikan-ikan yang besar, dan setiap makhluk hidup yang bergerak, yang mana perairan itu akan hasilkan dengan banyak menurut jenisnya; dan setiap burung bersayap menurut jenisnya. Dan para Tuhan melihat bahawa mereka dipatuhi, dan bahawa rancangan mereka adalah baik.

22 Dan para Tuhan berfirman: Kita akan memberkati mereka, dan menyebabkan mereka beranak dan bertambah, dan memenuhi perairan di dalam lautan atau <sup>a</sup>perairan luas; dan menyebabkan burung bertambah di bumi.

23 Dan terjadilah bahawa itu terjadi dari petang sehingga pagi yang mereka panggil malam; dan terjadilah bahawa itu terjadi dari

pagi sehingga petang yang mereka panggil siang; dan itulah kali kelima.

24 Dan <sup>a</sup>para Tuhan menyediakan bumi untuk menghasilkan makhluk hidup menurut jenisnya, haiwan ternakan dan makhluk-makhluk yang merayap, dan binatang-binatang di bumi menurut jenisnya; dan terjadilah demikian, sebagaimana yang mereka telah firmankan.

25 Dan para Tuhan mengatur bumi untuk menghasilkan binatang-binatang menurut jenisnya, dan haiwan ternakan menurut jenisnya, dan setiap makhluk yang merayap di atas bumi menurut jenisnya; dan para Tuhan melihat mereka akan patuh.

26 Dan para Tuhan <sup>a</sup>berunding di antara sesama sendiri dan berfirman: Marilah kita turun dan membentuk <sup>b</sup>manusia menurut <sup>c</sup>rupa kita, menurut keserupaan kita; dan kita akan memberikan kepada mereka kekuasaan ke atas ikan-ikan di laut, dan burung di udara, dan haiwan ternakan, dan ke atas seluruh bumi, dan ke atas setiap makhluk merayap yang merayap di atas bumi.

27 Jadi <sup>a</sup>para Tuhan turun untuk mengatur manusia menurut rupa mereka sendiri, menurut rupa para Tuhan mereka telah membentuknya, membentuk mereka lelaki dan perempuan.

28 Dan para Tuhan berfirman: Kita akan memberkati mereka.

21 a Kej. 1:21;  
Musa 2:21.

22 a Abr. 4:10.

24 a PTS Tuhan, Kesatuan

Ketuhanan.  
26 a PTS Nasihat.

b PTS Lelaki, Para Lelaki.

c Musa 6:8–10.

27 a Kej. 1:26–27;  
Abr. 5:7.

Dan para Tuhan berfirman: Kita akan menyebabkan mereka beranak dan bertambah, dan memenuhi bumi, dan menundukkannya, dan memiliki kekuasaan ke atas ikan-ikan di laut, dan ke atas burung di udara, dan ke atas setiap makhluk hidup yang bergerak di atas bumi.

29 Dan para Tuhan berfirman: Lihatlah, Kita akan memberikan mereka setiap tumbuhan yang menghasilkan benih yang akan datang ke atas permukaan seluruh bumi, dan setiap pokok yang akan menghasilkan buah di atasnya; ya, kita akan berikan buah dari pokok yang menghasilkan benih untuk mereka; itu akan menjadi <sup>a</sup>makanan mereka.

30 Dan kepada setiap binatang di bumi, dan kepada setiap burung di udara, dan kepada setiap makhluk yang merayap di atas bumi, lihatlah, Kita akan memberikan mereka kehidupan, dan juga Kita akan memberikan mereka setiap tumbuhan hijau sebagai makanan, dan segala hal ini akan diatur sedemikian.

31 Dan para Tuhan berfirman: Kita akan melakukan setiap hal yang telah Kita firmankan, dan mengatur mereka; dan lihatlah, mereka akan sangat patuh. Dan terjadilah bahawa itu terjadi dari petang sehingga pagi yang mereka panggil malam; dan terjadilah bahawa itu terjadi dari pagi sehingga petang yang mereka panggil siang;

dan Mereka membilangnyanya kali yang <sup>a</sup>keenam.

## BAB 5

*Para Tuhan menyelesaikan rancangan Mereka tentang penciptaan segala sesuatu—Mereka melaksanakan Penciptaan menurut rancangan-rancangan Mereka—Adam menamakan setiap makhluk hidup.*

DAN demikianlah Kita akan menghabiskan langit dan bumi, dan segala isinya.

2 Dan para Tuhan berkata di antara sesama sendiri: Pada waktu <sup>a</sup>ketujuh Kita akan mengakhiri pekerjaan kita, yang telah bincangkan; dan Kita akan beristirahat pada waktu ketujuh dari semua pekerjaan kita yang telah kita bincangkan.

3 Dan para Tuhan selesai pada waktu ketujuh, kerana pada waktu ketujuh mereka akan <sup>a</sup>beristirahat dari semua pekerjaan mereka yang telah mereka (para Tuhan) bincangkan di antara sesama sendiri untuk membentuk; dan <sup>b</sup>menguduskannya. Dan demikianlah keputusan-keputusan mereka pada waktu semasa mereka berbincang di antara sesama sendiri untuk membentuk langit dan bumi.

4 Dan para Tuhan turun dan membentuk peringkat-peringkat langit dan bumi ini, semasa mereka dibentuk pada hari para Tuhan tersebut membentuk bumi dan langit,

29 *a* Kej. 1:29–30.  
31 *a* Kel. 31:17.

5 2 *a* Pts Hari Sabat.  
3 *a* Kel. 20:8–11;

Mosia 13:16–19.  
*b* A&P 77:12.

# SEBUAH SALINAN DARI KITAB ABRAHAM

No. 3



## PENJELASAN

Gmbr. 1. Abraham duduk di atas takhta Firaun, kerana budi bahasa raja, dengan sebuah mahkota di atas kepalanya, melambangkan Imamat, sebagai lambang Presidensi utama di dalam Syurga; dengan cokmar keadilan dan penghakiman dalam tangannya.

Gmbr. 2. Raja Firaun, yang namanya diberikan melalui huruf-huruf di atas kepalanya.

Gmbr. 3. Menandakan Abraham di Mesir sebagaimana yang ditunjukkan pada Gambar 10 dari Salinan No. 1.

Gmbr. 4. Putera Firaun, Raja Mesir, seperti yang tertulis di atas tangan.

Gmbr. 5. Sulem, salah seorang daripada pelayan utama raja, sebagaimana dilambangkan oleh huruf-huruf di atas tangannya.

Gmbr. 6. Olimla, seorang hamba kepunyaan putera itu.

Abraham sedang berbincang tentang asas-asas Astronomi, di dalam istana raja.

5 Menurut semua yang telah mereka firmankan mengenai setiap tanaman di padang "sebelum ianya berada di bumi, dan setiap tumbuhan di padang sebelum ianya tumbuh; kerana para Tuhan belum menyebabkan hujan turun ke atas bumi semasa mereka berbincang untuk melakukannya, dan belum membentuk seorang manusia untuk mengerjakan tanah.

6 Tetapi datanglah suatu kabus dari tanah, dan mengairi seluruh permukaan tanah.

7 Dan "para Tuhan membentuk manusia dari <sup>b</sup>debu tanah, dan membawa 'rohnya (iaitu, roh manusia), dan menempatkannya ke dalam dirinya; dan menghembuskan nafas kehidupan ke dalam lubang hidungnya, dan manusia menjadi suatu "jiwa yang hidup.

8 Dan para Tuhan menanam sebuah taman, di bahagian timur "Eden, dan di sana mereka menempatkan lelaki itu, yang mana rohnya telah ditempatkan oleh mereka ke dalam tubuh yang mereka telah bentukkan itu.

9 Dan dari tanah para Tuhan menjadikan setiap pokok yang mencantikkan pandangan dan baik sebagai makanan untuk tumbuh; "pokok kehidupan, juga, berada di tengah-tengah taman, dan pokok pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat.

10 Ada sebuah sungai mengalir

dari Eden, untuk mengairi taman itu, dan dari sana ia terbahagi dan menjadi empat hulu.

11 Dan para Tuhan membawa lelaki itu dan menempatkannya di dalam Taman Eden, untuk mengolah dan untuk memeliharanya.

12 Dan para Tuhan memerintahkan lelaki itu, memfirmankan: Dari setiap pokok di taman ini engkau boleh makan dengan bebas,

13 Tetapi dari pokok pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat, janganlah engkau memakannya; kerana pada saat engkau memakannya, engkau pasti akan mati. Sekarang aku, Abraham, melihat bahawa perkara itu terjadi menurut "waktu Tuhan, yang menurut waktu <sup>b</sup>Kolob; kerana para Tuhan belum menentukan lagi pengiraannya kepada Adam.

14 Dan para Tuhan berfirman: Marilah kita menjadikan seorang penolong bagi lelaki itu, kerana tidaklah baik bagi lelaki itu seorang diri, oleh kerana itu Kita akan membentuk seorang penolong yang sesuai baginya.

15 Dan para Tuhan menyebabkan tidur yang nyenyak kepada "Adam; dan dia tertidur, dan Mereka mengambil salah satu daripada tulang-tulang rusuknya, dan menutup kembali dagingnya;

16 Dan dari tulang rusuk yang telah diambil oleh para Tuhan daripada lelaki itu, mereka membentuk

5a pts Penciptaan Roh.

7a Abr. 4:26-31.

b Musa 4:25; 6:59.

c Kej. 2:7; A&P 93:33.

pts Kehidupan

Pra-fana;

Roh.

d pts Jiwa.

8a pts Eden.

9a pts Pokok Kehidupan.

13a 2 Ptr. 3:8.

b Abr. 3:2-4.

pts Kolob.

15a pts Adam.

16a pts Hawa.

seorang "perempuan, dan membawanya kepada lelaki itu.

17 Dan Adam berkata: Inilah tulang daripada tulang-tulangku, dan daging daripada dagingku; sekarang dia akan dinamakan Perempuan, kerana dia diambil daripada lelaki;

18 Oleh kerana itu seorang lelaki akan meninggalkan bapa dan ibunya, dan akan "berpaut teguh kepada isterinya, dan mereka akan menjadi <sup>b</sup>satu daging.

19 Dan mereka berdua telanjang, lelaki itu dan isterinya, dan tidak malu.

20 Dan dari tanah para Tuhan telah membentuk setiap binatang di padang, dan setiap burung di udara, dan membawa mereka kepada Adam untuk melihat apa yang akan dia namakan mereka; dan apa pun yang Adam namakan kepada setiap makhluk hidup, itulah yang akan menjadi namanya.

21 Dan Adam memberi nama-nama kepada semua haiwan ternak, kepada burung di udara, kepada setiap binatang di padang; dan bagi Adam, telah ada seorang penolong yang sesuai baginya.

18a A&P 42:22; 49:15-16.

b PTS Berkahwin, Perkahwinan.

# JOSEPH SMITH—MATIUS

*Sebuah petikan dari terjemahan Alkitab sebagaimana diwahyukan kepada Nabi Joseph Smith pada tahun 1831: Matius 23:39 dan Bab 24.*

Yesus meramalkan kehancuran Yerusalem yang akan datang—Dia juga berfirman tentang Kedatangan Kedua Putera Manusia, dan penghancuran yang jahat.

**K**ERANA Aku berfirman kepadamu, bahawa kamu tidak akan melihat-Ku mulai sekarang dan mengetahui bahawa Akulah Dia yang dituliskan oleh para nabi, sehingga kamu akan berkata: Di-berkatilah Dia yang “datang dalam nama Tuhan, dalam awan di langit, dan semua malaikat kudus bersama-Nya. Kemudian fahamlah para murid-Nya bahawa Dia akan datang lagi ke atas bumi, setelah Dia dimuliakan dan dimahkotai di sebelah tangan kanan <sup>b</sup>Tuhan.

2 Dan Yesus keluar, dan pergi dari bait suci; dan para pengikut-Nya datang kepada-Nya, untuk mendengar-Nya, mengatakan: Tuan, tunjukkanlah kepada kami tentang bangunan-bangunan bait suci, seperti yang Engkau firman—Ianya akan diruntuhkan, dan ditinggalkan musnah kepadamu.

3 Dan Yesus berfirman kepada mereka: Adakah kamu tidak me-

lihat segala hal ini, dan kamu tidak memahaminya? Sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, tidak akan ada yang tertinggal di sini, di atas bait suci ini, tiada satu <sup>a</sup>batu yang tersusun pun yang tidak akan runtuh.

4 Dan Yesus meninggalkan mereka, dan pergi ke atas <sup>a</sup>Bukit Zaitun. Dan semasa Dia duduk di atas Bukit Zaitun, para pengikut datang kepada-Nya secara peribadi, mengatakan: Beritahulah kami bilakah hal-hal yang Engkau telah firmankan ini akan terjadi tentang penghancuran bait suci, dan bangsa Yahudi; dan apakah <sup>b</sup>tanda ‘kedatangan-Mu, dan dunia <sup>d</sup>kiamat, atau penghancuran <sup>e</sup>orang-orang jahat, iaitu dunia kiamat?

5 Dan Yesus menjawab, dan berfirman kepada mereka: Dengarkanlah agar tiada seorang pun menipumu;

6 Kerana ramai yang akan datang dalam nama-Ku, mengatakan—Akulah Kristus—dan akan menipu ramai orang;

7 Pada waktu itu akan mereka menyerahkanmu untuk <sup>a</sup>menderita, dan akan membunuhmu,

1 1a Mat. 26:64; Kis. 1:11.  
b prs Tuhan, Kesatuan Ketuhanan.  
3a Luk. 19:44.  
4a prs Bukit Zaitun.  
b Luk. 21:7–36;  
A&P 45:16–75.

prs Hari-hari Terakhir,  
Zaman Akhir;  
Tanda-tanda Zaman Akhir.  
c prs Kedatangan Kedua Yesus Kristus.  
d prs Dunia—Akhir

dunia.  
e Mal. 4:1;  
A&P 133:64–74.  
prs Jahat, Kejahatan.  
7a 1 Ptr. 4:12–14.  
b prs Aniaya,  
Penganiayaan.

dan kamu akan <sup>b</sup>dibenci oleh semua bangsa, demi kepentingan nama-Ku;

8 Dan pada waktu itu akan ramai yang kehilangan iman, dan akan saling mengkhianati, dan akan saling membenci;

9 Dan ramai nabi palsu akan bangkit, dan akan menipu ramai orang;

10 Dan kerana kederhakaan berleluasa, <sup>a</sup>kasih sayang bagi ramai orang akan menjadi dingin;

11 Tetapi dia yang tetap tabah dan tidak dikuasai, merekalah yang akan diselamatkan.

12 Oleh itu, apabila kamu, akan melihat <sup>a</sup>kekejian pemusnahan, yang telah diucapkan oleh nabi <sup>b</sup>Daniel, tentang penghancuran <sup>c</sup>Yerusalem, pada waktu itu kamu akan berdiri di <sup>a</sup>tempat kudus, sesiapa pun yang membaca biarlah dia memahaminya.

13 Pada waktu itu biarlah mereka yang berada di Yudea melarikan diri ke <sup>a</sup>gunung-ganang;

14 Biarlah dia yang berada di atas atap rumah melarikan diri, dan janganlah kembali untuk mengambil apa-apa pun dari rumahnya;

15 Janganlah juga dia yang berada di ladang kembali untuk mengambil pakaiannya;

16 Dan celakalah bagi mereka yang <sup>a</sup>mengandung, dan mereka yang menyusukan anak pada waktu itu;

17 Oleh kerana itu, berdoalah kamu kepada Tuhan agar kamu

tidak melarikan diri pada musim dingin, tidak juga pada hari Sabat;

18 Kerana pada waktu itu, pada saat itu, akan terjadilah kesengsaraan yang besar ke atas <sup>a</sup>bangsa Yahudi, dan ke atas para penduduk <sup>b</sup>Yerusalem, seperti yang belum pernah diutuskan ke atas Israel, oleh Tuhan, sejak permulaan kerajaan mereka sehingga waktu ini; tidak, tidak juga ia akan diutuskan lagi ke atas Israel.

19 Segala hal yang telah menimpa mereka hanyalah permulaan bagi kedukaan-kedukaan yang akan datang ke atas mereka.

20 Dan kecuali zaman itu akan dipendekkan, tidak akan ada tubuh mereka yang diselamatkan; tetapi demi kepentingan yang terpilih, menurut perjanjian itu, hari-hari itu akan dipendekkan.

21 Lihatlah, hal-hal ini telah Aku firmankan kepadamu tentang bangsa Yahudi; dan lagi, setelah kesengsaraan pada zaman itu yang akan datang ke atas Yerusalem, jika ada sesiapa pun yang akan berkata kepadamu, Tengoklah, di sinilah Kristus, atau di sana, janganlah mempercayainya;

22 Kerana pada zaman itu akan bangkit juga Kristus-Kristus palsu, dan nabi palsu, dan akan menunjukkan tanda dan keajaiban-keajaiban yang besar, sedemikian rupa, jika mungkin, mereka akan memperdaya bahkan yang terpilih, yang adalah terpilih menurut perjanjian.

10a A&P 45:27.

12a Dan. 12:11.

b prs Daniel.

c prs Yerusalem.

d A&P 101:22–25.

13a A&P 133:13.

16a Luk. 23:29–30.

18a prs Bangsa Yahudi.

b Za. 12; 14:1–5.

23 Lihatlah, Aku memfirmankan hal-hal ini kepadamu demi kepentingan mereka yang “terpilih; dan kamu juga akan mendengar tentang<sup>b</sup> peperangan, dan desas-desus tentang peperangan; pastikanlah bahawa kamu tidak bersusah hati, kerana semua yang telah Aku beritahukan kepadamu akan terjadi; tetapi kiamat itu belum terjadi.

24 Lihatlah, Aku telah memberitahumu sebelum ini;

25 Kerana itu, jika mereka akan berkata kepadamu: Lihatlah, Dia berada di gurun; janganlah pergi: Lihatlah, Dia berada di dalam bilik-bilik rahsia; janganlah mempercayainya;

26 Kerana bagaikan cahaya pagi yang datang dari “timur, dan bersinar bahkan ke barat, dan menyelubungi seluruh bumi, demikian jugalah kedatangan Putera Manusia akan terjadi.

27 Dan sekarang Aku menunjukkan kepadamu sebuah perumpamaan. Lihatlah, di mana pun bangkai berada, disitulah burung-burung helang akan berkumpul bersama; demikian juga umat terpilih-Ku akan “dikumpulkan dari keempat-empat penjuru bumi.

28 Dan mereka akan mendengar tentang peperangan, dan desas-desus tentang peperangan.

29 Lihatlah Aku berfirman demi kepentingan umat terpilih-Ku; kerana bangsa akan bangkit menentang bangsa, dan kerajaan melawan kerajaan; akan adanya “kebuluran,

dan wabak, dan gempa bumi, di pelbagai tempat.

30 Dan lagi, kerana kederhakaan berleluasa, kasih sayang manusia akan menjadi dingin; tetapi dia yang tidak dikuasai, merekalah yang akan diselamatkan.

31 Dan lagi, Injil Kerajaan ini akan dikhutbahkan di seluruh “dunia, sebagai suatu kesaksian kepada semua bangsa, dan kemudian kiamat akan datang, atau penghancuran yang jahat;

32 Dan lagi kekejian pemusnahan, yang diucapkan oleh nabi Daniel, akan digenapi.

33 Dan dengan segera selepas kesengsaraan pada zaman itu, “matahari akan digelapkan, dan bulan tidak akan bercahaya, dan bintang-bintang akan jatuh dari langit, dan kekuatan langit akan digoncangkan.

34 Sesungguhnya, Aku berfirman kepadamu, generasi ini, yang mana hal-hal ini akan ditunjukkan, tidak akan meninggal dunia sehinggalah semua yang telah Aku beritahukan kepadamu akan digenapi.

35 Walaupun, zaman itu akan datang, apabila langit dan bumi akan berlalu; namun “firman-Ku tidak akan berlalu, tetapi semuanya akan digenapi.

36 Dan, seperti yang Aku firmankan sebelumnya, selepas “kesengsaraan pada zaman itu, dan kekuatan langit akan digoncangkan, kemudian akan muncul tanda

23a *pts* Umat Pilihan.

b A&P 45:26.

26a Yeh. 43:2.

27a *pts* Israel—

Pengumpulan Israel.

29a A&P 43:24–25.

31a Mat. 28:19–20.

33a Yl. 2:10; A&P 29:14.

35a A&P 1:38.

36a JS—M 1:18.

Putera Manusia di langit, dan kemudian semua suku-suku bangsa di bumi akan berdukacita; dan mereka akan melihat Putera Manusia <sup>b</sup>datang dalam awan di langit, dengan kuasa dan kemuliaan yang besar;

37 Dan sesiapa pun yang menghargai “firman-Ku, tidak akan terpedaya, kerana Putera Manusia akan datang, dan Dia akan mengutus <sup>b</sup>para malaikat-Nya dahulu dengan bunyian sangkakala yang nyaring, dan mereka akan ‘mengumpul para umat terpilih yang selebihnya bersama dari keempat-empat penjuru angin, dari satu hujung langit ke hujung yang satu lagi.

38 Sekarang pelajarilah sebuah perumpamaan tentang “pokok ara—Apabila cabang-cabangnya masih muda, dan ia mulai mengeluarkan daun-daun, kamu tahu bahawa musim panas sudah di depan mata;

39 Demikian juga, umat terpilih-Ku, apabila mereka akan melihat segala hal ini, mereka akan mengetahui bahawa Dia sudah dekat, bahkan di depan pintu;

40 Tetapi tentang hari itu, dan waktunya, tiada seorang pun yang “tahu; tidak, tidak juga para malaikat Tuhan di dalam syurga, tetapi hanya Bapa-Ku.

41 Tetapi seperti ianya terjadi pada zaman “Nuh, demikian juga

ia akan terjadi pada kedatangan Putera Manusia;

42 Kerana ianya akan terjadi kepada mereka, sebagaimana yang terjadi pada saat-saat sebelum “air bah terjadi; kerana sehinggalah hari Nuh masuk ke dalam bahtera itu mereka sedang makan dan minum, berkahwin dan dikahwinkan;

43 Dan tidak menyedarinya sehinggalah air bah datang, dan menghanyutkan mereka semua; demikian jugalah kedatangan Putera Manusia akan terjadi.

44 Pada waktu itu akan digenapilah seperti yang dituliskan, bahawa pada “zaman akhir, dua orang akan berada di ladang, yang satu akan diambil, dan yang seorang lagi <sup>b</sup>ditinggalkan;

45 Dua orang sedang menggiling di kilang, yang seorang akan diambil, dan yang seorang lagi ditinggalkan;

46 Dan apa yang Aku firmankan kepada seorang, Aku firmankan kepada semua orang; “berjaga-jagalah, oleh itu, kerana kamu tidak mengetahui bilakah waktu Tuhanmu akan datang.

47 Tetapi ketahuilah ini, jika tuan rumah telah mengetahui waktu pencuri itu akan datang, dia pasti akan berjaga-jaga, dan tidak akan membiarkan rumahnya dipecah masuk, tetapi akan bersiap sedia.

48 Oleh itu kamu juga bersedia-

36 *b* pts Kedatangan Kedua Yesus Kristus.

37 *a* pts Tulisan Suci.

*b* A&P 29:11–15.

*c* pts Israel—

Pengumpulan Israel.

38 *a* A&P 35:16.

40 *a* A&P 39:20–21; 49:7.

41 *a* Kej. 6:5.

42 *a* pts Banjir pada Zaman Nuh.

44 *a* pts Hari-hari Terakhir,

Zaman Akhir.

*b* Za. 13:8.

46 *a* pts Berjaga, Para Penjaga.

lah, kerana pada waktu yang tidak kamu sangkakan, Putera Manusia akan datang.

49 Maka, siapakah, hamba yang “setia dan bijaksana, yang tuannya telah menjadikannya pemerintah ke atas rumahnya, untuk memberikan mereka makanan pada masa yang tepat?

50 Diberkatilah hamba itu yang mana tuannya, apabila dia datang, akan mendapati dia melakukan sedemikian; dan sesungguhnya Aku berfirman kepadamu, dia akan menjadikannya pemerintah ke atas segala harta bendanya.

51 Tetapi jika hamba yang jahat itu akan berkata dalam hatinya: Tuanku akan “menunda kedatangannya,

52 Dan mulai menghentam para hamba sesamanya, dan makan dan minum bersama pemabuk,

53 Tuan kepada hamba itu akan datang pada suatu hari ketika dia tidak menanti-nantikannya, dan pada suatu waktu yang tidak disedarinya,

54 Dan akan menyembelohnya, dan akan menempatkan dia bersama orang-orang munafik; akan ada tangisan dan “kertakan gigi.

55 Dan demikianlah “pengakhiran yang jahat, menurut nubuat Musa, mengatakan: Mereka akan disingkirkan dari kalangan orang-orang itu; tetapi kiamat belum terjadi, tetapi tidak lama lagi.

49a prs Mempercayai.  
51a A&P 45:26.  
54a Mat. 8:12.

55a 2 Ne. 30:10;  
A&P 1:9–10; 29:17.

prc Dunia—Akhir  
dunia.

# JOSEPH SMITH—SEJARAH

## PETIKAN-PETIKAN DARI SEJARAH NABI JOSEPH SMITH

*Joseph Smith memberitahukan tentang asal-usulnya, para anggota keluarganya, dan tempat tinggal mereka dahulu—Suatu kehebohan yang tidak lazim tentang agama berleluasa di sebelah barat New York—Dia memutuskan untuk mencari kebijaksanaan sebagaimana yang diarahkan oleh Yakobus—Bapa dan Putera menampakkan diri, dan Joseph dipanggil untuk pelayanan kenabiannya. (Ayat 1–20.)*

**D**ISEBABKAN banyak laporan yang telah disebar oleh orang-orang yang licik dan berniat jahat, berkenaan dengan “pembangunan dan kemajuan <sup>b</sup>Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir, yang mana semuanya itu telah dirancang oleh para pelapornya untuk menghancurkan nama baiknya sebagai sebuah Gereja dan kemajuannya di dalam dunia—Aku terdorong untuk menulis sejarah ini, untuk meluruskan pendapat umum, dan menjadikan semua penyelidikan kebenaran memiliki fakta-faktanya, seperti mana yang telah berlaku, yang berkaitan dengan dengan diriku mahupun Gereja, sejauh aku memiliki fakta-fakta itu dalam tanganku.

2 Dalam sejarah ini aku akan

menyampaikan pelbagai kejadian yang berkaitan dengan Gereja ini, dalam kebenaran dan kesolehan seperti mana yang telah berlaku, atau seperti mana yang terjadi sekarang, yakni sekarang [1838] lapan tahun sejak “pengorganisasian Gereja tersebut.

3 “Aku dilahirkan pada tahun Tuhan kita seribu lapan ratus lima, pada hari kedua puluh tiga, di kota Sharon, Windsor County, Negeri Vermont. . . . Ayahku, <sup>b</sup>Joseph Smith Sr., meninggalkan Negeri Vermont, dan berpindah ke Palmyra, Ontario (sekarang adalah Wayne) County, di Negeri New York, semasa aku berumur sepuluh tahun, atau kira-kira waktu itu. Pada kira-kira empat tahun selepas ketibaan ayahku di Palmyra, dia berpindah bersama keluarganya ke Manchester iaitu di daerah yang sama dengan Ontario—

4 Keluarganya terdiri daripada sebelas jiwa, iaitu, ayahku, “Joseph Smith; <sup>b</sup>ibuku, Lucy Smith (namanya sebelum berkahwin ialah Mack, anak perempuan Solomon Mack); adik-beradik lelakiku, “Alvin (yang meninggal pada 19 November 1823, pada usianya ke-26 tahun), “Hyrum, diriku sendiri, “Samuel Harrison, William, Don

1 1a prs Pemulihan Injil.  
b prs Gereja Yesus Kristus Orang Suci Zaman Akhir.

2a A&P 20:1.  
3a prs Joseph Smith Jr.  
b 2 Ne. 3:15.  
4a prs Joseph Smith Sr.

b prs Lucy Mack Smith.  
c A&P 137:5–6.  
d prs Hyrum Smith.  
e prs Samuel H. Smith.

Carlos; dan adik-beradik perempuanku, Sophronia, Catherine, dan Lucy.

5 Suatu masa pada tahun kedua selepas perpindahan kami ke Manchester, terjadinya di tempat kami tinggal itu suatu kehebohan yang luar biasa tentang topik agama. Ianya bermula dengan para penganut Methodis, tetapi dengan segera menjadi umum di kalangan semua mazhab di daerah negeri itu. Tentunya, seluruh daerah negeri itu kelihatannya terpengaruh, dan sejumlah besar orang menggabungkan diri mereka ke dalam kumpulan-kumpulan agama yang berbeza, yang menciptakan kegemparan dan pembahagian yang besar di antara orang-orang itu, ada yang berseru, “Lihatlah, ke sini!” dan yang lain, “Lihatlah, ke sana!” Ada yang berjuang untuk kepercayaan Methodis, ada yang untuk Presbiterian, dan ada yang untuk Baptis.

6 Kerana, walau bagaimana besar pun kasih yang diluahkan oleh para penganut itu terhadap mazhab-mazhab yang berbeza ini semasa mereka memasukinya, dan semangat besar yang dinyatakan oleh para pendeta masing-masing, yang begitu aktif dalam membangunkan dan menggembar-gemburkan suasana keagamaan ini, agar dapat menjadikan setiap orang penganut mazhab mereka, seperti yang biasa mereka katakan, biarlah mereka mengikuti mana-mana mazhab yang mereka inginkan; namun apabila para

penganut itu mula memisahkan diri, ada yang ke satu kumpulan dan ada yang ke kumpulan lain, ternyata bahawa perasaan-perasaan yang kelihatannya baik di antara para pendeta dan para penganut itu adalah lebih pada kepura-puraan daripada yang sebenarnya; kerana suasana kekeliruan yang hebat dan perasaan buruk mengiringi—pendeta berselisih pendapat dengan pendeta, dan penganut menentang penganut lain; sehingga segala perasan baik mereka terhadap satu sama lain, jika ianya pernah ada, telah hilang sepenuhnya di dalam “perbalahan kata-kata dan pertikaian pendapat.

7 Aku pada waktu ini dalam usiaku yang kelima belas tahun. Keluarga ayahku ditarik masuk ke dalam mazhab Presbiterian, dan empat orang daripada mereka mengikuti gereja itu, iaitu, ibuku, Lucy; abang serta adikku Hyrum dan Samuel Harrison; dan kakakku Sophronia.

8 Semasa kehebohan yang besar ini, timbullah renungan yang serius dan keresahan yang besar di dalam fikiranku; tetapi walaupun perasaanku mendalam dan sering perih, aku masih tetap menjauhkan diriku dari semua kumpulan ini, walaupun aku masih menghadiri beberapa pertemuan mereka sekerap keadaan mengizinkan. Lama-kelamaan fikiranku menjadi lebih senang pada mazhab Methodis, dan aku merasakan suatu hasrat untuk bersatu dengan mereka;

tetapi begitu hebat kekeliruan dan perbalahan di antara golongan-golongan agama yang berbeza itu, sehinggakan mustahil bagi seseorang yang masih muda seperti diriku, dan masih tidak biasa dengan sesiapa dan apa-apa hal pun, untuk memutuskan siapa yang benar dan siapa yang salah.

9 Fikiranku adakalanya amat teruja, seruan dan kekacauan begitu hebat dan tanpa henti. Para penganut Presbiterian bertekad menentang para penganut Baptis dan Metodis, dan menggunakan segala kekuatan akal mahupun hujah untuk membuktikan kesilapan-kesilapan mereka, atau, sekurang-kurangnya, untuk membuatkan orang-orang itu berfikir bahawa mereka berada dalam kesilapan. Sebaliknya, para penganut Baptis dan Metodis juga sama-sama bersemangat dalam berikhtiar untuk menegakkan ajaran-ajaran mereka sendiri dan menyangkal semua yang lain.

10 Di tengah-tengah peperangan kata-kata dan kekacauan pendapat, aku sering berkata kepada diriku sendiri: Apakah yang mesti dilakukan? Siapakah dari antara semua kumpulan ini yang <sup>a</sup>“benar; atau, adakah mereka semua sama-sama salah? Jika sesiapa pun dari antara mereka adalah benar, yang mana satu, dan bagaimana aku dapat mengetahuinya?

11 Semasa aku sedang menghadapi kesulitan yang sangat hebat disebabkan oleh pertikaian

kumpulan-kumpulan penganut agama itu, suatu hari aku sedang membaca Surat Yakobus, bab pertama ayat kelima, yang berbunyi: *Tetapi apabila di antara kamu ada yang kekurangan hikmat, hendaklah ia memintakannya kepada Tuhan,— yang memberikan kepada semua orang dengan murah hati dan dengan tidak membangkit-bangkit—, maka hal itu akan diberikan kepadanya.*

12 Tidak pernah ada petikan tulisan suci yang datang dengan kuasa yang begitu besar kepada hati manusia seperti ayat ini pada waktu itu kepadaku. Ianya masuk dengan kuasa yang besar ke dalam setiap perasaan hatiku. Aku memikirkan lagi dan lagi, mengetahui bahawa jika ada sesiapa pun yang memerlukan kebijaksanaan daripada Tuhan, akulah orangnya; kerana aku tidak tahu apa yang harus dilakukan, dan melainkan aku mendapat lebih kebijaksanaan daripada yang aku miliki pada waktu itu, aku tidak akan pernah tahu; kerana para pengajar agama dari mazhab yang berbeza <sup>a</sup>“memahami petikan-petikan tulisan suci yang sama dengan sangat berbeza sehingga menghancurkan segala kepercayaan dalam menjawab pertanyaan itu menggunakan <sup>b</sup>Alkitab.

13 Akhirnya aku menyimpulkan sama ada aku harus tetap berada dalam kegelapan dan kekeliruan, atau aku harus melakukan seperti yang diarahkan oleh Yakobus, iaitu, meminta kepada Tuhan. Aku akhirnya bertekad untuk

10a pts Kebenaran.

12a 1 Kor. 2:10–16.

b pts Alkitab.

“memintakannya kepada Tuhan,” menyimpulkan bahawa jika Dia memberikan hikmat kepada mereka yang kekurangan hikmat, dan akan memberikan dengan murah hati, dan tidak membangkit-bangkit, aku harus mencubanya.

14 Jadi, selaras dengan itu, ketekadan hatiku untuk memintakannya kepada Tuhan, aku pergi ke hutan untuk melakukan cubaan itu. Ianya adalah pada suatu pagi hari yang indah, terang, pada permulaan musim bunga tahun seribu lapan ratus dua puluh. Ianya merupakan pertama kali dalam hidupku bahawa aku telah membuat suatu cubaan yang sedemikian, kerana di tengah-tengah segala kegelisahanku aku belum pernah lagi membuat cubaan untuk <sup>a</sup>berdoa dengan bersuara.

15 Setelah aku pergi ke tempat di mana aku telah rancang untuk pergi sebelumnya, setelah melihat di sekitarku, dan mendapati diriku seorang diri, aku berlutut dan mula menyampaikan hasrat hatiku kepada Tuhan. Baru saja aku melakukan demikian, apabila dengan tiba-tiba aku dicengkam oleh suatu kekuatan yang menguasai sepenuhnya, dan memiliki suatu pengaruh yang begitu dahsyat ke atas diriku yang mengelukan lidahku sehingga aku tidak dapat berkata-kata. Kegelapan yang pekat berkumpul di sekitarku, dan bagiku kelihatannya untuk suatu

waktu seolah-olahnya aku tiba-tiba ditetapkan pada kehancuran.

16 Tetapi, dengan mengerahkan segala kekuatanku “meminta kepada Tuhan untuk membebaskan diriku dari kekuatan musuh yang telah mencengkamku ini, dan pada saat itu ketika aku sudah bersedia untuk tenggelam ke dalam keputusan dan menyerahkan diriku sendiri pada kehancuran—bukannya pada suatu khayalan yang menghancurkan, tetapi kepada kekuatan suatu makhluk nyata dari dunia yang tidak kelihatan, yang memiliki kekuatan yang begitu menakjubkan seperti yang belum pernah aku rasakan daripada apa-apa makhluk pun—tepat pada saat yang mencemaskan ini, aku melihat suatu tiang <sup>b</sup>cahaya benar-benar berada di atas kepalaku, melebihi keterangan ‘matahari, yang turun secara perlahan-lahan sehingga ia berada padaku.

17 Tidak lama selepas itu aku mendapati diriku telah dibebaskan daripada musuh yang mencengkamku. Ketika cahaya itu berada padaku, aku <sup>c</sup>melihat <sup>d</sup>dua Lembaga, yang mana keterangan dan <sup>e</sup>kemuliaan Mereka tidak dapat digambarkan, berdiri di atasku di udara. Salah seorang daripada Mereka berfirman kepadaku, memanggil namaku dan berfirman, sambil menunjuk kepada yang seorang lagi—*Inilah <sup>a</sup>Putera-Ku yang Ku <sup>c</sup>kasihi. Dengarkanlah Dia!*

13a PTS Doa.

14a PTS Doa.

16a Musa 1:20.

b Kis. 26:13.

c Why. 1:16.

17a PTS Penglihatan.

b Kis. 7:55–56;

Kol. 3:1.

PTS Tuhan, Kesatuan  
Ketuhanan.

c PTS Kemuliaan.

d PTS Yesus Kristus.

e Mat. 3:17; 17:5;

3 Ne. 11:7.

18 Tujuanku <sup>a</sup>bertanya kepada Tuhan adalah untuk mengetahui yang manakah daripada semua mazhab itu adalah benar, agar aku boleh mengetahui yang mana satu harus diikuti. Tidak lama kemudian, aku dapat menguasai diriku sendiri, sehingga dapat berbicara, aku bertanya kepada Lembaga-lembaga yang berdiri di atasku dalam cahaya itu, yang manakah daripada semua mazhab itu adalah benar (kerana pada waktu itu tidak pernah terlintas di dalam hatiku bahawa semuanya adalah salah)—dan yang manakah aku harus ikuti.

19 Aku dijawab bahawa aku tidak harus mengikuti mereka, kerana mereka semuanya <sup>a</sup>salah; dan Lembaga yang menyapaku berfirman bahawa segala kepercayaan mereka adalah suatu kekejian dalam pandangan-Nya; bahawa para penganut itu semuanya busuk hati; bahawa: “mereka <sup>b</sup>mendekat kepada-Ku dengan bibir mereka, tetapi <sup>c</sup>hati mereka jauh dari-Ku, mereka mengajar untuk ajaran-ajaran <sup>d</sup>perintah-perintah manusia, yang memiliki suatu <sup>e</sup>bentuk ketuhanan, tetapi mereka menyangkal kuasa darinya.”

20 Dia sekali lagi melarangku untuk mengikuti sesiapa pun daripada mereka; dan banyak hal lain yang Dia firmankan kepadaku, yang tidak dapat aku tuliskan

pada waktu ini. Apabila aku sedar kembali, aku mendapati diriku terbaring, sambil melihat langit. Semasa cahaya itu pergi, aku tidak memiliki kekuatan; tetapi segera beransur pulih, aku pulang ke rumah. Dan semasa aku bersandar pada tempat perapian, ibu bertanya apa yang telah berlaku. Aku menyahutnya, “Tidak ada apa-apa, semuanya baik—aku baik-baik sahaja.” Aku kemudiannya berkata kepada ibunya, “Aku telah belajar bagi diriku sendiri bahawa Presbiterianisme tidak benar.” Tampaknya seakan-akan si <sup>a</sup>musuh menyedari, pada peringkat awal kehidupanku, bahawa aku telah ditetapkan untuk menjadi seorang pengganggu dan seorang pencabar kerajaannya; kalau tidak mengapa kuasa kegelapan bergabung menentangku? Mengapa <sup>b</sup>penentangan dan penganiayaan yang datang kepadaku, adalah hampir pada setiap usia kecilku?

*Beberapa pendeta dan para penganut agama yang lain menolak laporan tentang Penglihatan Pertama—Penganiayaan bertambah ke atas Joseph Smith—Dia bersaksi tentang kenyataan penglihatan itu. (Ayat 21–26.)*

21 Beberapa hari selepas aku mendapat “penglihatan ini, aku secara kebetulannya bersama dengan salah seorang pendeta

18a A&P 6:11; 46:7.

19a Mzm. 14.

pts Kemurtadan—  
Kemurtadan Gereja  
Kristian pada zaman  
yang awal.

b Yes. 29:13–14;

Yeh. 33:30–31.

c pts Kemurtadan—  
Kemurtadan umum.

d Tit. 1:14; A&P 45:29.

e 2 Tim. 3:5.

20a pts Iblis.

b 2 Ne. 2:11;

A&P 58:2–4.

pts Kesusahan.

21a pts Penglihatan  
Pertama.

Metodis, yang sangat aktif dalam kehebohan agama yang disebutkan sebelum ini; dan, bercakap-cakap dengannya tentang topik agama, aku mengambil kesempatan untuk memberikannya suatu laporan tentang penglihatan yang telah aku perolehi. Aku amat terkejut dengan kelakuannya; dia bukan sahaja memandang ringan perkataanku, tetapi dengan penuh kebencian, mengatakan semuanya itu daripada iblis, bahawa tiada perkara seperti <sup>b</sup>penglihatan atau ‘wahyu pada zaman ini; bahawa semua hal sedemikian telah berhenti bersama para rasul, dan tidak akan ada lagi sepertinya.

22 Segeranya aku mendapati, bahawa penceritaan ceritaku itu telah merangsangkan banyak prasangka terhadapku di antara para penganut agama, dan menjadi penyebab ‘penganiayaan hebat, yang terus bertambah; dan walaupun aku ialah seorang budak lelaki yang <sup>b</sup>tidak dikenali, hanya berusia antara empat belas dan lima belas tahun, dan keadaan hidupku yang menjadikanku seorang budak lelaki yang tidak penting di dalam dunia, namun orang-orang yang berkedudukan tinggi mengambil perhatian yang cukup untuk menghasut masyarakat umum menentangku, dan menimbulkan suatu penganiayaan yang pahit; dan ini menjadi persamaan di kalangan semua mazhab—semuanya bersatu untuk menganiayaku.

23 Ini menyebabkan aku memikirkannya dengan serius pada waktu itu, dan semakin kerap sejak dari itu, bahawa betapa peliknya seorang budak lelaki yang tidak dikenali, yang berusia empat belas tahun lebih, dan merupakan seorang yang ditakdirkan untuk mendapatkan keperluannya dengan nafkah yang amat kecil melalui kerja harian, harus dianggap sebagai seorang yang cukup penting untuk menarik perhatian mereka yang berkuasa dari mazhab-mazhab yang paling terkenal pada zaman itu, dan menyebabkan timbulnya di dalam diri mereka suatu semangat penganiayaan dan pencemuhan yang paling pahit. Tetapi pelik atau tidak, begitulah yang terjadi, dan ianya sering menjadi penyebab kesedihan yang besar bagi diriku.

24 Bagaimanapun, ianya adalah suatu kenyataan bahawa aku telah melihat sebuah penglihatan. Aku telah memikirkan sejak itu, bahawa aku merasakan seperti ‘Paulus, semasa dia membuat <sup>b</sup>pembelaannya di hadapan Raja Agripa, dan mengaitkan laporan penglihatan yang dia perolehi semasa dia melihat suatu cahaya, dan mendengar suatu suara; tetapi masih hanya sedikit yang dipercayainya; ada yang mengatakan dia tidak jujur, yang lain mengatakan dia gila; dan dia dipersendakan dan dicemuh. Tetapi semua ini tidak menghancurkan kenyataan

21 *b* PTS Penglihatan.  
*c* PTS Wahyu.  
 22 *a* Yak. 5:10–11.

PTS Aniaya,  
 Penganiayaan.  
*b* 1 Sam. 16:7;

Alma 37:35.  
 24 *a* PTS Paulus.  
*b* Kis. 26.

penglihatannya. Dia telah melihat suatu penglihatan, dia tahu dia telah melihatnya, dan segala penganiayaan di bawah langit tidak dapat menjadikan yang sebaliknya; dan walaupun mereka akan menganiayanya sehingga mati, namun dia tahu, dan akan tahu sehingga nafas terakhir, bahawa dia telah melihat suatu cahaya serta mendengar suatu suara berfirman kepadanya, dan seluruh dunia tidak dapat menjadikan dia fikir atau percaya yang sebaliknya.

25 Demikian jugalah denganku. Aku benar-benar telah melihat suatu cahaya, dan di tengah-tengah cahaya itu aku melihat dua "Lembaga, dan Mereka dengan nyatanya berfirman kepadaku; dan walaupun aku dibenci dan dianiaya kerana mengatakan bahawa aku telah melihat sebuah penglihatan, namun itu adalah benar; dan sementara mereka menganiayaku, mencemuhku, dan mengatakan pelbagai perkara jahat terhadapku dengan palsu, aku terdorong mengatakan dalam hatiku: Mengapa aku dianiaya kerana memberitahukan kebenaran? Aku benar-benar telah melihat sebuah penglihatan; dan siapakah aku bahawa aku dapat menahan Tuhan, atau mengapakah dunia berfikir untuk membuatku menyangkal apa yang telah aku benar-benar lihat? Kerana aku telah melihat suatu penglihatan; aku mengetahuinya, dan aku tahu bahawa Tuhan mengetahuinya, dan aku tidak dapat

<sup>b</sup>menyangkalnya, tidak juga aku berani melakukannya; sekurangnya aku tahu bahawa dengan melakukan sedemikian aku akan bersalah kepada Tuhan, dan berada di bawah penghukuman.

26 Sekarang aku telah memuatkan hatiku berkaitan dengan dunia mazhab itu—bahawa bukanlah tugasku untuk mengikuti sesiapa pun dari antara mereka, tetapi untuk meneruskan diriku seperti biasa sehinggalah diarahkan dengan lebih lanjut. Aku telah mengetahui "kesaksian Yakobus adalah benar—bahawa seseorang yang kekurangan hikmat boleh memintakannya kepada Tuhan, dan menerimanya, dan tidak dibangkit-bangkitkan.

*Moroni muncul kepada Joseph Smith—Nama Joseph akan dikenali dengan baik dan jahat di kalangan segala bangsa—Moroni memberitahu dia tentang Kitab Mormon dan penghakiman-penghakiman yang akan datang daripada Tuhan dan memetik banyak tulisan suci—Tempat kepingan-kepingan emas disembunyikan diberitahu—Moroni meneruskan untuk memberi arahan kepada Nabi. (Ayat 27–54.)*

27 Aku meneruskan untuk melakukan pekerjaanku setiap hari dalam kehidupan sehingga tarikh dua puluh satu September, seribu lapan ratus dua puluh tiga, setiap waktu itu telah menderita penganiayaan hebat daripada semua golongan manusia, baik yang

beragama mahupun yang tidak beragama, kerana aku masih terus menegaskan bahawa aku telah melihat sebuah penglihatan.

28 Selama tempoh waktu di antara waktu aku memperoleh penglihatan sehingga tahun seribu lapan ratus dua puluh tiga—setelah dilarang untuk mengikuti sesiapa pun dari mazhab-mazhab keagamaan pada zaman itu, dan kerana berusia sangat muda, dan dianiaya oleh mereka yang sepatutnya menjadi sahabat-sahabatku dan melanyanku dengan baik, dan sekiranya mereka menyangka aku telah terperdaya mereka seharusnya berikhtiar dengan suatu cara yang sesuai dan penuh kasih sayang untuk mendapatkanku kembali—aku ditinggalkan pada segala <sup>a</sup>godaan; dan, bergaul bersama segala lapisan masyarakat, aku kerap kali jatuh ke dalam kesilapan-kesilapan yang bodoh, dan menunjukkan kelemahan seorang remaja, dan kekurangan manusia; yang kesal aku katakan, telah membawaku ke dalam pelbagai jenis godaan, yang salah di mata Tuhan. Dengan membuat pengakuan ini, tidak bermaksud aku perlu dianggap bersalah dalam dosa-dosa yang besar dan sangat jahat. Suatu kecenderungan untuk berbuat demikian tidak pernah ada dalam sifatku. Tetapi aku bersalah kerana bersikap sambil lewa, dan kadangkadangkang bergaul dengan kumpulan yang bergirang ketawa, dsb., yang

tidak selaras dengan sikap yang seharusnya diamalkan oleh seorang yang <sup>b</sup>dipanggil Tuhan seperti diriku. Tetapi ini tidaklah kelihatan pelik bagi sesiapa pun yang mengenang kembali masa mudaku, dan yang kenal dengan perangaiku yang periang.

29 Disebabkan hal-hal ini, aku sering berasa dihukum kerana kelemahan dan ketidaksempurnaanku; ketika, pada suatu malam dua puluh satu September yang disebutkan di atas, setelah aku pergi ke tempat tidurku pada malam itu, aku membawa diriku ke dalam <sup>a</sup>doa dan permohonan kepada Tuhan Yang Maha Kuasa untuk pengampunan bagi segala dosa dan kebodohanku, dan juga sebagai suatu pernyataan kepadaku, agar aku boleh mengetahui tentang keadaan dan kedudukanku di hadapan-Nya; kerana aku mempunyai kepercayaan penuh dalam mendapatkan suatu pernyataan Ilahi, seperti yang telah aku peroleh sebelum ini.

30 Semasa aku sedang dalam tindakan memanggil kepada Tuhan, aku melihat seberkas cahaya muncul di dalam bilikku, yang semakin bertambah sehingga bilik itu lebih terang daripada waktu tengah hari, apabila dengan tiba-tiba seorang lembaga <sup>a</sup>menampakkan diri di tepi katilku, berdiri di udara, kerana kakinya tidak menyentuh lantai.

31 Dia memakai jubah longgar

28a PTS Godaan,  
Menggoda.  
b pts Dipanggil oleh

Tuhan, Memanggil,  
Panggilan.  
29a PTS Doa.

30a PTS Malaikat-malaikat;  
Moroni, Anak lelaki  
Mormon.

yang teramat sangat “putihnya. keputihannya melebihi apa pun benda duniawi yang pernah aku lihat; tidak juga aku percaya bahawa apa pun benda duniawi dapat dibuat untuk kelihatan sebegitu putih dan bergemerlapan. Tangannya terdedah, dan lengannya juga, sedikit di atas pergelangan tangan; demikian, juga, kakinya terdedah, begitu juga tungkainya, sedikit di atas pergelangan kaki. Kepala dan lehernya juga terbuka. Aku dapat melihat bahawa dia tidak mengenakan pakaian lain selain jubah ini, kerana ia terbuka, sehingga aku dapat melihat ke arah dadanya.

32 Bukan saja jubahnya amat putih, tetapi seluruh perawakannya “mulia melebihi gambaran, dan air mukanya benar-benar bagaikan <sup>b</sup>kilat. Bilik itu amat terang, tetapi tidaklah seterang seperti betul-betul di sekitar orang tersebut. Ketika aku pertama memandangnya, aku <sup>c</sup>berasa takut; tetapi rasa takut itu segera meninggalkanku.

33 Dia memanggil “namaku, dan berkata kepadaku bahawa dia ialah seorang utusan yang diutus dari hadirat Tuhan kepadaku, dan bahawa namanya adalah Moroni; bahawa Tuhan memiliki suatu pekerjaan untuk aku lakukan; dan bahawa namaku akan dikenali dengan baik dan jahat di kalangan semua bangsa, kaum, dan bahasa,

atau bahawa ia akan dibicarakan secara baik mahupun jahat di kalangan semua manusia.

34 Dia mengatakan ada sebuah “kitab tersimpan, ditulis di atas <sup>b</sup>kepingan-kepingan emas, memberikan sebuah laporan tentang penduduk benua ini yang terdahulu, dan dari mana punca datangnya mereka. Dia juga mengatakan bahawa <sup>c</sup>kegenapan Injil abadi terkandung di dalamnya, sebagaimana yang disampaikan oleh Juruselamat kepada penduduk zaman dahulu;

35 Juga, bahawa ada dua buah batu pada bingkai lengkung perak—dan batu-batu ini, diikatkan pada sebuah “perisai dada, yang membentuk sesuatu yang dipanggil <sup>b</sup>Urim dan Tumim—yang tersimpan bersama kepingan-kepingan tersebut; dan pemilikan dan penggunaan batu-batu ini adalah yang menjadi “<sup>c</sup>pelihat-pelihat” pada zaman purba atau dahulu kala; dan bahawa Tuhan telah mempersiapkannya untuk tujuan menterjemahkan kitab itu.

36 Setelah memberitahuku hal-hal ini, dia mulai menyebut nubuat-nubuat dari “Perjanjian Lama. Pertama sekali dia menyebut sebahagian dari bab <sup>b</sup>ketiga Maleakhi; dan dia juga menyebut bab keempat atau terakhir dari nubuat yang sama, walaupun dengan

31a Kis. 10:30;

1 Ne. 8:5;

3 Ne. 11:8.

32a 3 Ne. 19:25.

pts Kemuliaan.

b Kel. 34:29–35;

Hel. 5:36;

A&P 110:3.

c Kel. 3:6;

Eter 3:6–8, 19.

33a Kel. 33:12, 17;

Yes. 45:3–4.

34a pts Kitab Mormon.

b pts Kepingan-kepingan Emas.

c pts Pemulihan Injil.

35a Im. 8:8.

pts Perisai dada.

b Kel. 28:30.

pts Urim dan Tumim.

c pts Pelihat.

36a pts Perjanjian Lama.

b pts Maleakhi.

sedikit perbezaan dari cara yang tertulis di dalam Alkitab kita. Daripada menyebut ayat pertama seperti yang tertulis di dalam kitab-kitab kita, dia menyebutnya sebegini:

37 Kerana lihatlah, <sup>a</sup>harinya datang yang akan <sup>b</sup>membakar bagaikan sebuah perapian, dan semua yang sombong, ya, dan semua yang melakukan kejahatan akan terbakar bagaikan <sup>c</sup>jerami; kerana mereka yang datang akan membakar mereka, firman Tuhan Semesta Alam, sehingga itu tidak akan meninggalkan mereka akar ataupun cabang.

38 Dan lagi, dia menyebut ayat kelima sedemikian: *Lihatlah, Aku akan memberitahukan kepadamu <sup>a</sup>Imamat, melalui tangan Nabi <sup>b</sup>Elia, sebelum kedatangan hari Tuhan yang besar dan mengerikan.*

39 Dia juga menyebut ayat berikutnya dengan berbeza: *Dan dia akan menanamkan dalam hati anak-anak <sup>a</sup>janji-janji yang dibuat kepada para bapa nenek moyang, dan hati anak-anak akan <sup>b</sup>berpaling kepada para bapa nenek moyang mereka. Jika tidak demikian, keseluruhan bumi akan sepenuhnya dilenyapkan pada kedatangan-Nya.*

40 Tambahan juga, dia menyebut bab kesebelas Yesaya, mengatakan bahawa ianya hampir digenapi. Dia menyebut juga bab ketiga

Kisah Rasul-Rasul, ayat kedua puluh dua dan kedua puluh tiga, dengan tepat seperti yang ada dalam Perjanjian Baru kita. Dia mengatakan bahawa “nabi itu ialah Kristus; tetapi harinya belumlah tiba apabila “mereka yang tidak mahu mendengar suara-Nya akan <sup>b</sup>disingkirkan dari kalangan orang-orang itu,” tetapi ianya akan datang dengan segera.

41 Dia juga menyebut “pasal kedua Yoel, dari ayat kedua puluh lapan sehingga yang terakhir. Dia juga berkata bahawa ini belum lagi digenapi, tetapi akan terjadi tidak lama lagi. Dan dia lebih lanjut lagi menyatakan bahawa kegenapan <sup>b</sup>bangsa bukan Israel akan segera datang. Dia telah menyebut banyak petikan tulisan suci yang lain, dan menyampaikan banyak penjelasan yang tidak dapat disebutkan di sini.

42 Sekali lagi, dia memberitahu, bahawa apabila aku memperoleh kepingan-kepingan emas yang dia telah bicarakan tentangnya—kerana waktu untuk mendapatkannya belum lagi digenapi—aku tidak harus memperlihatkan kepada sesiapa pun; begitu juga dengan perisai dada itu bersama Urim dan Tumim; hanya kepada mereka yang aku akan diperintahkan untuk

37 *a* prs Kedatangan Kedua Yesus Kristus.  
*b* 3 Ne. 25;  
 A&P 64:23–24.  
 prs Bumi—  
 Pembersihan bumi;  
 Dunia—Akhir dunia.  
*c* Nah. 1:8–10;  
 1 Ne. 22:15, 23;

2 Ne. 26:4–6;  
 A&P 29:9.  
 38 *a* prs Imamat;  
 Kunci-kunci Imamat.  
*b* A&P 27:9; 110:13–16.  
 prs Elia.  
 39 *a* Gal. 3:8, 19.  
*b* prs Keselamatan bagi  
 Orang Mati;

Salasilah.  
 40 *a* Ul. 18:15–19.  
*b* 3 Ne. 20:23; 21:20.  
 41 *a* Kis. 2:16–21.  
*b* Rm. 11:11–25;  
 A&P 88:84.  
 prs Bangsa bukan  
 Israel.

memperlihatkannya; jika aku melakukannya aku akan dihan-curkan. Sementara dia sedang bercakap-cakap denganku tentang kepingan-kepingan itu, penglihatan dibukakan pada “fikiranku sehingga aku dapat melihat tempat di mana kepingan-kepingan itu disimpan, dan ia sebegitu terang dan jelas sehingga aku mengenali tempat itu lagi apabila aku mengunjunginya.

43 Selepas komunikasi ini, aku melihat cahaya di dalam bilik mulai berkumpul betul-betul di sekitar orang yang telah berbicara kepadaku, dan ia berterusan demikian sehingga bilik itu sekali lagi menjadi gelap, kecuali hanya di persekitarannya; dengan serta-merta aku melihat, seakan-akan, suatu lorong terbuka secara langsung ke dalam syurga, dan dia naik sehingga dia menghilang sama sekali, dan bilik itu ditinggalkan seperti sebelum cahaya syurgawi ini muncul.

44 Aku berbaring merenungkan keluarbiasaan kejadian itu, dan teramat takjub terhadap apa yang telah diberitahukan kepadaku oleh utusan yang luar biasa ini; ketika, di tengah-tengah “tafakurku, dengan tiba-tiba aku mendapati bahawa bilikku sekali lagi diterangi, dan seakan-akan dalam sekelip mata, utusan syurgawi yang sama sekali lagi berada di tepi katilku.

45 Dia bermula, dan sekali lagi mengatakan hal-hal yang sama seperti yang dia telah lakukan pada

kunjungannya yang pertama, tanpa sedikit perbezaan pun; yang setelah dilakukan, dia memberitahu aku tentang penghakiman besar yang akan datang ke atas bumi, dengan kemusnahan besar oleh bencana kebuluran, pedang, dan wabak; dan bahawa penghakiman yang menyedihkan ini akan datang ke atas bumi pada generasi ini. Selepas mengatakan hal-hal ini, dia naik lagi seperti yang telah dia lakukan sebelumnya.

46 Pada waktu ini, begitu mendalamnya kesan yang dilakukan pada fikiranku, sehinggakan keinginan tidur telah lenyap dari mataku, dan aku berbaring dikuasai kekaguman terhadap apa yang telah aku lihat dan dengar. Tetapi alangkah terkejutnya aku apabila sekali lagi aku melihat utusan yang sama di tepi katilku, dan mendengar dia menceritakan kembali atau mengulangi sekali lagi kepadaku hal-hal yang sama seperti sebelumnya; dan menambahkan suatu peringatan kepadaku, memberitahu aku bahawa “Setan akan mencuba <sup>b</sup>menggodaku (disebabkan keadaan miskin keluarga ayahku), untuk memperoleh kepingan-kepingan itu untuk tujuan menjadi kaya. Ini dia larang aku, mengatakan bahawa aku mestilah tidak mempunyai tujuan lain dalam memperoleh kepingan-kepingan itu selain untuk memuliakan Tuhan, dan mestilah tidak dipengaruhi oleh ‘niat lain apa pun selain untuk membangunkan

42a PTS Minda.  
44a PTS Merenungkan.

46a PTS Iblis.  
b PTS Godaan,

Menggodak.  
c A&P 121:37.

kerajaan-Nya; jika tidak aku tidak akan dapat memperolehnya.

47 Selepas kunjungan ketiga ini, dia sekali lagi naik ke dalam syurga seperti sebelumnya, dan aku ditinggalkan sekali lagi untuk merenungkan tentang keanehan hal yang baru saja aku alami; dan dengan serta-merta selepas utusan syurgawi itu naik dariku untuk ketiga kalinya, ayam jantan berkokok, dan aku mendapati bahawa hari siang sedang menjelang, oleh itu perbincangan kami mestilah telah memakan masa sepanjang malam itu.

48 Aku bangun dari katilku tidak lama kemudian, dan, seperti biasa, pergi pada kerja yang perlu dilakukan pada hari itu; tetapi, semasa berusaha untuk bekerja seperti pada waktu-waktu yang lain, aku mendapati kekuatanku kehabisan sehingga menjadikan diriku sama sekali tidak berdaya. Ayahku, yang sedang bekerja bersamaku, mendapati sesuatu yang tidak kena denganku, dan menyuruh aku untuk pulang ke rumah. Aku memulakan dengan niat untuk pulang ke rumah; tetapi, sewaktu berusaha untuk memanjat pagar untuk keluar dari ladang di mana kami berada, kekuatanku gagal sama sekali, dan aku jatuh tidak berdaya di atas tanah, dan tidak sedarkan diri untuk suatu ketika.

49 Perkara pertama yang dapat aku ingat kembali adalah suatu suara yang berkata kepadaku, memanggil namaku. Aku mendongak, dan melihat utusan yang

sama berdiri di atas kepalaku, dikelilingi oleh cahaya seperti sebelumnya. Dia kemudian mengatakan lagi kepadaku semua yang telah dia katakan kepadaku pada malam sebelumnya, dan memerintahkanku untuk pergi kepada "ayahku dan menceritakan kepadanya tentang penglihatan dan perintah-perintah yang telah aku terima.

50 Aku patuh; aku kembali kepada ayahku di ladang, dan menceritakan kembali seluruh kejadian itu kepadanya. Dia menjawabku bahawa ia daripada Tuhan, dan memberitahu aku untuk pergi dan melakukan seperti yang diperintahkan oleh utusan itu. Aku meninggalkan ladang, dan pergi ke tempat di mana utusan itu telah memberitahu aku kepingan-kepingan itu tersimpan; dan disebabkan oleh kejelasan penglihatan yang telah aku peroleh tentangnya, aku mengenali tempat itu sebaik sahaja aku tiba di sana.

51 Tidak jauh dari desa Manchester, Ontario County, New York, ada sebuah "bukit yang cukup besar, dan yang paling tinggi di kawasan itu. Di bahagian barat bukit ini, tidak jauh dari puncaknya, di bawah sebuah batu yang cukup besar, terletak kepingan-kepingan itu, disimpan di dalam sebuah kotak batu. Batu ini tebal dan membulat di tengah pada bahagian atasnya, dan menipis ke bahagian tepinya, sehingga bahagian tengahnya kelihatan di atas tanah, tetapi di

sekeliling bahagian tepinya ditutupi dengan tanah.

52 Setelah mengalihkan tanah, aku mendapatkan sebatang pengumpul, yang aku letakkan di bawah bahagian tepi batu itu, dan dengan sedikit pengerahan tenaga dapat mengangkatnya. Aku melihat ke dalam, dan di sana memang aku melihat “kepingan-kepingan itu,<sup>b</sup> Urim dan Tumim, dan ‘perisai dada, sebagaimana yang dinyatakan oleh utusan itu. Kotak yang di dalamnya ia terletak dibentuk dengan meletakkan batu-batu bersama dalam sejenis simen. Pada dasar kotak itu diletakkan dua batu menyilangi kotak itu, dan di atas batu-batu ini terletak kepingan-kepingan itu dan benda-benda lain bersamanya.

53 Aku cuba untuk mengeluarkannya, tetapi dilarang oleh utusan itu, dan sekali lagi diberitahu bahawa waktu untuk mengeluarkannya belumlah tiba, tidak juga akan, sehingga empat tahun selepas waktu itu; tetapi dia memberitahu aku bahawa aku harus datang ke tempat itu tepat satu tahun selepas waktu itu, dan bahawa dia akan bertemu denganku di sana, dan bahawa aku mesti terus berbuat begitu sehingga waktunya akan tiba untuk mendapatkan kepingan-kepingan itu.

54 Sesuai dengan itu, sebagaimana aku telah diperintahkan, aku pergi pada setiap akhir tahun, dan pada setiap kalinya aku

menemukan utusan yang sama di sana, dan menerima petunjuk dan pengetahuan daripadanya pada setiap perbincangan kami, berkenaan apa yang Tuhan akan lakukan, dan bagaimana dan dengan cara apa “kerajaan-Nya mesti dikendalikan pada zaman akhir ini.

*Joseph Smith mengahwini Emma Hale—Dia menerima kepingan-kepingan emas daripada Moroni dan menterjemahkan beberapa huruf-huruf itu—Martin Harris memperlihatkan huruf-huruf dan terjemahan itu kepada Profesor Anthon, yang mengatakan, “Aku tidak dapat membaca sebuah kitab yang termeterai.” (Ayat 55–65.)*

55 Kerana keadaan duniawi ayahku sangat terhad, kami perlu bekerja dengan tangan kami, mendapatkan upah dengan kerja harian dan dengan cara lain, selagi kami mendapat peluang. Kadang-kadang kami berada di rumah, dan kadang-kadang di luar daerah, dan dengan terus bekerja membolehkan kami memperoleh sara hidup yang selesa.

56 Pada tahun 1823 keluarga ayahku ditimpa dengan suatu kesengsaraan yang hebat dengan kematian abang sulungku, “Alvin. Pada bulan Oktober 1825, aku diupah oleh seorang lelaki tua yang bernama Josiah Stool, yang tinggal di Chenango County, Negeri New York. Dia telah mendengar sesuatu tentang sebuah lombong

52a Morm. 6:6.  
pts Kepingan-kepingan Emas.

b pts Urim dan Tumim.  
c pts Perisai dada.  
54a pts Kerajaan Tuhan

atau Kerajaan Syurga.  
56a A&P 137:5–8.

perak yang telah dibuka oleh orang-orang Sepanyol di Harmony, Susquehanna County, Negeri Pennsylvania; dan sebelum aku diupah olehnya, sudah menggali, agar, jika dapat, untuk mencari lombong itu. Setelah aku pergi untuk tinggal bersamanya, dia mengambilku, dengan kakitangannya yang lain, untuk menggali lombong perak itu, di mana aku terus bekerja selama hampir sebulan, tanpa hasil dalam pekerjaan kami, dan akhirnya aku berjaya memujuk lelaki tua itu untuk berhenti menggalnya. Dari situ timbulnya cerita yang tersebar luas tentang diriku sebagai seorang penggali harta.

57 Sepanjang waktu aku diupah, aku ditempatkan untuk menumpang bersama Tuan Isaac Hale, dari tempat itu; di sanalah aku pertama kalinya melihat isteriku (anak perempuannya), “Emma Hale. Pada tarikh 18 Januari 1827, kami berkahwin, semasa aku masih lagi diupah bekerja untuk Tuan Staal.

58 Disebabkan aku terus menegaskan bahawa aku telah melihat sebuah penglihatan, “penganiayaan masih mengikutiku, dan keluarga isteriku sangat menentang perkahwinan kami. Oleh kerana itu, aku perlu membawanya ke tempat lain; jadi kami pergi dan berkahwin di rumah Majistret Tarbill, di South Bainbridge, Chenango County, New York. Dengan segera selepas pernikahanku,

aku meninggalkan Tuan Staal, dan pergi kepada ayahku, dan bertani dengannya pada musim itu.

59 Pada akhirnya waktunya tiba untuk mendapatkan kepingan-kepingan, Urim dan Tumim, dan perisai dada itu. Pada hari kedua puluh dua bulan September, seribu lapan ratus dua puluh tujuh, setelah pergi seperti biasa pada akhir tahun yang lain ke tempat di mana ia disimpan, utusan syurgawi yang sama menyerahkannya kepadaku dengan tanggungjawab ini: bahawa aku mesti bertanggungjawab atasnya; bahawa jika aku akan membiarkannya terlepas kerana cuai, atau melalui apa pun “kelalaian diriku, aku akan disingkirkan; tetapi bahawa jika aku akan menggunakan segala usahaku untuk “melindunginya, sehingga dia, utusan itu, akan datang mengambilnya, ia akan dilindungi.

60 Tidak lama kemudian aku mengetahui sebab mengapa aku telah menerima perintah-perintah yang sangat ketat untuk menjaganya dengan selamat, dan mengapa utusan itu berkata bahawa apabila aku telah melakukan apa yang dituntut dari tanganku, dia akan datang mengambilnya. Kerana tidak lama setelah diketahui bahawa aku memilikinya, usaha-usaha yang paling dahsyat digunakan untuk mendapatkannya daripadaku. Setiap tipu muslihat yang dapat diciptakan digunakan untuk tujuan itu. Penganiayaan menjadi lebih

57a *pts* Emma Hale Smith.  
58a *pts* Aniaya,  
Penganiayaan.

59a JS—S 1:42.  
b *pts* Tulisan Suci—  
Tulisan suci yang

akan dipelihara.

pahit dan teruk daripada sebelumnya, dan orang ramai sentiasa bersedia untuk mendapatkannya daripadaku jika mungkin. Tetapi dengan kebijaksanaan Tuhan, ia tetap selamat dalam tanganku, sehingga aku telah menyempurnakan apa yang dituntut dari tanganku. Apabila, seperti yang telah dirancangan, utusan itu datang mengambilnya, aku menyerahkannya kepadanya; dan dia memilikinya dalam jagaannya sehingga ke hari ini, hari kedua dalam bulan Mei, seribu lapan ratus tiga puluh lapan.

61 Kekecohan itu, walau bagaimanapun, masih berlanjutan, dan khabar angin dengan ribuan lidahnya digunakan sepanjang waktu untuk menyebarkan kebohongan tentang keluarga ayahku, dan tentang diriku. Jika aku memberitahu seperseribu bahagian daripadanya, ia akan mengisi berjilid-jilid buku. Penganiayaan, walau bagaimanapun, menjadi sangat tak bertanggung sehingga aku terpaksa kerana perlu untuk meninggalkan Manchester, dan pergi bersama isteriku ke Susquehanna County, di Negeri Pennsylvania. Semasa bersiap sedia untuk bermula—kerana sangat miskin, dan penganiayaan begitu berat ke atas kami sehingga tidak ada kemungkinan yang keadaan kami akan berubah sebaliknya—di tengah-tengah kesengsaraan kami, kami menemukan seorang sahabat yang bernama “Martin Harris, yang datang kepada kami dan memberikan kami

lima puluh dolar untuk membantu kami dalam perjalanan kami. Tuan Harris adalah seorang penduduk kota Palmyra, Wayne County, di Negeri New York, dan seorang petani yang dihormati.

62 Dengan bantuan yang tepat pada waktunya itu aku dapat sampai ke tempat tujuanku di Pennsylvania; dan dengan segera setelah tibanya aku di sana aku mula menyalin huruf-huruf dari kepingan-kepingan itu. Aku menyalin sejumlah besar daripadanya, dan melalui “Urim dan Tumim aku menterjemahkan sebahagian daripadanya, yang aku lakukan di antara waktu aku tiba di rumah ayah isteriku, pada bulan Desember, dan bulan Februari berikutnya.

63 Suatu masa pada bulan Februari ini, Tuan Martin Harris tersebut telah datang ke tempat kami, mengambil huruf-huruf yang aku telah salin dari kepingan-kepingan itu, dan mula membawanya ke kota New York. Perkara yang terjadi dengan dia dan huruf-huruf itu, aku merujuk kepada catatannya sendiri tentang keadaan itu, seperti yang dia beritahukan kepadaku selepas dia kembali, yang adalah seperti berikut:

64 “Aku pergi ke kota New York, dan menyampaikan huruf-huruf yang telah diterjemahkan, dengan terjemahannya, kepada Profesor Charles Anthon, seorang lelaki yang terkenal dengan kejayaan-kejayaannya dalam kesusasteraan. Profesor Anthon

menyatakan bahwa terjemahan itu betul, bahkan lebih daripada apa pun yang pernah dia lihat sebelum ini diterjemahkan dari bahasa Mesir. Aku kemudian menunjukkan kepadanya bahagian yang belum diterjemahkan, dan dia mengatakan bahwa itu adalah bahasa Mesir, bahasa Kasdim, bahasa Assyria, dan bahasa Arab; dan dia mengatakan ianya adalah huruf-huruf yang asli. Dia memberikanku sekeping sijil, membuktikan kepada orang-orang di Palmyra bahwa itu adalah huruf-huruf yang asli, dan bahwa terjemahan yang telah dibuat juga betul. Aku mengambil sijil itu dan meletakkannya ke dalam sakuku, dan baru sahaja ingin meninggalkan rumah itu, apabila Tuan Anthon memanggilku kembali, dan menanyakan bagaimana pemuda itu menemukan bahwa adanya kepingan-kepingan emas di tempat dia menemuinya. Aku menjawab bahwa seorang malaikat Tuhan telah memberitahunya kepada dia.

65 “Dia kemudiannya berkata kepadaku, ‘Biar aku melihat sijil itu.’ Aku pun mengambilnya dari sakuku dan memberikan kepadanya, lalu dia mengambilnya dan mengoyakkannya bercebis-cebis, mengatakan bahwa sekarang tidak ada hal yang semikiannya seperti pelayanan “para malaikat, dan bahwa jika aku mahu membawa kepingan-kepingan itu kepadanya dia akan

menterjemahkannya. Aku memberitahunya bahwa sebahagian daripada kepingan-kepingan itu telah <sup>b</sup>dimeterai, dan bahwa aku dilarang untuk membawanya. Dia menyahut, ‘Aku tidak dapat membaca sebuah kitab yang termeterai.’ Aku meninggalkannya dan pergi kepada Dr. Mitchell, yang mengesahkan apa yang telah dikatakan oleh Profesor Anthon tentang huruf-huruf dan terjemahan itu.”

.....

*Oliver Cowdery melayani sebagai jurutulis dalam penterjemahan Kitab Mormon—Joseph dan Oliver menerima Imamat Harun daripada Yohanes Pembaptis—Mereka dibaptiskan, ditahbiskan, dan menerima roh nubuat. (Ayat 66–75.)*

66 Pada hari ke-5 bulan April 1829, “Oliver Cowdery datang ke rumahku, sehinggalah waktu itu aku belum pernah melihatnya. Dia menyatakan kepadaku bahwa dia sedang mengajar sekolah di kawasan di mana ayahku tinggal, dan ayahku ialah salah satu seorang daripada mereka yang menghantar ke sekolah itu, dia telah menumpang untuk suatu masa di rumahnya, dan sementara dia berada di sana keluarga itu memberitahunya kepadanya keadaan ku setelah menerima kepingan-kepingan itu, dan disebabkan itu dia telah datang untuk bertanya kepadaku.

67 Dua hari selepas ketibaan

65a prs Malaikat-malaikat.  
b Yes. 29:11–12;

2 Ne. 27:10;  
Eter 4:4–7.

66a prs Oliver Cowdery.

Tuan Cowdery (iaitu pada tarikh 7 April) aku mula menterjemahkan Kitab Mormon, dan dia mula menulis bagiku.

.....

68 Kami masih meneruskan pekerjaan penterjemahan, apabila, pada bulan yang berikutnya (Mei 1829), pada suatu hari kami pergi ke hutan untuk berdoa dan bertanya kepada Tuhan tentang “pembaptisan untuk <sup>b</sup>pengampunan dosa-dosa, yang kami temui disebut di dalam penterjemahan kepingan-kepingan itu. Sementara kami melakukan demikian, berdoa dan meminta kepada Tuhan, seorang <sup>c</sup>utusan dari syurga turun di dalam suatu <sup>d</sup>awan cahaya, dan setelah meletakkan <sup>e</sup>tangannya ke atas kami, dia <sup>f</sup>menahbiskan kami, mengatakan:

69 *Ke atas dirimu para hamba sesama, di dalam nama Mesias aku menganugerahkan <sup>a</sup>Imamat Harun, yang memegang kunci-kunci pelayanan para malaikat, dan Injil pertaubatan, dan pembaptisan melalui*

*pencelupan untuk pengampunan dosa-dosa; dan ini tidak akan pernah diambil lagi dari bumi, sehingga anak-anak lelaki <sup>b</sup>Lewi mempersembahkan lagi suatu persembahan kepada Tuhan dalam kesolehan.*

70 Dia mengatakan bahawa Imamat Harun ini tidak memiliki kuasa perletakan tangan untuk “kurnia Roh Kudus, tetapi ini akan dianugerahkan ke atas kami selepas ini; dan dia memerintahkan kami untuk pergi dan dibaptiskan, dan memberi kami arahan-arahan bahawa aku harus membaptis Olive Cowdery, dan selepas itu dia harus membaptisku.

71 Kerana itu kami pergi dan dibaptiskan. Mula-mula aku membaptisnya, dan selepas itu dia membaptisku—yang mana selepas itu aku meletakkan tanganku ke atas kepalanya dan menahbiskannya pada Imamat Harun, dan selepas itu dia meletakkan tangannya ke atasku dan menahbiskanku pada Imamat yang sama—kerana demikianlah kami diperintahkan.\*

72 Utusan yang mengunjungi

\*Oliver Cowdery menggambarkan kejadian-kejadian ini sedemikian: “Inilah hari-hari yang tidak akan pernah dilupakan—duduk di bawah bunyi suara yang dibimbing melalui inspirasi dari syurga, membangunkan rasa kesyukuran yang penuh di dalam sanubari ini! Dari hari ke hari aku meneruskan, tanpa halangan, untuk menulis daripada mulutnya, semasa dia menterjemah dengan Urim dan Tumim, atau, seperti yang bangsa Nefi telah katakan, ‘Penafsir,’ sejarah atau catatan itu yang dipanggil ‘Kitab Mormon.’

“Untuk menyebutkan, bahkan dalam beberapa patah kata, laporan menarik yang diberikan oleh Mormon dan anak lelakinya yang setia, Moroni, tentang orang-orang

68a prs Pembaptisan,  
Membaptis.  
b prs Pengampunan  
Dosa-dosa.  
c prs Yohanes  
Pembaptis.  
d Bil. 11:25;

Eter 2:4–5, 14;  
A&P 34:7.  
e FK 1:5.  
prs Perletakan Tangan.  
f prs Tahbis,  
Pentahbisian;  
Wewenang.

69a prs Imamat Harun.  
b Ul. 10:8;  
A&P 13; 124:39.  
prs Lewi—Suku Lewi.  
70a prs Kurnia Roh  
Kudus.

kami semasa kejadian ini dan menganugerahkan Imam ini ke atas kami, mengatakan bahawa namanya ialah Yohanes, orang yang sama yang disebut <sup>a</sup>Yohanes Pembaptis dalam Perjanjian Baru, dan bahawa dia bertindak di bawah arahan <sup>b</sup>Petrus, <sup>c</sup>Yakobus, dan <sup>d</sup>Yohanes, yang memegang <sup>e</sup>kunci-kunci Imam <sup>f</sup>Melkisedek, yang mana Imam itu, dia berkata, pada waktu yang tepat akan di-anugerahkan ke atas kami, dan bahawa aku akan dipanggil <sup>g</sup>Penatua Gereja yang pertama, dan dia (Oliver Cowdery) yang kedua. Ianya terjadi pada hari kelima belas bulan Mei 1829, bahawa kami ditahbiskan di bawah tangan utusan ini, dan dibaptiskan.

73 Dengan segera apabila kami keluar dari air selepas dibaptiskan, kami mengalami berkat-berkat yang besar dan mulia daripada Bapa Syurgawi. Tidak lama selepas aku membaptiskan Oliver Cowdery, “Roh Kudus turun ke atasnya, dan dia berdiri dan

<sup>b</sup>berbuat banyak hal yang tidak lama lagi akan terjadi. Dan lagi, tidak lama selepas aku dibaptiskan olehnya, aku juga memperoleh roh nubuat, apabila, aku berdiri, aku berbuat tentang kebangkitan Gereja ini, dan banyak lagi hal lain yang berkaitan dengan Gereja, dan generasi anak-anak manusia ini. Kami dipenuhi dengan Roh Kudus, dan bersukacita di dalam Tuhan keselamatan kita.

74 Fikiran kami sekarang diterangi, kami mula merasakan tulisan suci terbuka bagi “pemahaman kami, dan tujuan dan maksud yang <sup>b</sup>sebenarnya daripada petikan-petikkannya yang lebih misteri didedahkan kepada kami dalam suatu cara yang tidak pernah kami dapatkan sebelum ini, mahupun pernah terfikirkan sebelum ini. Sementara itu kami dipaksa untuk menyimpan rahsia tentang keadaan kami yang telah menerima Imam dan dibaptiskan, disebabkan oleh semangat penganiayaan yang telah wujud di kawasan itu.

yang dahulunya dikasihi dan disenangi syurga, akan menggantikan rancanganku sekarang; oleh kerana itu aku akan menangguhkannya ke suatu waktu yang akan datang, dan, seperti yang aku katakan dalam pengenalan, khususnya lebih kepada kejadian-kejadian yang berkait rapat dengan kebangkitan Gereja ini, yang mungkin menarik bagi beberapa ribu orang yang telah melangkah ke depan, di tengah-tengah kebencian orang-orang fanatik dan fitnah mereka yang munafik, dan memeluk Injil Kristus.

“Tiada seorang pun, dalam kewarasan mereka, dapat menterjemahkan dan menulis arahan-arahan yang diberikan kepada bangsa Nefi daripada mulut Juruselamat, cara yang tepat bagi manusia untuk membangunkan Gereja-Nya, dan terutamanya apabila kejahatan telah menyebarkan suatu ketidakpastian dalam segala bentuk dan sistem yang diamalkan di kalangan manusia, tanpa menghasratkan suatu kesempatan

72a pts Yohanes Pembaptis.

b A&P 27:12–13. pts Petrus.

c pts Yakobus, Anak lelaki Zebedeus.

d pts Yohanes, Anak lelaki Zebedeus.

e pts Kunci-kunci Imam.

f pts Imam Melkisedek.

g pts Penatua.

73a pts Roh Kudus.

b pts Nubuat, Bernubuat.

74a pts Pemahaman.

b Yoh. 16:13.

75 Kami telah diancam untuk diserang, dari waktu ke waktu, dan ini, juga, oleh para profesor agama. Dan tujuan mereka untuk menyerang kami hanyalah dihalang oleh pengaruh keluarga ayah isteriku (di bawah pemeliharaan Ilahi yang baik), yang telah menjadi sangat baik kepadaku, dan yang

menentang kumpulan-kumpulan perusuh, dan inginkan aku untuk meneruskan pekerjaan penterjemahan tanpa halangan; dan oleh kerana itu telah menawarkan dan menjanjikan kami perlindungan dari segala tindakan yang tidak sah, sejauh yang mereka mampu.

untuk menunjukkan kerelaan hati dengan dikuburkan ke dalam kuburan air, untuk menjawab suatu 'suara hati yang baik melalui kebangkitan Yesus Kristus.'

"Selepas menulis laporan yang diberikan tentang pelayanan Juruselamat kepada keturunan Yakub yang selebihnya, di atas benua ini, adalah mudah untuk dilihat, seperti yang dikatakan oleh nabi yang akan terjadi, bahawa kegelapan menyelubungi bumi dan kegelapan pekat menyelubungi fikiran orang-orang itu. Apabila merenungkannya dengan lebih mendalam, adalah mudah untuk dilihat bahawa di tengah-tengah pertikaian dan kekecohan yang hebat tentang agama itu, tiada seorang pun yang memiliki wewenang daripada Tuhan untuk melaksanakan tatacara-tatacara Injil. Kerana sebuah persoalan boleh ditanyakan, adakah manusia memiliki wewenang untuk melayani dalam nama Kristus, yang menyangkal wahyu, sedangkan kesaksian-Nya tidak kurang daripada roh nubuat, dan agama-Nya berdasarkan, dibangunkan, dan disokong oleh wahyu-wahyu secara langsung, di dalam semua zaman dunia ini semasa Dia mempunyai umatnya di bumi ini? Jika fakta-fakta ini dikuburkan, dan disembunyikan dengan cermat oleh manusia yang kelicikannya akan berada dalam bahaya jika sekali saja ianya diizinkan untuk terdedah kepada umat manusia, didedahkan kepada kita; kita hanya menunggu untuk perintah diberikan 'Bangunlah dan dibaptiskan.'

"Belum lama hasrat ini diinginkan, ianya telah dijadikan nyata. Tuhan, yang kaya dengan belas kasihan, dan sentiasa bersedia untuk menjawab doa-doa tanpa henti daripada mereka yang rendah hati, selepas kami meminta kepada-Nya dengan bersungguh-sungguh, jauh dari tempat tinggal manusia, merendahkan diri untuk menyatakan kepada kami kehendak-Nya. Dengan tiba-tiba, seolah-olah dari pusat keabadian, suara Penebus memfirmankan kedamaian kepada kami, manakala tirai terbuka dan malaikat Tuhan turun dilitupi dengan kemuliaan, dan menyampaikan pesanan yang dinanti-nantikan, dan kunci-kunci Injil pertaubatan. Alangkah bahagiannya! alangkah ajaibnya! alangkah menakjubkan! Sementara dunia terseksa dan bingung—sementara berjuta-juta orang sedang meraba-raba bagaikan orang buta mencari dinding, dan sementara semua orang sedang bersandar pada ketidakpastian, bagaikan di khalayak orang ramai, mata kami telah melihat, telinga kami telah mendengar, bagaikan 'siang yang terang'; ya, lebih—melampaui kilauan sinar matahari di bulan Mei, yang pada waktu itu mencurahkan kegemerlapannya di atas permukaan alam! Kemudian suaranya, walaupun lembut, menusuk hati, dan perkataannya, 'Akulah hamba sesamamu,' menghilangkan setiap rasa takut. Kami mendengar, kami menatap, kami mengaguminya! Itulah suara seorang malaikat dari kemuliaan, itulah sebuah pesanan daripada Yang Maha Tinggi! Dan semasa kami mendengarnya kami bersukacita, sementara kasih-Nya bersemarak di jiwa kami, dan kami dilitupi dalam penglihatan Yang Maha Kuasa! Di manakah ruang untuk keraguan? Tiada; ketidakpastian telah pergi, keraguan telah tenggelam tidak lagi timbul, sementara khayalan dan penipuan telah pergi selamanya!

“Tetapi, saudara yang dikasihi, fikirkanlah, fikirkanlah dengan mendalam untuk seketika, alangkah bahagiannya hati kami dipenuhi, dan dengan kejutan apakah yang telah menundukkan kami, (kerana siapakah yang tidak akan berlutut untuk suatu berkat yang sedemikian?) semasa kami menerima Imamat Kudus daripada tangannya sambil dia berkata, ‘Ke atasmu para hamba sesamaku, dalam nama Mesias, aku menganugerahkan Imamat ini dan wewenang ini, yang akan tetap berada di atas bumi, agar para anak lelaki Lewi masih boleh mempersembahkan suatu persembahan bagi Tuhan dalam kesolehan!’

“Saya tidak akan cuba untuk melukiskan kepada Anda perasaan hati ini, ataupun keindahan dan kemuliaan yang penuh keagungan yang mengelilingi kami semasa kejadian ini; tetapi Anda akan mempercayai saya apabila saya katakan, bumi ini, mahupun manusia, walau dengan kemahiran berbicara, tidak dapat berbicara semenaarik dan dengan suatu cara yang menakjubkan seperti lembaga yang kudus ini. Tiada; ataupun bumi ini tidak mempunyai kuasa untuk memberikan kebahagiaan, menganugerahkan kedamaian, atau memahami kebijaksanaan yang terkandung di dalam setiap ayat sebagaimana ianya disampaikan melalui kuasa Roh Kudus! Manusia boleh menipu sesama sendiri, penipuan demi penipuan, dan anak-anak orang yang jahat boleh mempunyai kebolehan untuk memujuk yang kurang bijak dan tidak terpelajar, sehinggalah tiada apa pun selain kekosongan mempengaruhi banyak orang, dan buah kepalsuan menghanyutkan kebanyakan mereka dengan arusnya ke kubur; tetapi dengan satu sentuhan jari kasih-Nya, ya, satu sinar cahaya kemuliaan dari dunia yang di atas, atau satu firman dari mulut Juruselamat, dari sanubari kebadian, menjadikan semuanya tidak bermakna, dan menyingkirkan ia selamanya dari fikiran. Jaminan bahawa kami pernah berada di dalam hadirat seorang malaikat, kepastian bahawa kami telah mendengar suara Yesus, dan kebenaran yang tak tercela sebagaimana ianya datang daripada seorang lembaga yang murni, dibimbing melalui kehendak Tuhan, bagiku adalah melebihi gambaran, dan saya akan sentiasa melihat kebaikan Juruselamat ini dengan kekaguman dan kesyukuran selagi saya diizinkan untuk hidup; dan di dalam rumah-rumah agam di mana kesempurnaan berada dan dosa tidak pernah ada, saya berharap untuk memuja pada hari itu yang tidak akan pernah berakhir.”—*Messenger and Advocate*, jld. 1 (Oktober 1834), hlm. 14–16.

# FASAL-FASAL KEPERCAYAAN

DARI GEREJA YESUS KRISTUS ORANG SUCI ZAMAN AKHIR

**K**AMI <sup>a</sup>percaya kepada <sup>b</sup>Tuhan, Bapa Yang Abadi, dan kepada <sup>c</sup>Putera-Nya, Yesus Kristus, dan kepada <sup>d</sup>Roh Kudus.

2 Kami percaya bahawa manusia akan dihukum kerana dosa-dosa mereka <sup>a</sup>sendiri, dan bukan kerana pelanggaran <sup>b</sup>Adam.

3 Kami percaya bahawa melalui <sup>a</sup>Korban Tebusan Kristus, seluruh umat manusia boleh <sup>b</sup>diselamatkan, melalui <sup>c</sup>kepatuhan pada <sup>d</sup>hukum-hukum dan tatacara-tatacara <sup>e</sup>Injil.

4 Kami percaya bahawa asas-asas dan <sup>a</sup>tatacara-tatacara pertama Injil adalah: pertama, <sup>b</sup>Iman kepada Tuhan Yesus Kristus; kedua, <sup>c</sup>Pertaubatan; ketiga, <sup>d</sup>Pembaptisan

melalui pencelupan untuk <sup>e</sup>pengampunan dosa-dosa; keempat, Perletakan <sup>f</sup>tangan untuk <sup>g</sup>kurnia Roh Kudus.

5 Kami percaya bahawa seorang lelaki mesti <sup>a</sup>dipanggil oleh Tuhan, melalui <sup>b</sup>nubuat, dan melalui perletakan <sup>c</sup>tangan oleh mereka yang <sup>d</sup>berwewenang, untuk <sup>e</sup>mengkhtubahkan Injil dan melaksanakan <sup>f</sup>tatacara-tatacaranya.

6 Kami percaya kepada <sup>a</sup>organisasi yang sama yang ada di dalam Gereja Purba, iaitu, <sup>b</sup>para rasul, <sup>c</sup>nabi, <sup>d</sup>gembala, pengajar, <sup>e</sup>pemberita Injil, dan seterusnya.

7 Kami percaya kepada <sup>a</sup>kurnia-kurnia <sup>b</sup>bahasa, <sup>c</sup>nubuat, <sup>d</sup>wahyu, <sup>e</sup>penglihatan, <sup>f</sup>penyembuhan,

- 1 1a pts Kepercayaan, Percaya.  
b pts Tuhan, Kesatuan Ketuhanan—Tuhan Bapa.  
c pts Tuhan, Kesatuan Ketuhanan—Tuhan Putera Bapa; Yesus Kristus.  
d pts Roh Kudus; Tuhan, Kesatuan Ketuhanan—Tuhan Roh Kudus.  
2a Ul. 24:16; Yeh. 18:19–20.  
pts Bertanggungjawab, Laporan, Bertanggungjawaban; Hak pilihan.  
b pts Kejatuhan Adam dan Hawa.  
3a pts Menebus, Korban Tebusan.

- b Mosia 27:24–26; Musa 5:9.  
pts Keselamatan.  
c pts Patuh, Kepatuhan, Mematuhi.  
d pts Hukum.  
e pts Injil.  
4a pts Tatacara-tatacara.  
b pts Iman.  
c pts Bertaubat, Pertaubatan.  
d pts Pembaptisan, Membaptis.  
e pts Pengampunan Dosa-dosa.  
f pts Perletakan Tangan.  
g pts Kurnia Roh Kudus.  
5a pts Dipanggil oleh Tuhan, Memanggil, Panggilan.  
b pts Nubuat, Bernubuat.

- c pts Perletakan Tangan.  
d pts Imamat; Wewenang.  
e pts Mengkhtubahkan.  
f Alma 13:8–16.  
6a pts Tanda-tanda Gereja yang Benar—Organisasi Gereja.  
b pts Rasul.  
c pts Nabi.  
d pts Uskup.  
e pts Bapa Bangsa, Kebapabangsaan; Pemberita Injil.  
7a pts Kurniaan Roh.  
b pts Kurnia Bahasa.  
c pts Nubuat, Bernubuat.  
d pts Wahyu.  
e pts Penglihatan.  
f pts Sembuh, Penyembuhan.

<sup>s</sup>penafsiran bahasa, dan seterusnya.

8 Kami percaya <sup>a</sup>Alkitab adalah <sup>b</sup>firman Tuhan sejauh mana ianya diterjemahkan dengan <sup>c</sup>betul; kami juga percaya <sup>d</sup>Kitab Mormon adalah firman Tuhan.

9 Kami percaya segala yang Tuhan telah <sup>wahyukan</sup>, segala yang Dia wahyukan sekarang, dan kami percaya bahawa Dia akan <sup>mewahyukan</sup> hal-hal yang besar dan penting berkaitan dengan Kerajaan Tuhan.

10 Kami percaya kepada <sup>pengumpulan</sup> harfiah Israel dan kepada pemulihan <sup>Sepuluh Suku</sup>; bahawa <sup>Sion</sup> (Yerusalem Baru) akan dibangunkan di atas benua Amerika; bahawa Kristus sendiri akan <sup>memerintah</sup> di atas bumi; dan, bahawa bumi akan <sup>diperbaharui</sup> dan menerima <sup>kemuliaan</sup> <sup>firdausnya</sup>.

11 Kami menuntut <sup>hak</sup> untuk menyembah Tuhan Yang Maha Kuasa menurut <sup>ketetapan</sup> <sup>suara</sup>

hati kami, dan memberikan hak yang sama kepada semua orang, biarlah mereka <sup>menyembah</sup> bagaimana, di mana, atau apa pun yang mereka mahu.

12 Kami percaya untuk tunduk kepada raja-raja, presiden, para pemerintah, dan majistret, dalam mematuhi, menghormati, dan menjunjung <sup>undang-undang</sup>.

13 Kami percaya harus <sup>jujur</sup>, benar, <sup>murni</sup>, baik hati, berhemah, dan dalam <sup>melakukan</sup> kebaikan kepada semua orang; tentunya, kami boleh mengatakan bahawa kami mengikuti <sup>peringatan</sup> Paulus—Kami percaya segala hal, kami <sup>mengharapkan</sup> segala hal, kami telah melalui banyak hal, dan berharap untuk mampu <sup>bertahan</sup> akan segala hal. Jika terdapat apa-apa pun yang <sup>berhemah</sup>, indah, atau dikatakan baik atau layak dipuji, kami mencari hal-hal sebegini.

JOSEPH SMITH.

7 g 1 Kor. 12:10; Morm. 9:7-8.  
 8 a pts Alkitab.  
 b pts Firman Tuhan.  
 c 1 Ne. 13:20-40; 14:20-26.  
 d pts Kitab Mormon.  
 9 a pts Wahyu.  
 b Am. 3:7; A&P 121:26-33. pts Tulisan Suci—Tulisan suci yang dinubuat akan datang.  
 10 a Yes. 49:20-22; 60:4; 1 Ne. 19:16-17. pts Israel—Pengumpulan Israel.

b pts Israel—Sepuluh suku Israel yang hilang.  
 c Eter 13:2-11; A&P 45:66-67; 84:2-5; Musa 7:18. pts Sion; Yerusalem Baru.  
 d pts Zaman Seribu Tahun.  
 e pts Bumi—Pembersihan bumi.  
 f pts Kemuliaan.  
 g IAITU suatu keadaan seperti Taman Eden; Yes. 11:6-9; 35; 51:1-3; 65:17-25;

Yeh. 36:35. pts Firdaus.  
 11 a A&P 134:1-11.  
 b pts Hak pilihan.  
 c pts Hati nurani.  
 d pts Menyembah.  
 12 a A&P 58:21-23. pts Hukum.  
 13 a pts Integriti; Jujur, Kejujuran.  
 b pts Kemurnian diri.  
 c pts Pelayanan.  
 d Flp. 4:8.  
 e pts Harapan.  
 f pts Bertahan.  
 g pts Hemah; Kesopanan.



